



# KETEGUHAN MASA DEPAN

Mencipta Semula  
Untuk Kejayaan Mampan

Laporan Tahunan  
2020



## RASIONAL

### **KETEGUHAN MASA DEPAN**

#### **Mencipta Semula Untuk Kejayaan Mampan**

Membina sebuah organisasi yang utuh dan mampu mengukir kejayaan yang mampan, cemerlang serta menyerlah merupakan strategi Johor Corporation (JCorp) dalam mengorak langkah ke hadapan. Perubahan dalam model perniagaan pastinya menuntut semangat yang kental seteguh besi. Asas keyakinan ini terangkum menerusi paparan muka depan yang menampilkan sekeping logam yang digilap sempurna bagi membiaskan keutuhan semangat dan keazaman yang tidak goyah demi menempa kejayaan, biarpun dalam menempuh waktu-waktu getir ini, yang dilatari pelbagai cabaran dan rintangan.

# MENGENAI JOHOR CORPORATION

Johor Corporation Ditubuhkan Sebagai Sebuah Institusi Pembangunan Utama Untuk Mendorong Pertumbuhan Ekonomi Negeri Johor Menerusi Enakmen JCorp No. 4 1968 (Sebagaimana Pindaan Di Bawah Enakmen No. 5, 1995).

## MISI MEMBINA & MEMBELA

### MEMBINA

Memanfaatkan pertumbuhan perniagaan yang berterusan, mewujudkan bisnes entiti yang berdaya maju, menjana keuntungan dan dipandang tinggi.

Menumpukan

#### FOKUS KEPADA PERNIAGAAN TERAS



Agribisnes



Kesejahteraan & Kesihatan



Makanan & Restoran



Hartanah & Infrastruktur

Memupuk daya pemikiran ke arah

#### ORGANISASI BERPANDUKAN DIGITAL

Meningkatkan ketepatan dan kecekapan dalam membuat keputusan melalui analisis data

Mencipta pengalaman digital yang unik bagi pihak berkepentingan di semua peringkat

#### KEMAHIRAN KRITIKAL

yang diperlukan untuk mencapai objektif dan matlamat penciptaan semula.



Analitik



Pemikiran yang pintar dan kreatif



Kepimpinan



Ketangkasan

### MEMBELA

Menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan nasional serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Memberi penekanan kepada

#### PENGAMBILAN SEMULA / PENAMBAHBAIKAN

warga Johor.

Ditubuhkan pada tahun 1993, Pusat Pembangunan Kemahiran Johor bertujuan melatih individu agar dapat mengembangkan kemahiran sedia ada dan sesuai dengan keperluan negara.



Sasaran peserta

**88,142**  
menjelang 2025



JCorp Education Sponsorship Programme (JESP)

Projek Tuisyen oleh Yayasan JCorp

Books for Asia oleh Yayasan JCorp

BERBAKTI kepada masyarakat

- Pemberian '**manfaat**' oleh Waqaf An-Nur
- Sumbangan kepada **bidang sukan dan golongan kurang berkemampuan dan kurang bernasib baik**
- **Pusat Waqaf Komuniti** – tukang jahit dan tukang gunting
- Dana Niaga – **Kredit Mikro**

# KANDUNGAN LAPORAN

## SEKSYEN 1 PENYATA KORPORAT

- 04. Perutusan Pengerusi
- 06. Penyata Korporat

## SEKSYEN 2 MENGENAI JOHOR CORPORATION

- 14. Profil & Maklumat Korporat
- 16. Struktur Bisnes & Korporat
- 18. Profil Lembaga Pengarah
- 22. Barisan Pengurusan Tertinggi

## SEKSYEN 3 RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN

- 26. Penyata Pendapatan Komprehensif Kumpulan
- 28. Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan
- 30. Penyata Perubahan Ekuiti Kumpulan
- 32. Penyata Aliran Tunai Kumpulan
- 35. Penyata Pendapatan Komprehensif
- 36. Penyata Kedudukan Kewangan
- 38. Penyata Perubahan Ekuiti
- 39. Penyata Aliran Tunai
- 41. Ringkasan Prestasi Kewangan

## SEKSYEN 4 PROSPEK

- 46. Laporan Ekonomi  
Laporan Bisnes Teras:
  - 50. Bahagian Agribisnes
  - 60. Bahagian Kesejahteraan & Kesihatan
  - 64. Bahagian Makanan & Restoran
  - 84. Bahagian Hartanah & Infrastruktur
  - 88. Laporan Divisyen Pelaburan
- 94. Laporan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan
- 98. Laporan Waqaf An-Nur Corporation Berhad
- 102. Laporan Yayasan Johor Corporation

## SEKSYEN 5 PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

- 108. Penyata Tadbir Urus Korporat
- 113. Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
- 118. Laporan Jawatankuasa Lembaga Audit dan Risiko



SEKSYEN 1

# PENYATA KORPORAT



**04.** Perutusan Pengerusi

**06.** Penyata Korporat

# PERUTUSAN PENGERUSI



**DENGAN NAMA ALLAH YANG  
MAHA PEMURAH LAGI MAHA  
MENGASIHANI**

Alhamdulillah, dengan limpah kurnia Allah SWT, Johor Corporation telah berjaya mengharungi tahun 2020 yang mencabar ekonomi sejagat dan penuh ketidakpastian. Ia merupakan hasil usaha berterusan daripada semua pihak berkaitan yang telah bertungkus lumus dengan gigih dan penuh dedikasi.

**DATO' HAJI HASNI MOHAMMAD**  
MENTERI BESAR JOHOR  
PENERUSI JOHOR CORPORATION





## JCORP 3.0 PERKUKUH INISIATIF PEMULIHAN JOHOR

Kesan negatif pandemik COVID-19 memberi tamparan hebat kepada kelangsungan individu, syarikat serta pihak berkepentingan lain dalam sfera ekonomi global dan setempat. Masyarakat dunia terpaksa menyesuaikan diri dengan suasana yang telah membataskan pergerakan dan perubahan perilaku. Kesannya, dunia amat sukar membuat unjuran dalam merancang mahupun membangunkan senario ekonomi untuk pemulihan pada 2021.

Meskipun masih dibelenggu trauma dan kegetiran, kita tidak punya pilihan kecuali melaksanakan segera inisiatif yang mampu memacu pemulihan ekonomi serta pembangunan yang terjejaskan. Matlamat bagi semua perancangan ialah memastikan semua cabang perniagaan dan pelaburan organisasi mempunyai daya tahan bagi memastikan proses pemulihan berjalan lancar.

Johor Corporation (JCorp) tidak terkecuali daripada arus perubahan mendadak ini. Sebagai organisasi pembangunan sosioekonomi utama negeri Johor, komitmen penuh diberikan dalam proses pemulihan dengan langkah-langkah khusus telah digaris dan dilaksanakan bagi mendukung matlamat asal iaitu *Membina dan Membela*. Dalam masa

yang sama, selain daripada langkah penjajaran semula, bagi mengekalkan potensi kemampan organisasi, Pelan Pembangunan Strategik JCorp dirangka bagi menjadi teras kekukuhan dan kelestarian perniagaan.

Perubahan berlaku dalam kadar yang amat pantas dan tiada jaminan bahawa ekonomi akan dapat dipulihkan dalam tempoh terdekat. Justeru, Pelan Kelestarian Perniagaan bertemakan 'JCorp 3.0' telah diaktifkan dengan hala tuju strategik khusus bagi mengukuhkan keupayaan institusi ini mengharungi era norma baharu yang sangat kompleks dan mencabar. Inti pati Pelan ini dirangka dengan mengambil kira keperluan JCorp untuk menjadi tangkas, berdaya tahan dan kalis masa depan atau *future-proof*. Transformasi Digital juga menjadi antara fokus utama JCorp selain pematuhan amalan tadbir urus yang baik, sejajar dengan tanda aras tertinggi dalam industri berkaitan.

Komitmen dan sokongan yang padu daripada anggota pekerja JCorp, pengurusan tertinggi serta ahli-ahli Johor Corporation membolehkan institusi ini meneruskan operasinya dengan lancar selain memenuhi mandatnya walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran sepanjang tahun 2020. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih atas dedikasi dan komitmen semua pihak ketika mengharungi tempoh yang luar biasa ini.

Saya yakin slogan 'Mencipta Semula JCorp Untuk Kejayaan Mampan' dapat direalisasi demi menzahirkan aspirasi merubah institusi ini menjadi 'JCorp 3.0', sebuah agensi pembangunan ekonomi negeri Johor yang dominan, cemerlang dan berdaya maju mengharungi cabaran kini dan masa hadapan.

**JOHOR CORPORATION**  
30 JUN 2021

# PENYATA KORPORAT

BSP & ENAM STRATEGI JCORP  
MENDOMINASI MASA DEPAN



JOHOR Corporation melangkah ke tahun 2020 dengan satu ketetapan baharu iaitu *'No More Business as Usual'* atau *'Tiada Lagi Urusan Sepertimana Biasa'* dalam organisasi. Perubahan drastik amat diperlukan dalam memastikan kemampuan institusi terpelihara. Justeru, ketetapan ini disusuli serta-merta dengan penyediaan **Pelan Perniagaan Mampan Johor Corporation (Business Sustainability Plan - BSP)**.

**DATUK SYED MOHAMED  
SYED IBRAHIM**

PRESIDEN DAN KETUA EKSEKUTIF  
JOHOR CORPORATION

Namun, pandemik COVID-19 telah memberi cabaran baharu yang tidak terjangka. Perintah Kawalan Pergerakan yang dikuatkuasakan turut menjejaskan ekonomi dan mencetuskan impak berantai terhadap sosioekonomi negara. Ini menuntut pengubahsuaian kepada pelan asal dan adaptasi kepada keadaan ekonomi serta pola pasaran yang sentiasa berubah telah diutamakan.

Hasilnya, Pengaturcaraan Perniagaan melalui norma baharu dapat direalisasikan dan pengamalan ini telah memberi kesan positif kepada keberhasilan Johor Corporation (JCorp). Bagi memacu institusi ini mendepani masa hadapan yang mencabar, Pelan Transformasi Digital JCorp dirangka untuk memberi tumpuan kepada perubahan arus permodenan perniagaan global.

---

## PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN 2020

---

Hasil

**RM4,556 juta**

Nilai Asset

**RM22,810 juta**

---



## MENGORAK LANGKAH BERSAMA BSP

JCorp optimis terhadap unjuran pertumbuhan yang mampan bagi setiap sektor teras yang diceburi. Pelan BSP yang dirangka telah mengambil kira dinamik pelaburan dan senario ekonomi berkaitan. BSP juga akan menjadi asas kepada pembinaan semula JCorp menjadi syarikat pegangan induk yang kalis masa depan (*future-proof*), bukan hanya faktor pengukuhan kemampuan perniagaan diambil kira tetapi BSP turut mendukung aspirasi agar JCorp kekal menerajui landskap korporat setempat serta terus melebarkan sayap ke aras yang lebih tinggi daripada sebelumnya.

## PENYATA KORPORAT

BSP mengandungi senarai inisiatif yang proaktif untuk membina semula (*reinvent*) JCorp dengan imej, persepsi, ketangkasan, keupayaan serta fokus baharu. Istilah mudahnya, BSP adalah 'buku panduan' (*playbook*) baharu serta kuasa yang memandu dan memacu di sebalik transformasi JCorp.

BSP turut memperkasa nilai kecemerlangan, menghormati, kerjasama serta integriti. Inilah nilai Islam yang universal yang ditanam dalam diri anggota pekerja JCorp tatkala mereka menjunjung amanah dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

Setakat ini, JCorp telah menggariskan tiga fokus utama dalam pelaksanaan BSP yang akan memacu pertumbuhan ke arah kejayaan mampan. **Pertama, meningkatkan daya tahan, ketangkasan, daya saing serta daya maju. Kedua, menerapkan nilai dan pembudayaan tugas berasaskan peningkatan pengetahuan. Dan ketiga, merealisasikan pertumbuhan perniagaan yang mampan.**

## TRANSFORMASI EMPAT BISNES TERAS

Dengan portfolio luas merangkumi 298 syarikat, tumpuan usaha telah dilaksanakan pada tahun-tahun terdahulu bagi memastikan kesinambungan perniagaan secara keseluruhan. Namun, setelah mengambil kira kesemua faktor keberadaan syarikat-syarikat yang bernaung di bawahnya, justeru, JCorp memutuskan untuk fokus kepada empat bisnes teras sahaja iaitu **Agribisnes; Kesejahteraan & Kesihatan; Makanan & Restoran serta Hartanah & Infrastruktur.**

Pada masa yang sama, JCorp juga melaksanakan proses penilaian semula syarikat bukan teras dan bukan strategik serta tidak berprestasi dalam Kumpulan. Tumpuan kini diberi kepada strategi pementapan portfolio dan fokus untuk menjadikan syarikat Kumpulan sebagai yang terunggul dalam industri masing-masing. JCorp juga telah melakukan tindakan rasionalisasi untuk penyatuan semua aktiviti perniagaan dan pelaburan yang hampir serupa di peringkat syarikat-syarikat dalam kumpulannya.



'Monetisation' atau pengewangan adalah sebahagian daripada strategi JCorp menelusuri perancangan masa hadapan. Situasi semasa mendorong JCorp merancang penyenaian awam (IPO) untuk beberapa syarikat kami iaitu **Johor Land Berhad (JLand), Damansara Assets Sdn Bhd (DASB), Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim) serta QSR Brands (M) Holdings Bhd (QSR Brands)** dalam tempoh lima tahun ini.

Untuk Agribisnes, kami mensasarkan IPO untuk Kulim pada 2024 dan akan menumpukan kepada sektor pertanian dan perladangan manakala cabang perniagaan selainnya akan dilepaskan.

Bagi sektor Kesejahteraan & Kesihatan, JCorp mensasarkan untuk menjenama serta menstruktur semula dengan mengambil kira peningkatan kemampuan untuk pendigitalan. Keupayaan sektor diperkuat untuk mengoptimumkan potensi dengan memanfaatkan pengukuhan organisasi selain mengembangkan rantai nilai. Sesungguhnya, banyak peluang boleh diraih dalam sektor ini seiring perkembangan keselamatan kesihatan global.





IPO untuk QSR Brands yang menerajui sektor Makanan & Restoran pula disasarkan pada tahun 2023. JCorp juga akan menambah baik dan membina semula model operasi perniagaan mahupun kewangan sejajar dengan kesan pandemik yang mencetuskan norma baharu dan perubahan tingkah laku pengguna yang ketara dalam sektor berkaitan. Langkah itu dilakukan seiring dengan usaha JCorp untuk meningkatkan kecekapan, di samping mengoptimumkan pulangan untuk segmen hulu, pertengahan dan hiliran.

Pandemik COVID-19 turut memberi kesan negatif kepada sektor hartanah dan pembangunan infrastruktur, termasuk kelembapan pasaran. Bagi bisnes teras keempat iaitu Hartanah & Infrastruktur, JCorp mensasarkan pelaksanaan IPO untuk DASB pada 2023 manakala JLand pada 2024. Matlamatnya untuk menyatukan semua pelaburan dalam sektor khusus ini termasuk pelaburan dan pembangunan hartanah, pengurusan kitaran hayat aset dan pengurusan infrastruktur sehingga menjadi penyedia perkhidmatan hartanah berintegrasi yang komprehensif.

## CABARAN PASARAN & GLOBAL

Hala tuju strategik JCorp kini sedang digerakkan sepenuhnya. Dalam tempoh 10 tahun lagi, JCorp telah menetapkan sasaran untuk menjadi sebuah institusi pemegang pelaburan yang kukuh, mampan serta dikagumi di peringkat serantau dan antarabangsa.

Kami telah mengenal pasti enam strategi teras dalam **Pelan Pembangunan Strategik JCorp** yang berupaya memperkasa masa depan JCorp sehingga menjadikannya berkemampuan dan berdaya saing menongkah cabaran dalam menuju matlamat tersebut. Strategi ini juga dirangka secara konsisten dengan tanggungjawab dan misi JCorp untuk **Membina & Membela**. Ia juga bertujuan memastikan JCorp berada di atas landasan yang kukuh, lurus dan jelas, sekali gus mengelakkan JCorp tersasar daripada hala tuju dalam mencapai visi kami.

## ENAM STRATEGI PELAN PEMBANGUNAN STRATEGIK JCORP



Penstrukturan  
Semula Korporat  
dan Pengurusan  
Pelaburan



Penstrukturan  
Semula  
Kewangan



Reka Bentuk  
Semula  
Organisasi



Transformasi  
Digital



Memperkukuhkan  
Tadbir Urus



Keterangkuman

## PENYATA KORPORAT



Enam strategi ini akan menjadi tonggak kekuatan dan kejayaan JCorp dalam menghadapi cabaran mahupun ketidakpastian pasaran global kini serta masa hadapan. Tidak dinafikan JCorp telah meraih pelbagai pencapaian sepanjang 52 tahun perjalanan korporatnya. Namun kami melihat masih banyak lagi yang perlu dilakukan bagi memastikan JCorp benar-benar melaksanakan misinya – *Membina & Membela*, yang turut ditafsirkan semula seiring dengan perubahan masa dan keperluan yang bertambah.

## PERISTIWA KORPORAT

Pelbagai acara korporat mengisi diari JCorp sepanjang 2020. Menerusi ruangan ini, JCorp dengan penuh takzim Merafak Sembah Menjunjung Setinggi-Tinggi Kasih Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor yang berkenan bercemar duli berangkat ke pejabat JCorp di Menara KOMTAR JBCC, Johor Bahru pada 7 Julai 2020. Sempena keberangkatan itu, Tuanku Sultan Johor telah berkenan memilih dan melancarkan logo baharu JCorp yang mencerminkan permulaan imej korporat baharu selaras dengan transformasi JCorp 3.0.

Biarpun suasana suram mengisi suku pertama dan kedua tahun 2020, namun perancangan tetap diteruskan ketika mana COVID-19 masih belum dapat dibendung. Antaranya, JCorp menyerahkan sumbangan untuk memenuhi keperluan rawatan dan perubatan pihak hospital, petugas barisan hadapan serta kelompok komuniti yang terjejas teruk akibat penularan pandemik itu. Bagi tempoh 2020, JCorp telah menyalurkan pelbagai bentuk bantuan bernilai RM32 juta bagi menjayakan tujuan tersebut.

JCorp turut menganjurkan sesi *townhall* pada Februari 2021 yang lalu secara maya bagi memberi gambaran jelas kepada anggota pekerja mengenai perkembangan terkini organisasi atau siri pelaksanaan aktiviti korporat yang telah dilaksanakan, sedang dan akan dilaksanakan dalam tempoh tahun semasa. Perincian mengenai tiga fokus BSP dan enam strategi teras JCorp mahupun Pelan Pembangunan Strategik JCorp adalah agenda utama sesi perkongsian maklumat kali ini.





## SEKALUNG BUDI & PENGHARGAAN

Kami yakin pelan transformasi JCorp akan mencapai matlamatnya. Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada **Kerajaan Negeri Johor** dan **Kerajaan Persekutuan** di atas kepercayaan, sokongan serta komitmen padu, termasuk jabatan serta agensi di bawahnya, sepertimana yang telah diberikan kepada JCorp sejak penubuhannya pada 1968.

Penghargaan turut diberikan kepada institusi kewangan, selain pelanggan, rakan strategik, warga media serta pemegang-pemegang taruh termasuk pemegang saham senarai awam serta individu dan institusi yang membuat pelaburan dalam syarikat Kumpulan JCorp.

Tanpa sokongan dan komitmen semua pihak, sukar untuk JCorp meraih pencapaian sedia ada dan berada pada kedudukan sekarang apatah lagi untuk mengharungi masa depan yang mencabar ketika melunaskan peranan, amanah serta tanggungjawab kami.

Pastinya, anggota pekerja tetap merupakan aset terbaik kami. Perjalanan transformasi yang lancar dan mula menampakkan putik ini tidak mungkin berlaku tanpa adanya sikap istiqomah, bekerja keras dan berdedikasi dalam kalangan anggota pekerja kami, di samping komitmen mereka dalam mendakap erat nilai-nilai murni organisasi. Transformasi JCorp kami sandarkan kepada perspektif perubahan sebagaimana peristiwa Isra' dan Mi'raj Rasulullah SAW, iaitu berhijrah demi perkembangan dan masa depan yang lebih positif dan cemerlang.

Jentera penggerak JCorp kini memiliki budaya, pemikiran, sikap dan visi baharu yang jelas terhadap tanggungjawab, mahupun tugas yang mesti dilunaskan demi menyempurnakan transformasi ini. Malah, ia juga wajar diterjemahkan sebagai suatu ibadah yang ada ganjaran di hari kemudian hari.

Penubuhan Pusat Pembangunan Modal Insan pula adalah inisiatif untuk memperkasa seluruh anggota pekerja kerana mereka perlu lebih cekap, berprestasi dan berintegriti untuk melaksanakan transformasi ini dan bidang kerja baharu pada masa hadapan, demi mencapai matlamat **JCorp 3.0** - sebuah organisasi dengan visi menjadi sebuah institusi yang dikagumi dan boleh diteladani kerana kecemerlangan kewangan dan tanggungjawab sosialnya. Semoga Allah SWT mempermudah urusan kami.

**JOHOR CORPORATION**  
30 JUN 2021



## SEKSYEN 2

# MENGENAI JOHOR CORPORATION





- 14.** Profil & Maklumat Korporat
- 16.** Struktur Bisnes & Korporat
- 18.** Profil Lembaga Pengarah
- 22.** Barisan Pengurusan Tertinggi

# PROFIL & MAKLUMAT KORPORAT

## PEJABAT BERDAFTAR

### JOHOR CORPORATION

Aras 13, Menara KOMTAR  
Johor Bahru City Centre  
80000 Johor Bahru, Johor  
Malaysia.

Telefon : +607-219 2692

Faks : +607-223 3175

Emel : enquiries@jcorp.com.my

## JURUAUDIT

### ERNST & YOUNG

Aras 23A, Menara Milenium  
Jalan Damanlela  
Pusat Bandar Damansara  
50490, Kuala Lumpur  
Malaysia.

## BANK UTAMA

### MAYBANK

Lot M1-22, 106-108 City Square  
Jalan Wong Ah Fook  
80000 Johor Bahru, Johor  
Malaysia.

Johor Corporation ditubuhkan sebagai sebuah institusi pembangunan utama untuk mendorong pertumbuhan ekonomi negeri Johor menerusi Enakmen JCorp No. 4 1968 (sebagaimana pindaan di bawah Enakmen No. 5, 1995).

## JOHOR CORPORATION TERLIBAT DALAM EMPAT SEKTOR TERAS IAITU:



### AGRIBISNES

Kulim (Malaysia) Berhad



### KESEJAHTERAAN & KESIHATAN

KPJ Healthcare Berhad



### MAKANAN & RESTORAN

QSR Brands (M)  
Holdings Bhd



### HARTANAH & INFRASTRUKTUR

Johor Land Berhad  
TPM Technopark Sdn Bhd  
TLP Terminal Sdn Bhd  
Damansara Assets Sdn Bhd  
Al-'Aqar Healthcare REIT  
Al-Salām REIT





Johor Corporation menjadi peneraju pasaran domestik dalam beberapa bisnes utama dan telah melebarkan sayap operasinya ke seberang laut.

### **BAHAGIAN AGRIBISNES MEMILIKI OPERASI DAN KEPENTINGAN DI:**

- Malaysia: 60,064 hektar.
- Indonesia: 14,511 hektar.\*  
*(\*Kawasan di bawah hak guna usaha)*

### **BAHAGIAN KESEJAHTERAAN & KESIHATAN YANG DITERAJUI KPJ HEALTHCARE BERHAD TELAH BERKEMBANG SEHINGGA KE:**

- Jakarta, Indonesia.
- Brisbane, Australia.
- Bangkok, Thailand.
- Dhaka, Bangladesh.


### **BAHAGIAN MAKANAN & RESTORAN PULA MELEBAR DARI MALAYSIA KE:**

- Singapura (KFC & Pizza Hut).
- Brunei (KFC).
- Kemboja (KFC).


### **EMPAT SYARIKAT DI BAWAH KUMPULAN YANG TERSENARAI DI BURSA MALAYSIA TERDIRI DARIPADA:**

- KPJ Healthcare Berhad.
- E.A. Technique (M) Berhad.
- Al-'Aqar Healthcare REIT.
- Al-Salām REIT.

# STRUKTUR BISNES & KORPORAT







# PROFIL LEMBAGA PENGARAH



1

## DATO' HAJI HASNI BIN MOHAMMAD

Menteri Besar Johor  
Pengerusi Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah Johor Corporation mulai 1 Mac 2020 atas kapasitinya sebagai Menteri Besar Johor. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Awam dari University of Missouri, Rolla, Amerika Syarikat.



2

## TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA

Timbalan Pengerusi  
Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation mulai 1 November 2009. Mulai 15 Jun 2020, beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi dan juga Pengarah Bebas Johor Corporation. Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran dari Oklahoma State University pada 1997, Ijazah Sarjana Ekonomi dari Oklahoma State University pada 1986; Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Malaya pada 1979 dan Diploma Pengurusan Awam dari Institut Tadbiran Awam Negara pada 1980. Selain itu, beliau dilantik sebagai Pengerusi Kulim (Malaysia) Berhad mulai 1 Mac 2021 serta Pengerusi KPJ Healthcare Berhad mulai 23 Jun 2021.



3

## DATUK SYED MOHAMED BIN SYED IBRAHIM

Presiden dan Ketua Eksekutif  
Johor Corporation

Beliau dilantik sebagai Presiden dan Ketua Eksekutif serta Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation mulai 9 Januari 2020. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dalam bidang Ekonomi Analisa (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau kemudiannya mengikuti program Pembangunan Pengurusan Kanan dalam Perusahaan Awam di Harvard University. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Ibrahim Johor serta Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor.



4

### **DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI**

**Setiausaha Kerajaan Johor**

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation mulai 1 Januari 2017 bersandarkan kapasitinya sebagai Setiausaha Kerajaan Johor. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pembangunan Sumber Manusia dari Universiti Teknologi Malaysia pada 2004 dan Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Ekonomi & Pengurusan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1990.



5

### **DATO' HAJI SALEHUDDIN HAJI HASSAN**

**Pegawai Kewangan Negeri Johor**

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation atas jawatan mulai 25 Januari 2021. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan (Kepujian) dari Universiti Utara Malaysia dan Diploma Perbankan, Institut Teknologi Mara. Beliau kini merupakan Pegawai Kewangan Negeri Johor.



6

### **TUAN AMIR BIN NASRUDDIN**

**Penasihat Undang-Undang Negeri  
Johor**

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation mulai 1 Januari 2020 atas kapasitinya kini sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri Johor. Beliau berkelulusan Diploma Undang-Undang dan Diploma Lanjutan Undang-Undang (LLB Kepujian) dari Universiti Teknologi MARA.



## PROFIL LEMBAGA PENGARAH



7

### DATO' ASRI BIN HAMIDON

**Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia**

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation mulai 15 Jun 2020. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Hiroshima, Jepun pada tahun 2006 dan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya pada tahun 1990. Beliau kini merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia.



8

### DATUK SAIFUL ANUAR BIN LEBAI HUSEN

**Ketua Pengarah  
Unit Perancang Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri**

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation mulai 1 Oktober 2019. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Ekonomi (Pembangunan) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebelum ini, beliau memegang jawatan sebagai Ketua Setiausaha, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Kini, beliau merupakan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.



9

### DATUK NOR AZRI BIN ZULFAKAR

**Ketua Pengarah  
Unit Penyelarasan Pelaksanaan  
Jabatan Perdana Menteri**

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation mulai 8 Mac 2020. Berkelulusan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Perniagaan) dari Massachusetts Institute of Technology (MIT), Cambridge, Amerika Syarikat. Beliau sebelum ini merupakan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA).



10

**DATO' SR. HISHAM  
BIN JAFREY**

**Pengarah Urusan  
ARH Jurukur Bahan Sdn Bhd**

Beliau dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Johor Corporation mulai 1 Mei 2020. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ukur Bahan dari Leeds Metropolitan University, United Kingdom. Beliau merupakan Fellow, Royal Institution of Surveyor Malaysia dan juga Member, Royal Institute of Chartered Surveyors, United Kingdom. Selain daripada itu beliau menjadi Ahli Industry Advisory Panel, Segi University. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Kulim (Malaysia) Berhad mulai 1 Mac 2020.



11

**MOHD NORDIN  
JAMALUDIN**

**Setiausaha  
Johor Corporation**

Beliau dilantik sebagai Setiausaha Johor Corporation mulai 2 Februari 2020. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, University of West London, United Kingdom. Beliau mula berkhidmat di Johor Corporation mulai 2 Februari 2020. Kini beliau memegang jawatan sebagai Ketua Pegawai Khidmat Korporat, Johor Corporation.



12

**NURALIZA  
BINTI ABDUL RAHMAN**

**Penolong Setiausaha  
Johor Corporation**

Beliau dilantik sebagai Penolong Setiausaha Johor Corporation mulai 1 Mac 2020. Beliau memiliki kelulusan profesional dari Institute of Chartered Secretaries and Administrators (ICSA) (UK). Beliau mula berkhidmat di Johor Corporation pada 1 Oktober 1997. Kini beliau memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan Kesetiausahaan Syarikat Kumpulan, Johor Corporation.

## BARISAN PENGURUSAN TERTINGGI



**DATUK SYED MOHAMED SYED IBRAHIM**  
Presiden dan Ketua Eksekutif

Tarikh Lantikan: 9 Januari 2020

Kelayakan Akademik: Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Ekonomi Analisa), Universiti Malaya



**MOHD NORDIN JAMALUDIN**  
Ketua Pegawai Khidmat Korporat

Tarikh Lantikan: 2 Februari 2020

Kelayakan Akademik: Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang, University of West London, United Kingdom



**DATUK SR AKMAL AHMAD**  
Pengarah, Bahagian Hartanah & Infrastruktur /  
Pengarah Urusan Kumpulan Johor Land Berhad

Tarikh Lantikan: 3 Ogos 2020

Kelayakan Akademik: Ijazah Sarjana Muda Sains Ukur Bahan, Universiti Teknologi MARA



**SHAMSUL ANUAR ABD MAJID**  
Ketua Pegawai Pelaburan

Tarikh Lantikan: 2 Februari 2020

Kelayakan Akademik: *Chartered Financial Analyst (CFA) Finance and Investment*  
*CFA Institute, Charlottesville, Virginia, United States of America*





### **ROZAINI MOHD SANI**

Ketua Pegawai Kewangan

Tarikh Lantikan: 8 Mac 2020

Kelayakan Akademik: Ijazah Sarjana Muda (Perakaunan dan Kewangan), University of New South Wales, Sydney, Australia



### **MOHD AZMI HITAM**

Ketua Pegawai Tadbir Urus

Tarikh Lantikan: 2 Februari 2020

Kelayakan Akademik: Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Washington State University, Amerika Syarikat



### **MUAZAM MAHMUD**

Ketua Transformasi & Penstrukturan Semula

Tarikh Lantikan: 12 Januari 2020

Kelayakan Akademik: Ijazah Sarjana Muda Kewangan, University of Illinois, Urbana Champaign, Amerika Syarikat

**SEKSYEN 3**

# **RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN**

- 
- |            |  |
|------------|--|
| <b>26.</b> | Penyata Pendapatan Komprehensif Kumpulan |
| <b>28.</b> | Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan      |
| <b>30.</b> | Penyata Perubahan Ekuiti Kumpulan        |
| <b>32.</b> | Penyata Aliran Tunai Kumpulan            |
| <b>35.</b> | Penyata Pendapatan Komprehensif          |
| <b>36.</b> | Penyata Kedudukan Kewangan               |
| <b>38.</b> | Penyata Perubahan Ekuiti                 |
| <b>39.</b> | Penyata Aliran Tunai                     |
| <b>41.</b> | Ringkasan Prestasi Kewangan              |



# PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF KUMPULAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Nota	2020	2019 Dinyatakan semula
<b>Operasi berterusan</b>			
Hasil	4	4,556	4,947
Kos jualan		(2,925)	(3,154)
Keuntungan kasar		1,631	1,793
<b>Lain-lain item pendapatan</b>			
Lain-lain pendapatan	5	190	382
<b>Lain-lain item perbelanjaan</b>			
Perbelanjaan pengedaran		(25)	(43)
Perbelanjaan pentadbiran		(998)	(1,220)
Lain-lain perbelanjaan	6	(770)	(178)
Kos kewangan	7	(454)	(470)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu, bersih selepas cukai		7	27
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat usahasama, bersih selepas cukai		114	97
<b>(Kerugian)/keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan</b>	8	(305)	388
Cukai	11	(75)	(101)
<b>(Kerugian)/keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai</b>		(380)	287
<b>Operasi yang dihentikan</b>			
Kerugian daripada operasi yang dihentikan, bersih selepas cukai	12	(14)	(7)
<b>(Kerugian)/keuntungan bersih selepas cukai</b>		(394)	280

	2020	2019 Dinyatakan semula
<b>Lain-lain pendapatan komprehensif, diklasifikasikan ke untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya:</b>		
Pertukaran mata wang asing dari operasi asing	(3)	5
<b>Lain-lain (kerugian)/pendapatan komprehensif, tidak diklasifikasikan ke untung atau rugi dalam tempoh-tempoh seterusnya:</b>		
Pelarasan nilai saksama bagi aset kewangan pada FVOCI	(1)	(4)
Pelarasan nilai saksama bagi aset kewangan pada FVOCI berkaitan pelupusan syarikat anak Lebih bersih daripada penilaian semula harta, loji dan kelengkapan	-	99
Cukai tertunda lebih daripada penilaian semula Lebih daripada pindahan harta, loji dan kelengkapan ke hartanah pelaburan	150	42
Pelupusan harta, loji dan kelengkapan	(23)	-
	(3)	5
	-	(6)
<b>Lain-lain pendapatan komprehensif tahun kewangan semasa, bersih selepas cukai</b>	<b>120</b>	<b>141</b>
<b>Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif tahun kewangan semasa</b>	<b>(274)</b>	<b>421</b>
(Kerugian)/keuntungan dikaitkan kepada:		
Milikan Johor Corporation	(375)	93
Kepentingan bukan kawalan	(19)	187
	<b>(394)</b>	<b>280</b>
<b>Jumlah (kerugian)/pendapatan komprehensif dikaitkan kepada:</b>		
Milikan Johor Corporation	(343)	209
Kepentingan bukan kawalan	69	212
	<b>(274)</b>	<b>421</b>

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN

Pada 31 Disember 2020

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Nota	31.12.2020	31.12.2019 Dinyatakan semula	01.01.2019 Dinyatakan semula
<b>ASET</b>				
<b>Aset bukan semasa</b>				
Harta, loji dan kelengkapan	13	8,608	8,806	10,601
Hak penggunaan aset	14	2,296	2,201	-
Inventori	15	506	493	737
Hartanah pelaburan	16	4,912	4,704	4,265
Aset biologi	17	-	-	2
Aset tidak zahir	18	222	251	252
Pelaburan dalam syarikat-syarikat anak	19	-	-	-
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	20	281	300	282
Pelaburan dalam syarikat-syarikat usahasama	21	1,655	1,760	1,701
Aset cukai tertunda	22	256	210	171
Aset kewangan pada Nilai Saksama melalui Lain-lain				
Pendapatan Komprehensif ("FVOCI")	23(a)	12	28	20
Aset kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi ("FVTPL")	23(b)	-	2	-
Penghutang perdagangan dan lain-lain	25	3	40	23
		<b>18,751</b>	18,795	18,054
<b>Aset semasa</b>				
Inventori	15	1,529	1,592	1,314
Aset biologi	17	45	29	21
Kos kontrak	24	9	7	2
Penghutang perdagangan dan lain-lain	25	854	1,017	1,078
Aset kontrak	26	144	134	129
Aset kewangan pada Nilai Saksama melalui Lain-lain				
Pendapatan Komprehensif ("FVOCI")	23(a)	16	-	-
Aset kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi ("FVTPL")	23(b)	5	5	4
Cukai boleh diperolehi kembali		104	118	83
Baki tunai dan bank	28	958	1,136	1,239
		<b>3,664</b>	4,038	3,870
Pelupusan aset kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	29	395	448	790
		<b>4,059</b>	4,486	4,660
<b>Jumlah aset</b>		<b>22,810</b>	23,281	22,714



		31.12.2020	31.12.2019 Dinyatakan semula	01.01.2019 Dinyatakan semula
<b>Ekuiti dan liabiliti</b>				
<b>Liabiliti semasa</b>				
Cukai perlu dibayar		83	35	34
Liabiliti pajakan	30	35	47	-
Pembiayaan dan pinjaman	31	2,593	2,123	2,635
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	32	1,915	2,119	1,788
Liabiliti kontrak	26	126	95	78
Derivatif instrumen kewangan	27	4	3	2
		<b>4,756</b>	4,422	4,537
Liabiliti berkaitan langsung dengan pelupusan kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	29	5	-	180
		<b>4,761</b>	4,422	4,717
<b>(Liabiliti)/aset semasa bersih</b>		<b>(702)</b>	64	(57)
<b>Liabiliti bukan semasa</b>				
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	32	440	442	439
Lain-lain liabiliti jangka panjang	33	1,324	1,211	1,223
Liabiliti cukai tertunda	22	1,006	1,015	1,022
Pembiayaan dan pinjaman	31	6,671	7,273	6,643
Liabiliti pajakan	30	87	81	-
		<b>9,528</b>	10,022	9,327
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>14,289</b>	14,444	14,044
<b>Aset bersih</b>		<b>8,521</b>	8,837	8,670
<b>Ekuiti</b>				
Rizab modal	34(a)	391	391	392
Rizab penilaian semula aset	34(b)	200	159	149
Rizab turun naik mata wang	34(c)	1	9	(66)
Rizab FVOCI	34(d)	(100)	(99)	(95)
Rizab hasil	34(e)	5,533	5,847	5,863
		<b>6,025</b>	6,307	6,243
Kepentingan bukan kawalan		2,496	2,530	2,427
<b>Jumlah ekuiti</b>		<b>8,521</b>	8,837	8,670
<b>Jumlah ekuiti dan liabiliti</b>		<b>22,810</b>	23,281	22,714

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI KUMPULAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

2020	Nota	Rizab modal	Rizab penilaian semula aset	Rizab turun naik mata wang	Rizab FVOCI	Rizab hasil	Jumlah	Kepentingan bukan kawalan	Jumlah ekuiti
Pada 1 Januari 2020 (seperti dilaporkan sebelumnya)		391	159	9	(99)	6,058	6,518	2,530	9,048
Pelarasan tahun terdahulu	43	-	-	-	-	(211)	(211)	-	(211)
Pada 1 Januari 2020 (dinyatakan semula)		391	159	9	(99)	5,847	6,307	2,530	8,837
Kerugian bersih selepas cukai		-	-	-	-	(375)	(375)	(19)	(394)
<b>Lain-lain pendapatan komprehensif</b>									
Lebih daripada penilaian semula harta, loji dan kelengkapan		-	44	-	-	-	44	83	127
Lebih daripada pindahan harta, loji dan kelengkapan ke hartah pelaburan		-	(3)	-	-	-	(3)	-	(3)
Pelarasan nilai saksama bagi aset kewangan pada FVOCI		-	-	-	(1)	-	(1)	-	(1)
Pertukaran mata wang asing bagi operasi asing		-	-	(8)	-	-	(8)	5	(3)
Jumlah lain-lain kerugian komprehensif bagi tahun kewangan semasa		-	41	(8)	(1)	-	32	88	120
Jumlah kerugian komprehensif bagi tahun kewangan semasa		-	41	(8)	(1)	(375)	(343)	69	(274)
<b>Transaksi dengan pemilik</b>									
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan		-	-	-	-	-	-	(69)	(69)
Tambahan kepentingan dalam syarikat anak		-	-	-	-	-	-	1	1
Pengurangan kepentingan dalam syarikat anak		-	-	-	-	(1)	(1)	2	1
Klasifikasi semula		-	-	-	-	62	62	(37)	25
		-	-	-	-	61	61	(103)	(42)
<b>Baki akhir pada 31 Disember 2020</b>		<b>391</b>	<b>200</b>	<b>1</b>	<b>(100)</b>	<b>5,533</b>	<b>6,025</b>	<b>2,496</b>	<b>8,521</b>

2019	Nota	Rizab modal	Rizab penilaian semula aset	Rizab turun naik mata wang	Rizab FVOCI	Rizab hasil	Jumlah	Kepentingan bukan kawalan	Jumlah ekuiti
Pada 1 Januari 2019 (seperti dilaporkan sebelumnya)		392	149	(66)	(95)	6,253	6,633	2,427	9,060
Pelarasan tahun terdahulu		-	-	-	-	(390)	(390)	-	(390)
Pada 1 Januari 2019 (dinyatakan semula)		392	149	(66)	(95)	5,863	6,243	2,427	8,670
Kesan MFRS 16		-	-	-	-	(1)	(1)	-	(1)
Baki selepas pelarasan pada 1 Januari 2019		392	149	(66)	(95)	5,862	6,242	2,427	8,669
Keuntungan bersih selepas cukai		-	-	-	-	93	93	187	280
<b>Lain-lain pendapatan komprehensif</b>									
Lebih dari penilaian semula harta, loji dan kelengkapan		-	7	-	-	-	7	35	42
Lebih dari pindahan harta, loji dan kelengkapan ke hartanah pelaburan		-	5	-	-	-	5	-	5
Pelupusan harta, loji dan kelengkapan		-	(2)	-	-	-	(2)	(4)	(6)
Pelarasan nilai saksama bagi aset kewangan pada FVOCI		-	-	-	(4)	-	(4)	-	(4)
Pelarasan nilai saksama bagi aset kewangan atas pelupusan syarikat anak		-	-	-	-	99	99	-	99
Pertukaran mata wang asing bagi operasi asing		-	-	11	-	-	11	(6)	5
Jumlah lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa		-	10	11	(4)	99	116	25	141
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan semasa		-	10	11	(4)	192	209	212	421
<b>Transaksi dengan pemilik</b>									
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan		-	-	-	-	-	-	(119)	(119)
Pelupusan syarikat anak	(1)	-	-	64	-	(181)	(118)	(1)	(119)
Tambahan kepentingan dalam syarikat anak		-	-	-	-	(6)	(6)	8	2
Pengurangan kepentingan dalam syarikat anak		-	-	-	-	(2)	(2)	3	1
Agihan kepada Kerajaan Negeri		-	-	-	-	(18)	(18)	-	(18)
		(1)	-	64	-	(207)	(144)	(109)	(253)
<b>Baki akhir pada 31 Disember 2019</b>		391	159	9	(99)	5,847	6,307	2,530	8,837

# PENYATA ALIRAN TUNAI KUMPULAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	2020	2019 Dinyatakan semula
<b>Kegiatan operasi</b>		
(Kerugian)/Keuntungan sebelum cukai:		
Operasi berterusan	(305)	388
Operasi dihentikan	(15)	(8)
Pelarasan-pelarasan:		
Harta, loji dan kelengkapan:		
Keuntungan bersih atas pelupusan	(2)	(10)
Hapuskira	2	4
Susutnilai	429	391
Kerugian rosotnilai	216	10
Hak penggunaan aset:		
Susutnilai	64	70
Hapuskira	7	-
Kerugian rosotnilai	4	-
Hartanah pelaburan:		
Perubahan dalam nilai saksama	94	(165)
Aset biologi:		
Kerugian atas pelupusan	1	-
Perubahan dalam nilai saksama	(10)	(2)
Keuntungan atas pelupusan:		
Syarikat-syarikat anak	(1)	(1)
Syarikat-syarikat bersekutu	-	(2)
Aset dipegang untuk dijual	(3)	-
Aset kewangan melalui untung atau rugi:		
Perubahan nilai saksama	-	(1)
Elaun rosotnilai:		
Penghutang perdagangan dan lain-lain	79	70
Pelaburan di dalam syarikat-syarikat usahasama	219	43
Aset tidak zahir:		
Pelunasan	16	-
Rosotnilai	34	12
Pendapatan dividen	-	(2)
Keuntungan pertukaran mata wang asing belum direalisasikan	(3)	(3)
Pelunasan:		
Geran kerajaan	(40)	(14)
Sewaan tanah pajakan	17	(15)
Pembalikan rosotnilai penghutang perdagangan dan lain-lain	(22)	(10)
Pemulihan atas pulangan dari penghutang	(32)	-
Pengabaian ke atas pemiutang	(8)	-
Peruntukan kerugian jangkaan atas tuntutan Akta Pembayaran Pembinaan dan Adjudikasi 2012 ('CIPAA')	39	-
Peruntukan tindakan undang-undang ke atas perladangan Indonesia	39	-
Peruntukan jangkaan kerugian bagi rumah mampu milik	30	-
Perbelanjaan faedah	454	470
Pendapatan faedah	(24)	(32)
Bahagian keuntungan syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama	(121)	(124)
<b>Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja</b>	<b>1,158</b>	<b>1,069</b>



	2020	2019 Dinyatakan semula
<b>Perubahan dalam modal kerja</b>		
Inventori	51	(39)
Penghutang	112	50
Aset kontrak	(12)	(5)
Pemiutang	(268)	239
Liabiliti kontrak	31	15
Syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama	(15)	42
<b>Tunai dijana dalam kegiatan operasi</b>	<b>1,057</b>	1,371
Pulangan cukai	17	45
Cukai di bayar	(29)	(205)
<b>Tunai bersih dijana daripada kegiatan operasi</b>	<b>1,045</b>	1,211
<b>Kegiatan pelaburan</b>		
Dividen diterima daripada syarikat anak	-	2
Dividen diterima daripada syarikat bersekutu	31	11
Faedah diterima	24	32
Harta, loji dan kelengkapan:		
Perolehan daripada pelupusan	25	24
Pembelian	(474)	(606)
Hak penggunaan aset:		
Pembelian	(18)	(15)
Hartanah pelaburan:		
Terimaan dari pelupusan	3	-
Pembelian	(117)	(195)
Aset biologi:		
Perolehan daripada pelupusan	645	3
Pembelian	(647)	(7)
Aset tidak zahir:		
Pembelian	(5)	(15)
Geran kerajaan diterima	40	21
Pembelian:		
Aset kewangan pada nilai saksama melalui lain-lain penyata komprehensif	-	(41)
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	-	(1)
Pelaburan dalam syarikat usahasama	(3)	(47)
Peningkatan deposit tetap dengan bank berlesen dengan tempoh matang lebih dari 3 bulan	-	(77)
<b>Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pelaburan</b>	<b>(496)</b>	(911)

## PENYATA ALIRAN TUNAI KUMPULAN

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	2020	2019 Dinyatakan semula
<b>Kegiatan pembiayaan</b>		
Pengeluaran pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	1,156	2,846
Pembayaran balik pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	(1,303)	(2,799)
Pembayaran balik liabiliti pajakan	(26)	(24)
Pembayaran balik kepada Kerajaan Negeri	(10)	-
Pelupusan syarikat anak	-	3
Faedah dibayar	(454)	(470)
Dividen dibayar kepada kepentingan bukan kawalan	(69)	(119)
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	(9)	(8)
Akaun yang ditetapkan	-	(34)
<b>Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pembiayaan</b>	<b>(715)</b>	<b>(605)</b>
Perubahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(166)	(305)
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	568	866
Kesan perubahan kadar pertukaran ke atas tunai dan kesetaraan tunai	45	7
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember</b>	<b>447</b>	<b>568</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>		
Baki tunai dan bank	586	761
Simpanan tetap	372	375
	<b>958</b>	<b>1,136</b>
Overdraf bank	(197)	(213)
Deposit tetap dengan bank berlesen dengan tempoh matang lebih dari 3 bulan	(212)	(203)
Akaun yang ditetapkan	(102)	(152)
	<b>447</b>	<b>568</b>

# PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Nota	2020	2019
Hasil	4	286	566
Kos jualan		(50)	(155)
Keuntungan kasar		236	411
<b>Lain-lain item pendapatan</b>			
Lain-lain pendapatan	5	64	112
<b>Lain-lain item perbelanjaan</b>			
Perbelanjaan pengedaran		-	(1)
Perbelanjaan pentadbiran		(98)	(155)
Lain-lain perbelanjaan	6	(168)	(68)
Kos kewangan	7	(121)	(137)
<b>(Kerugian)/keuntungan sebelum cukai daripada operasi berterusan</b>	8	(87)	162
Cukai	11	79	2
<b>(Kerugian)/keuntungan daripada operasi berterusan, bersih selepas cukai</b>		(8)	164
<b>(Kerugian)/keuntungan bersih selepas cukai</b>		(8)	164

# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Pada 31 Disember 2020

Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	Nota	2020	2019 Dinyatakan semula
<b>ASET</b>			
<b>Aset bukan semasa</b>			
Harta, loji dan kelengkapan	13	199	230
Hak penggunaan aset	14	390	375
Inventori	15	34	34
Hartanah pelaburan	16	1,358	1,982
Pelaburan dalam syarikat-syarikat anak	19	3,362	3,378
Pelaburan dalam syarikat-syarikat bersekutu	20	4	4
Aset cukai tertunda	22	172	148
		<b>5,519</b>	6,151
<b>Aset semasa</b>			
Inventori	15	911	900
Penghutang perdagangan dan lain-lain	25	138	159
Aset kontrak	26	6	39
Aset kewangan pada Nilai Saksama melalui Untung atau Rugi ("FVTPL")	23(b)	14	21
Cukai boleh diperolehi kembali		1	1
Baki tunai dan bank	28	56	116
		<b>1,126</b>	1,236
Pelupusan aset kumpulan diklasifikasikan sebagai pegangan untuk dijual	29	859	183
		<b>1,985</b>	1,419
<b>Jumlah aset</b>		<b>7,504</b>	7,570



	Nota	2020	2019 Dinyatakan semula
<b>Ekuiti dan liabiliti</b>			
<b>Liabiliti semasa</b>			
Liabiliti pajakan	30	6	6
Pembiayaan dan pinjaman	31	3	3
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	32	1,560	1,164
Liabiliti kontrak	26	50	12
		<b>1,619</b>	1,185
<b>Aset semasa bersih</b>			
		<b>366</b>	234
<b>Liabiliti bukan semasa</b>			
Pemiutang perdagangan dan lain-lain	32	548	1,067
Lain-lain liabiliti jangka panjang	33	1,047	958
Liabiliti cukai tertunda	22	212	266
Pembiayaan dan pinjaman	31	1,786	1,789
Liabiliti pajakan	30	11	16
		<b>3,604</b>	4,096
<b>Jumlah liabiliti</b>			
		<b>5,223</b>	5,281
<b>Aset bersih</b>			
		<b>2,281</b>	2,289
<b>Ekuiti</b>			
Rizab modal	34(a)	55	55
Rizab hasil	34(e)	2,226	2,234
		<b>2,281</b>	2,289
<b>Jumlah ekuiti</b>			
		<b>2,281</b>	2,289
<b>Jumlah ekuiti dan liabiliti</b>			
		<b>7,504</b>	7,570

# PENYATA PERUBAHAN EKUITI

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

Johor Corporation	Nota	Rizab modal	Rizab hasil	Jumlah ekuiti
Pada 1 Januari 2019 (seperti dilaporkan sebelumnya)		55	2,223	2,278
Pelarasan tahun terdahulu		-	(134)	(134)
Pada 1 Januari 2019 (dinyatakan semula)		55	2,089	2,144
Kesan MFRS 16		-	(1)	(1)
Baki selepas pelarasan pada 1 Januari 2019		55	2,088	2,143
Keuntungan bersih selepas cukai		-	164	164
Agihan kepada Kerajaan Negeri		-	(18)	(18)
<b>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan</b>		<b>55</b>	<b>2,234</b>	<b>2,289</b>
<b>Baki akhir pada 31 Disember 2019</b>		<b>55</b>	<b>2,234</b>	<b>2,289</b>
Pada 1 Januari 2020		55	2,234	2,289
Kerugian bersih selepas cukai		-	(8)	(8)
<b>Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan</b>		<b>55</b>	<b>2,226</b>	<b>2,281</b>
<b>Baki akhir pada 31 Disember 2020</b>		<b>55</b>	<b>2,226</b>	<b>2,281</b>

# PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	2020	2019
<b>Kegiatan operasi</b>		
(Kerugian)/keuntungan sebelum cukai:		
Operasi berterusan	(87)	162
Pelarasan-pelarasan:		
Harta, loji dan kelengkapan:		
Susutnilai	6	6
Kerugian rosotnilai	-	2
Hak penggunaan aset:		
Susutnilai	(14)	22
Hartanah pelaburan:		
Perubahan dalam nilai saksama	17	(74)
Aset kewangan melalui untung atau rugi:		
Perubahan nilai saksama	6	(1)
Elaun rosotnilai:		
Syarikat-syarikat anak	57	-
Pendapatan dividen	(127)	(280)
Pelunasan:		
Geran kerajaan	(7)	(7)
Sewaan tanah pajakan	(12)	(11)
Elaun rosotnilai penghutang perdagangan dan lain-lain	62	56
Pembalikan rosotnilai penghutang perdagangan dan lain-lain	(26)	(9)
Perbelanjaan faedah	121	137
Pendapatan faedah	(7)	(11)
<b>Kerugian operasi sebelum perubahan dalam modal kerja</b>	<b>(11)</b>	<b>(8)</b>
<b>Perubahan dalam modal kerja</b>		
Inventori	(10)	(11)
Penghutang	(41)	(48)
Aset kontrak	33	-
Pemiutang	(29)	984
Liabiliti kontrak	39	-
Syarikat-syarikat bersekutu dan usahasama	2	-
<b>Tunai (digunakan)/dijana dalam kegiatan operasi</b>	<b>(17)</b>	<b>917</b>
Pulangan cukai	2	3
Cukai dibayar	(1)	(3)
<b>Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana daripada kegiatan operasi</b>	<b>(16)</b>	<b>917</b>

## PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020  
Amaun Dalam RM Juta Melainkan Dinyatakan Selainnya

	2020	2019
<b>Kegiatan pelaburan</b>		
Pengambilalihan tambahan kepentingan dalam syarikat-syarikat anak	-	(17)
Dividen diterima daripada syarikat anak	127	280
Pelarasan pengiktirafan awal MFRS 16	-	1
Faedah diterima	7	11
Harta, loji dan kelengkapan:		
Perolehan daripada pelupusan	1	-
Pembelian	(4)	(37)
Hartanah pelaburan:		
Pembelian	(42)	(11)
Geran kerajaan diterima	6	14
<b>Tunai bersih dijana daripada kegiatan pelaburan</b>	<b>95</b>	<b>241</b>
<b>KEGIATAN PEMBIAYAAN</b>		
Pembayaran balik pinjaman berjangka dan lain-lain pinjaman jangka panjang	(2)	(809)
Pembayaran balik liabiliti pajakan	(7)	(8)
Pembayaran balik kepada syarikat anak	-	(199)
Faedah dibayar	(65)	(77)
Faedah dibayar kepada syarikat anak	(56)	(60)
Pengagihan dana kepada Kerajaan Negeri	(9)	(8)
<b>Tunai bersih digunakan dalam kegiatan pembiayaan</b>	<b>(139)</b>	<b>(1,161)</b>
Perubahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	(60)	(3)
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	116	119
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember</b>	<b>56</b>	<b>116</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI</b>		
Baki tunai dan bank	55	100
Simpanan tetap	1	16
	<b>56</b>	<b>116</b>



# RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN

## PEROLEHAN RM (JUTA)

		KUMPULAN	JCORP	
2020	4,556	2020	286	
2019	4,947	2019	566	
2018	5,657	2018	460	
2017	5,564	2017	245	
2016	5,355	2016	288	

## KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI RM (JUTA)

		KUMPULAN	JCORP	
2020	(305)	2020	(87)	
2019	388	2019	162	
2018	388	2018	153	
2017	583	2017	93	
2016	541	2016	112	



Sila imbas kod QR untuk membaca laporan penuh penyata kewangan secara digital dalam versi PDF.

## RINGKASAN PRESTASI KEWANGAN

KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI  
RM (JUTA)

		KUMPULAN			JCORP
2020	(394)		2020	(8)	
2019	280		2019	164	
2018	212		2018	159	
2017	388		2017	94	
2016	415		2016	120	

JUMLAH ASET  
RM (JUTA)

		KUMPULAN			JCORP
2020	22,810		2020	7,504	
2019	23,281		2019	7,570	
2018	22,714		2018	7,425	
2017	21,810		2017	7,063	
2016	21,547		2016	7,167	



Sila imbas kod QR untuk membaca laporan penuh penyata kewangan secara digital dalam versi PDF.

## JUMLAH LIABILITI RM (JUTA)

		KUMPULAN			JCORP
2020		14,289	2020		5,223
2019		14,444	2019		5,281
2018		14,044	2018		5,281
2017		13,103	2017		5,050
2016		13,038	2016		5,122

## JUMLAH EKUITI RM (JUTA)

		KUMPULAN			JCORP
2020		8,521	2020		2,281
2019		8,837	2019		2,289
2018		8,670	2018		2,144
2017		8,707	2017		2,013
2016		8,509	2016		2,045




Sila imbas kod QR untuk membaca laporan penuh penyata kewangan secara digital dalam versi PDF.



## SEKSYEN 4

# PROSPEK





**46.** Laporan Ekonomi

Laporan Bisnes Teras:

**50.** Bahagian Agribisnes

**60.** Bahagian Kesejahteraan & Kesihatan

**64.** Bahagian Makanan & Restoran

**84.** Bahagian Hartanah & Infrastruktur

**88.** Laporan Divisyen Pelaburan

**94.** Laporan Bahagian Pengurusan Sumber  
Manusia Kumpulan

**98.** Laporan Waqaf An-Nur  
Corporation Berhad

**102.** Laporan Yayasan Johor Corporation

# LAPORAN EKONOMI

## SOROTAN EKONOMI 2020



DUNIA pada 2020 diuji serta digugat dengan pandemik COVID-19. Virus itu meragut lebih 1.8 juta nyawa selain melumpuhkan ekonomi dan kehidupan sejagat. Dunia panik dan dilanda ketidakpastian; negara menutup sempadan serta tumpuan diberi kepada usaha membendung wabak tersebut. Menurut laporan Statista, 24 Mac 2021, unjuran awal Keluaran Dalam Negara Kasat (KDNK) ekonomi utama dunia kehilangan 2.9 peratus pada 2020 tetapi dinyatakan semula kepada 4.5 peratus. Untuk memberikan perspektif angka yang lebih wajar, KDNK global dianggarkan mencecah kira-kira AS\$87.55 trilion pada 2019, dan apabila ekonomi mencatatkan penurunan sebanyak 4.5 peratus, maka jumlah kehilangan hasil ekonomi pada tempoh itu hampir mencapai AS\$3.94 trilion.

Laporan Statista menyebut, pasaran saham dan komoditi global mengalami kejatuhan yang dramatik. Kerosakan ekonomi paling ketara adalah disebabkan kejatuhan permintaan – maknanya hanya sedikit pengguna yang membeli barangan dan perkhidmatan yang ada dalam ekonomi global. Antara yang terlibat adalah seperti industri pelancongan, pembelian minyak dan kereta baharu, majlis sosial dan persidangan serta penerbangan, perhotelan dan peruncitan. Selain itu, sektor hartanah, sukan dan persembahan, pengangkutan mahupun pendidikan turut terjejas teruk. Susulan daripada terkesannya semua sektor dan aktiviti ekonomi itu, kadar pemberhentian pekerja turut meningkat, lantas memberi kesan terhadap kehidupan rakyat.



Namun di sebalik krisis kesihatan global ini, terdapat sektor yang meraih untung. E-dagang, peruncitan makanan dan industri penjagaan kesihatan sekurang-kurangnya menyumbang kepada sedikit pertumbuhan bagi mengimbangi keadaan ekonomi yang merudum itu. Kegiatan *online* yang sangat pesat juga dapat disaksikan menerusi pelaksanaan konsep bekerja dari rumah, pembelian barangan serta bertambahnya penggunaan aplikasi *online* untuk menghubungi keluarga.

Agensi BBC pada 24 Januari antara lain melaporkan, bagaimana COVID-19 merubah ekonomi dunia. Agensi itu membuat rumusan – saham global berubah-ubah, pengangguran ekonomi utama telah meningkat, kebanyakan negara mengalami kemelesetan ekonomi, pelancongan masih jauh daripada berlaku, pintu sektor hospitaliti tertutup sehingga sekurang-kurangnya 2025, membeli-belah hanya di rumah, dan syarikat farmaseutikal antara yang untung. Namun, ketika mana vaksin telah dibangunkan dan dikeluarkan, dunia masih ragu bagaimana bentuk pemulihan yang akan berlaku nanti.

Di Malaysia, sejak awal penularan pandemik ini, komitmen dan tekad kerajaan ialah untuk 'menyelamatkan nyawa dan melindungi kehidupan rakyat'. Ia ditangani melalui pendekatan yang menjurus kepada kepada tiga teras iaitu melindungi rakyat, menyokong perniagaan dan akhirnya memperkukuhkan ekonomi.

Kerajaan menangani kesan pandemik COVID-19 pada 2020 dengan menetapkan pendirian fiskal yang lebih fleksibel dan beroperasi berdasarkan strategi cukai dan perbelanjaan yang berkesan bagi memacu hala tuju pembangunan negara. Dalam situasi getir dan genting ini, tindak balas pantas oleh kerajaan dalam merangka langkah kitaran balas fiskal yang menyeluruh dan berkesan sangat diperlukan. Ini bagi mengatasi krisis dengan pantas dan tangkas di samping membina daya tahan ekonomi dalam jangka masa sederhana.

Pada masa sama, kerajaan melaksanakan pakej rangsangan dan pelan pemulihan ekonomi sebagai langkah mengurangkan impak terhadap ekonomi domestik bernilai RM295 bilion atau 20 peratus daripada KDNK. Ini juga menunjukkan dasar intervensi proaktif kerajaan terhadap usaha menangani impak krisis di pelbagai peringkat pemulihan. Semua pakej rangsangan ekonomi yang dilancarkan sepanjang 2020 adalah bersandarkan kepada tiga teras iaitu melindungi rakyat, menyokong perniagaan dan akhirnya memperkukuhkan ekonomi.



## LAPORAN EKONOMI

## PERSPEKTIF EKONOMI 2021

Dunia termasuk kita di Malaysia sedang berada dalam tempoh peralihan krisis yang memasuki fasa pemulihan pada 2021. Kerajaan kekal fokus kepada pelaksanaan langkah-langkah pemulihan yang tetap berpaksikan kepada tiga teras iaitu melindungi dan mengembalikan kesejahteraan rakyat, menyokong aktiviti-aktiviti perniagaan dan akhirnya memacu, merencanakan serta memperkukuhkan ekonomi domestik.

Bagi tempoh 2021, banyak pihak mengunjurkan ekonomi global akan meningkat. Dunia akan mendapat impak dan manfaat daripada program vaksinasi yang dianjurkan negara-negara seluruh dunia bagi tempoh 2021-2022 apabila jumlah kes COVID-19 akan merosot dan ketakutan semakin reda.

Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) pula melaporkan, prospek telah meningkat dalam beberapa bulan terakhir ini dengan tanda-tanda pemulihan perdagangan barangan dan industri. Menurut OECD lagi, pertumbuhan KDNK global kini diunjurkan pada 5.6 peratus pada 2021. Keluaran dunia dijangka mencapai tahap pre-pandemik pada pertengahan 2021. Yang turut menarik ialah apabila Tabung Kewangan Antarabangsa turut meramalkan pertumbuhan yang serupa.

Berdasarkan fakta, rasional dan angka yang dinyatakan ini, ternyata perspektif ekonomi pada 2021 akan lebih baik kukuh dan mampu meraih tahap pemulihan yang menyakinkan.

Bagaimanapun tahap kepastian dan magnitud pemulihan ekonomi Malaysia sebagai sebuah ekonomi terbuka, turut bergantung kepada prestasi rakan dagang utama, pemulihan di negara-negara jiran serta keberkesanan program vaksinasi global. Selain itu, usaha ini juga perlu diimbangi dengan keupayaan kerajaan untuk terus memperkukuh dan memaksimumkan kutipan hasil cukai serta meningkatkan keapungan cukai melalui inisiatif pembaharuan cukai menerusi strategi yang akan menjamin kewangan awam yang kukuh.







Pada masa sama, kita jangan cuma melihat COVID-19 hanya dari sisi yang negatif semata-mata. Sebaliknya, kita perlu berfikiran terbuka dan positif bahawa krisis kesihatan sejagat ini turut membuka peluang kepada perniagaan untuk memperbaharui strategi selain mempercepatkan transformasi digital, membuka ekonomi baharu serta membuka mata bahawa kita kini berada dalam era ekonomi digital yang berbeza daripada ekonomi pada dekad lalu. COVID-19 turut membawa kita kembali kepada nilai kerjasama, menghargai kesihatan dan kebebasan serta menautkan semula nilai dan tali kekeluargaan serta kemanusiaan yang meniris selama ini.

Di peringkat Johor Corporation, langkah merombak kluster empat bisnes teras iaitu Agribisnes (Kulim (Malaysia) Berhad); Kesejahteraan & Kesihatan (KPJ Healthcare Berhad); Makanan & Restoran (QSR Brands (M) Holdings Bhd) serta Hartanah & Infrastruktur (Johor Land Berhad) adalah untuk mencapai matlamat Penstrukturan Semula Korporat dan Pengurusan Pelaburan sekali gus membolehkan keempat-empat syarikat itu dibangunkan untuk menjadi syarikat nombor satu atau peneraju dalam industri masing-masing. Semua ini terangkum dengan tersusun kemas, berhemah dan berstrategi menerusi gagasan 'Membina Semula JCorp Untuk Kejayaan Mampan 2021-2025'.

# BAHAGIAN AGRIBISNES



Pada masa ini, kebanyakan negara termasuk Malaysia telah memasuki gelombang ketiga pandemik COVID-19. Walaupun vaksinasi telah diberikan secara berperingkat, namun ia memerlukan masa sebelum sejumlah penerima menerima dos yang diperlukan untuk membentuk imuniti. Sehingga itu, dunia masih perlu mengamalkan penjarakan sosial, penjagaan kebersihan dan mengamalkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang lain sebagai sebahagian daripada 'norma baharu'.

Di Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim), proses perubahan bermula sebelum pandemik lagi, ketika Kulim memutuskan untuk menyelaraskan operasinya dan mewujudkan organisasi yang fokus kepada komoditi penting, iaitu makanan. Namun, di tengah-tengah ketidakpastian berkaitan pandemik, Kulim menyedari bahawa untuk mencapai pertumbuhan yang mampan, Kulim perlu disenaraikan sekali lagi di Bursa Malaysia. Oleh itu, Program Transformasi lima tahun telah dirangka untuk memacu Kulim ke arah hasrat tersebut.

Program ini mempunyai perincian yang sangat komprehensif merangkumi penstrukturan semula organisasi dan korporat, penggabungan prinsip-prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) ke dalam model bisnes Kulim, dan kerangka tadbir urus yang diperkukuh bagi memastikan integriti dalam menyampaikan nilai kepada pihak berkepentingan.





## TINJAUAN 2020

Sebagai sumber minyak yang boleh dimakan dan mudah diperolehi, minyak sawit secara relatifnya tidak terjejas teruk akibat pandemik. Sungguhpun harga yang dicatatkan rendah dan tidak menguntungkan sejak tahun 2019, malah kian merosot dalam tempoh tiga bulan pertama semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, namun harga minyak sawit kemudiannya meningkat sehingga mencapai tahap tertinggi dalam tempoh sedekad pada akhir tahun 2020. Ia berlaku berikutan peningkatan permintaan dan juga disebabkan bekalan yang berkurangan kerana aktiviti penuaian yang kurang optimum. Situasi ini pula tercetus akibat kekurangan tenaga kerja dan hasil penuaian yang lebih rendah disebabkan oleh kemarau dan jerebu yang tertunda daripada tahun sebelumnya.

Permintaan domestik daripada sektor Makanan dan Minuman (F&B), iaitu daripada hotel, restoran dan kafe meningkat rentetan daripada kelonggaran sekatan pergerakan bermula pada pertengahan tahun, manakala permintaan antarabangsa pula didorong oleh pelaksanaan duti eksport yang dikurangkan kepada sifar selama enam bulan bermula dari Julai sehingga Disember 2020. Pelaksanaan ini membantu meningkatkan permintaan sehingga menyebabkan stok Minyak Sawit Mentah (MSM) Malaysia menurun ke paras serendah 1.26 juta tan pada akhir Disember 2020, berbanding 2.0 juta tan pada akhir Disember 2019<sup>1</sup>.

Pada masa yang sama, kekurangan tenaga kerja juga merupakan salah satu masalah kritikal bagi sektor ini yang terjejas lebih teruk pada tahun 2020 akibat penutupan sempadan. Situasi ini menghalang kemasukan pekerja asing yang merupakan penyumbang terbesar tenaga kerja dalam sektor perladangan. Ditambah pula dengan keadaan cuaca yang memberi kesan terhadap hasil tuaian, pengeluaran MSM bulanan menurun sebanyak 3.6 peratus daripada 1,654,864 tan pada tahun 2019 kepada 1,594,744 tan pada tahun 2020.<sup>2</sup>

<sup>1</sup> <http://mpoc.org.my/monthly-palm-oil-trade-statistics-2020/>

<sup>2</sup> <http://mpoc.org.my/monthly-palm-oil-trade-statistics-2020/>

## BAHAGIAN AGRIBISNES

## PENYELARASAN STRATEGIK

Dalam arus perjalanan Kulim untuk menjadi sebuah syarikat perladangan dan agribisnes yang terkemuka dan tersenarai, Kulim telah menubuhkan Jabatan Transformasi untuk merangka program transformasi secara terperinci yang merangkumi enam komponen utama, iaitu Penyusunan Semula Kewangan dan Korporat, Penyusunan Semula Organisasi, Kerangka Tadbir Urus, Pembangunan Bisnes, Transformasi Digital dan Peningkatan Prestasi.

Di bawah inisiatif Penyusunan Semula Kewangan dan Korporat, Kulim telah menyelaras operasinya melalui penutupan operasi syarikat yang mengalami kerugian dan melupuskan bisnes yang tidak berprestasi serta aset bukan teras untuk memberi tumpuan kepada segmen perladangan dan agribisnes yang merupakan bidang kompetensi Kulim berdasarkan pengalamannya yang meluas.

Sebagai sebahagian daripada Penyusunan Semula Organisasi, Kulim telah memantapkan struktur organisasinya dan menerapkan teknologi terkini untuk memudahkan kerja jarak jauh bagi menyokong waktu kerja yang lebih fleksibel dan membolehkan pekerjaannya menikmati keseimbangan kerja-kehidupan yang lebih baik.

Berpaksikan hasrat untuk membudayakan integriti, Kulim sedang berusaha mendapatkan pensijilan MS ISO 37001: 2016 bagi Sistem Pengurusan Antirasuah dan perakuan tersebut dijangka akan diperoleh pada suku kedua 2021. Selain itu, Kulim akan terus komited kepada prinsip-prinsip ESG kerana menyedari kepentingan ESG dalam semua perkara yang dilakukan sebagai sebuah organisasi. Kulim juga akan mengkaji dan memperkuat struktur pengurusan risiko dan tadbir urus untuk memudahkan peralihannya menjadi sebuah syarikat senarai awam.

Pada masa ini, penglibatan utama Kulim adalah dalam segmen hulu kelapa sawit yang terdedah kepada ketidakstabilan harga MSM. Untuk mengurangkan risiko ini, dan sebagai sebahagian daripada strategi pertumbuhan baharu, Kulim akan menerokai segmen hiliran dengan pemain yang mampan. Langkah ini juga akan membolehkan Kulim memperoleh margin yang lebih baik di sepanjang rantaian nilai.



Kulim telah menetapkan matlamat untuk memperluas kawasan penanaman kelapa sawitnya daripada 63,509 hektar kepada 80,000 hektar. Kulim telah mencapai kemajuan ke arah ini apabila pada tahun 2020, suatu perjanjian telah dimeterai bagi memajak kawasan seluas 8,917 hektar yang ditanami kelapa sawit daripada Johor Corporation (JCorp) untuk tempoh 45 tahun. Pajakan yang meliputi empat ladang milik JCorp tersebut akan diuruskan oleh Mahamurni Plantations Sdn Bhd (MPSB), syarikat subsidiari milik penuh Kulim.

Kulim juga telah mengenal pasti sumber tenaga boleh diperbaharui (Renewable Energy - RE) sebagai sektor yang dapat dimanfaatkan sepenuhnya melalui bisnes kelapa sawit. Pada masa ini, Kulim memerangkap gas metana daripada biogas yang dikeluarkan oleh kilangnya dan ditukar menjadi tenaga elektrik bagi kegunaan operasinya. Walau bagaimanapun, Kulim menyedari bahawa masih banyak yang boleh dilakukan kerana Kulim percaya faedah yang diraih bukan sekadar dapat menjana pendapatan, bahkan turut menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar. Rencana Kulim adalah untuk membangunkan kilang biogas di semua kilang menjelang tahun 2025. Sehingga kini, empat buah kilang biogas telah mendapat pentauliahan dan hanya berbaki sebuah lagi kilang di Kilang Kelapa Sawit Tereh, yang dijangka siap pada separuh tahun pertama 2021.

## Jumlah Pendapatan

**RM1.41 bilion**  
(2019: RM1.21 bilion) <sup>^17%</sup>

## Harga MSM

**RM2,753**  
setiap tan metrik  
(2019: RM2,182  
setiap tan metrik) <sup>^26%</sup>



Sebagai tambahan Kulim sedang membangunkan kilang biometana dan Gas Asli Biomampat (bio-CNG) yang pertama. Kilang biometana berfungsi untuk mengekstrak gas metana daripada biogas dan menyalurkannya ke sistem grid Gas Malaysia, manakala kilang bio-CNG pula akan memampatkan metana ke dalam botol bagi tujuan penyimpanan dan membekalkannya terus kepada pelanggan Gas Malaysia.

Kulim turut menerokai bidang pertumbuhan baharu dalam bidang agribisnes, dan berusaha untuk mengembangkan model pertanian bersepadu yang melibatkan bisnes nanas, pertanian pintar dan penanaman tanaman lain berserta ternakan dan perdagangan. Selain dapat menyerlahkan kemampuan Kulim, ia juga akan membolehkan Kulim memenuhi mandatnya dalam menyokong pembangunan ekonomi Johor, selain menyumbang kepada program keselamatan makanan negara secara khususnya.

Tahun ini juga menyaksikan Kulim menempa kemajuan lebih jauh dari segi pendigitalan proses dan prosedur korporatnya. Kulim menerapkan sistem baharu demi meningkatkan aspek pengurusan, operasi, pentadbiran dan perakaunan, di samping menyediakan infrastruktur jaringan baharu untuk mengintegrasikan semua data daripada seluruh unit operasi Kulim ke pangkalan data yang berpusat di ibu pejabat Kulim. Walaupun berpusat, namun data tersebut masih dapat diakses dengan mudah oleh unit operasi. Pada masa ini, Divisyen Digital Kulim sedang menjalani proses transformasi dan bergerak ke arah Microsoft 365 yang akan memberi manfaat kepada Kulim secara keseluruhan.

## PRESTASI KEWANGAN

Bagi tahun kewangan 2020, Kulim mencatatkan pertumbuhan pendapatan sebanyak 17 peratus daripada RM1.21 bilion pada tahun 2019 kepada RM1.41 bilion. Sebahagian besar pencapaian ini adalah disebabkan oleh kenaikan harga MSM dan Minyak Isirong (PK) apabila masing-masing secara purata meningkat sebanyak RM2,753 dan RM1,625 setiap tan, berbanding RM2,182 dan RM1,289 setiap tan pada 2019.

Walau bagaimanapun, Kulim mengalami Kerugian Sebelum Cukai (LBT) berjumlah RM398.95 juta pada tahun 2020, berbanding RM127.85 juta pada tahun 2019. Penyebab utama situasi ini adalah kerana berlakunya kemerosotan dalam kedua-dua segmen Minyak dan Gas (O&G) serta segmen perladangan di Indonesia. Malah, bisnes E.A. Technique (M) Berhad (EA Tech) turut terjejas. Meskipun mengalami kemerosotan, aliran tunai Kulim masih kekal kukuh dan dapat mengekalkan komitmennya kepada para pemegang saham dengan pembayaran dividen sebanyak RM52 juta bagi tahun di bawah tinjauan.





## BAHAGIAN AGRIBISNES

# TINJAUAN BISNES

## OPERASI PERTANIAN



Penglibatan Kulim dalam bisnes kelapa sawit merangkumi kegiatan hulu dan pertengahan dengan pemilikan ladang yang terletak di Johor, Malaysia dan Sumatera Selatan, Indonesia. Kulim turut memiliki lima kilang di Johor bagi mengekstrak MSM dan PK. Di samping itu, Kulim juga memiliki dan mengurus bisnes nanas, penanaman kelapa dan terlibat dalam penternakan lembu.

Dalam usaha untuk meraih nilai optimum daripada operasi perladangannya, dan juga sebagai langkah mengurangkan pengeluaran karbon, Kulim telah memulai proses pemerangkapan dan penukaran biogas kepada sumber tenaga. Bagi menyokong bisnes perladangan dan usaha dalam sektor RE, Kulim telah melabur dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), yang dilaksanakan melalui Kulim Agrotech Center (KAC). Kulim turut menjalin kerjasama dengan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Agensi Nuklear Malaysia dalam pelbagai bidang penyelidikan yang berkaitan dengan pertanian.

Operasi perladangan kelapa sawit Kulim meliputi kawasan seluas 74,575 hektar, dengan 60,064 hektar atau 81 peratus daripadanya terletak di selatan Semenanjung Malaysia manakala 14,511 hektar lagi di Sumatera Selatan, Indonesia, di mana Kulim telah memiliki hak penanaman atau status Hak Guna Usaha (HGU).

Setakat 31 Disember 2020, 63,509 hektar kawasan telahpun ditanam dengan kelapa sawit, dan ia meliputi 56,147 hektar di Malaysia. Kawasan tanaman sawit matang pula telah menjangkau 53,667 hektar, dan daripada jumlah tersebut, 49,945 hektar terletak di Malaysia, manakala 3,722 hektar di Indonesia.

Pada tahun 2020, jumlah penghasilan Buah Tandan Segar (BTS) daripada operasi Malaysia dan Indonesia telah mencecah 1,159,589 tan.

## OPERASI PERLADANGAN – MALAYSIA

Sepanjang tahun ini, Kulim terus fokus dalam usaha meningkatkan kecekapan kos dan operasi di seluruh ladangnya. Namun, perkara ini amat berkaitan dengan masalah kekurangan tenaga buruh asing akibat penutupan sempadan antarabangsa. Kira-kira 73 peratus pekerja ladang milik Kulim berasal dari Indonesia, India dan Bangladesh. Walaupun sebahagian daripada mereka telah kembali ke negara asal sepanjang tahun ini, namun, bermula dari Mac, Kulim tidak dapat membawa masuk pekerja asing baharu untuk mengekalkan bilangan pekerja yang optimum di ladangnya. Hal ini memberi kesan ketara semasa tempoh penuaian kerana Kulim memerlukan tenaga buruh yang ramai bagi melakukan kerja-kerja tersebut.

### PRESTASI OPERASI

- Kawasan bertanam meningkat daripada 47,230 hektar pada tahun 2019 kepada 56,147 hektar disebabkan pemerolehan kawasan seluas 8,917 hektar melalui pajakan empat ladang milik JCorp.
- 1,237 hektar pokok kelapa sawit yang melebihi usia 25 tahun ditanam semula menggunakan klon kacukan Kulim-Dami yang berprestasi tinggi. Penanaman semula dilakukan secara berperingkat untuk memaksimumkan potensi tanaman sebelum penebangan pokok dilakukan.
- Operasi di Malaysia menghasilkan 1,145,090 tan BTS, iaitu peningkatan 26 peratus daripada 907,188 tan pada tahun 2019.
- Hasil Sehektar (YPH) meningkat kepada 22.93 tan daripada 21.69 tan pada tahun 2019. Malah, ia lebih tinggi daripada hasil purata yang dicapai oleh industri di Johor dan Semenanjung Malaysia, apabila masing-masing mencatatkan 20.14 tan dan 17.76 tan.



### Kawasan Bertanam

**2020: 56,147 hektar**  
(2019: 47,230 hektar)

## OPERASI KILANG

Operasi kilang dan bisnes Kulim turut terjejas dan terganggu rentetan masalah kekurangan tenaga kerja yang tercetus kerana pelaksanaan PKP. Kekurangan tenaga kerja jelas menimbulkan cabaran, terutamanya dalam mengurangkan jumlah buah leri semasa penuaian. Malah, kadar hujan yang tinggi turut menyumbang kepada penurunan Kadar Perahan Minyak (OER) dan Kadar Perahan Isirong (KER).

Walau bagaimanapun, Kulim telah menempa kemajuan yang memberangsangkan dalam sektor RE yang melibatkan proses pemerangkapan gas daripada sisa Kumbahan Kilang Kelapa Sawit (POME) dan ditukar menjadi sumber tenaga. Pada tahun 2020, Kulim memperkenalkan kilang biogas keempatnya bertempat di Kilang Kelapa Sawit Palong Cocoa. Namun, kilang di Sedenak dan Sindora telah ditutup bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan, masing-masing sejak Oktober 2018 dan Mac 2019.

Buat masa ini, kesemua biogas yang dihasilkan digunakan secara dalaman untuk penjaanaan tenaga. Namun, Kulim mempunyai rancangan untuk mengkomersialkan biometana sebagai sumber pendapatan tambahan. Sehubungan dengan itu, Kulim sedang membina sebuah kilang biometana di Kilang Kelapa Sawit Sedenak dan kilang bio-CNG di Kilang Kelapa Sawit Tereh. Kedua-dua kilang ini dijangka akan mula beroperasi pada suku pertama 2022, manakala kilang biogas kelima akan didirikan dan ditauliahkan di Kilang Kelapa Sawit Tereh pada separuh pertama 2021.

## BAHAGIAN AGRIBISNES

### PRESTASI OPERASI

- Memproses sejumlah 1,501,949 tan BTS, termasuk 362,875 tan daripada pembekal luar, iaitu peningkatan sebanyak 5 peratus daripada tahun 2019 - sebahagian besarnya berpunca daripada peningkatan bekalan Kulim.
- Jumlah pengeluaran MSM mencecah 316,066 tan, meningkat 2 peratus berbanding 309,867 tan pada tahun 2019.
- Pengeluaran PK meningkat 3 peratus daripada 77,108 tan kepada 79,711 tan.
- OER menurun kepada 21.04 peratus daripada 21.66 peratus, namun lebih tinggi daripada kadar purata industri iaitu 19.68 peratus bagi Semenanjung Malaysia dan 19.92 peratus bagi Malaysia secara keseluruhannya.
- KER menurun kepada 5.31 peratus daripada 5.39 peratus pada 2019.
- Jumlah pengeluaran biogas meningkat 83 peratus daripada 3,781,857 meter padu pada 2019 kepada 6,930,104 meter padu.
- Sebanyak 20,338 tan tempurung dan 13,006 tan serat kelapa sawit dijual untuk diolah menjadi sumber RE. Berbanding tahun 2019, tempurung yang dijual adalah 2,676 tan lebih tinggi, manakala penjualan serat sawit mencatatkan penurunan sebanyak 3,836 tan.

### OPERASI PERLADANGAN - INDONESIA

Sejak diberikan hak penanaman atau status HGU untuk dua buah ladang di Sumatera Selatan pada tahun 2016, kedua-dua anak syarikat Kulim telah melakukan pemulihan tanah seluas 7,362 hektar, dimana 4,248 hektar diusahakan oleh PT Rambang Agro Jaya (PT RAJ), manakala 3,114 hektar dikendalikan oleh PT Tempirai Palm Resources (PT TPR). Program pemulihan tersebut berjaya diselesaikan, masing-masing pada bulan Oktober 2018 dan Julai 2018. Rentetan daripada kerja-kerja pemulihan tanah, hasil tanaman telah meningkat dengan ketara. Sebagai sebahagian daripada proses pemulihan, pembangunan infrastruktur juga dilaksanakan di kawasan ladang tersebut.

### PRESTASI OPERASI

Kedua-dua ladang telah menghasilkan sejumlah 14,499 tan BTS pada tahun 2020, yang mewakili hasil pengeluaran sebanyak 5.24 tan per hektar daripada kawasan penuaian seluas 2,766 hektar. Ini menandakan peningkatan sebanyak 42 peratus berbanding 10,198 tan pada tahun 2019. Kulim menjangkakan bahawa seluruh kawasan seluas 7,362 hektar yang dipulihkan akan berupaya menghasilkan tuaian pada tahun 2022. Menjelang tahun 2025, pengeluaran BTS disasarkan mencapai 75,773 tan setahun.

### PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN (R&D)



R&D membentuk komponen penting dalam bisnes pertanian bertunjangkan iltizam Kulim untuk terus meningkatkan kualiti bahan tanaman agar memperoleh hasil yang optimum. Sebagai tambahan, Kulim turut bekerjasama dengan MPOB dalam menghasilkan klon kelapa sawit yang berlainan. Setelah tujuh tahun menjalankan penyelidikan, klon P325 berjaya dihasilkan serta diakui secara rasmi sebagai 'klon elit' yang secara puratanya berupaya menghasilkan BTS sehingga 30 tan per hektar setahun, manakala OER pula mencapai 28.1 peratus dan pengeluaran MSM mampu mencecah 8.5 tan per hektar setahun. Menyedari kelebihanannya, klon tersebut telah merangkul anugerah Emas Produk Inovatif Malaysia pada majlis Pameran Reka Cipta, Inovasi & Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2020 yang berlangsung di Kuala Lumpur.



## BAHAGIAN AGRIBISNES

### NANAS

Kulim Pineapple Farm (KPF) merupakan anak syarikat milik Kulim, mengusahakan ladang nanas MD2 yang berkeluasan 359 hektar di Ulu Tiram dan Mersing, Johor. Pengeluaran produk hiliran nanas (produk OEM – pengilang peralatan asli), di bawah jenama Melita telah memperoleh pensijilan HALAL daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Nanas Melita kini dijual di lima kiosk di Johor - Ladang Ulu Tiram, Galleria @ Kota Raya, Hospital Pakar KPJ Johor, Larkin Sentral dan KPJ Puteri Specialist Hospital.

Kesungguhan KPF dalam menjaga mutu produknya telah membolehkannya meraih beberapa perakuan seperti Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) 2010-2020, serta *Malaysia's Best*, di samping turut diperakui menerusi Sijil Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT). Malah, mereka juga merupakan salah satu daripada tiga syarikat di Malaysia yang telah mendapat kelulusan daripada pihak Pentadbiran Am Penyeliaan Kualiti, Pemeriksaan dan Kuarantin Republik Rakyat China (AQSIQ) untuk mengeksport nanas segar ke negara tersebut.


KPF merancang untuk memperluas kawasan tanaman kepada 623 hektar menjelang 2025, dan sekali gus meningkatkan pengeluaran daripada 2,316 tan pada masa ini kepada 13,530 tan melalui kerjasama dengan agensi negeri dan pihak ketiga.

### PRESTASI OPERASI

- Pengeluaran nanas meningkat sebanyak 19 peratus daripada 1,954 tan pada tahun 2019 kepada 2,316 tan.
- Jumlah kawasan telah berkurang daripada 418 hektar pada tahun 2019 kepada 359 hektar pada 2020, berikutan pemulangan kawasan seluas 59 hektar kepada Ladang Selai.

### Kawasan Bertanam KPF

**359 hektar**  
Ulu Tiram & Mersing



### Pengeluaran Nanas

**2020: 2,316 tan** <sup>^19%</sup>  
(2019: 1,954 tan)

### KELAPA

Sebagai sebahagian daripada inisiatif strategik untuk mempelbagaikan aktiviti perladangan melibatkan tanaman lain, Kulim telah memulakan projek penanaman kelapa yang berupaya meningkatkan potensi pertumbuhan Kulim.

Setakat 31 Disember 2020, keluasan kawasan penanaman kelapa telah menjangkau 100.20 hektar dan Kulim menanam berbagai jenis kelapa, seperti Pandan, DeeJay Sampurna, Vietnam Green dan Vietnam Brown, bertempat di Balau Coconut Farm, Kota Tinggi. Tanaman kelapa ini diuruskan oleh Ladang Siang dan kawasan tersebut telah ditanami kira-kira 173 hingga 250 pokok kelapa bagi setiap hektar. Oleh kerana tanaman kelapa masih muda dan dijangka hanya akan berbuah pada tahun kelima dan seterusnya, maka tiada pengeluaran dicatatkan pada tahun 2020.



## BAHAGIAN AGRIBISNES

### PERTANIAN PINTAR

Kulim telah memulakan projek perintis pertanian pintar dengan menanam timun jenis tempatan dan Jepun serta tanaman lain di Ulu Tiram.

Di bawah kitaran pertama, di Plot A, Kulim telah menuai sebanyak 18,496 kilogram (kg) timun, manakala kitaran kedua, di Plot B, sejumlah 11,941 kg timun dituai. Semasa kitaran ketiga, Kulim telah menanam sebanyak 1,395 beg timun, 160 beg peria dan 125 beg timun Jepun yang akan mula dituai pada akhir Mac hingga akhir April 2021. Projek ini dipantau oleh Kulim Nursery Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Kulim dan juga Jabatan R&D.

### PENTERNAKAN

Terdapat tiga jenis baka lembu yang ditenak oleh Kulim, iaitu Kedah-Kelantan (KK), Brahman, serta kacukan Brahman dan KK. Ketiga-tiganya merupakan baka yang paling sesuai ditenak sebagai kaedah semula jadi untuk meragut rumput di ladang. Baka tersebut juga tahan lasak dan mudah ditenak di kawasan ladang. Selain itu, ternakan tersebut juga merupakan sumber pendapatan yang diperoleh daripada penjualannya, terutama semasa sambutan Aidiladha, berikutan permintaan yang tinggi untuk dijadikan korban.

Matlamat Kulim adalah untuk menjadi penggiat utama dalam industri ternakan bersepadu di Malaysia dengan sasaran pemilikan 10,000 ekor lembu yang bebas meragut di ladang Kulim dalam tempoh lima tahun akan datang.

Selain lembu, kerbau juga digunakan di ladang untuk tujuan evakuasi tandan kelapa sawit. Walaupun bilangan kerbau menurun secara perlahan, namun ia adalah seiring dengan peningkatan mekanisasi yang bertujuan menambah baik produktiviti. Kulim juga memulakan penternakan kambing pada tahun 2005 sebagai salah satu inisiatif sumbangan ke arah memenuhi tanggungjawab korporatnya. Dalam melangkah ke hadapan, Kulim akan mula mengkomersialkan kambing sebagai sebahagian daripada langkah pengembangan bisnes.

### PRESTASI OPERASI

- Pada akhir tahun 2020, Kulim mempunyai sejumlah 6,115 ekor lembu, dengan lebih daripada 14,000 hektar kawasan ladang tersedia sebagai kawasan ragut. Jumlah ini merupakan peningkatan sebanyak 5 peratus daripada 5,808 ekor yang dimiliki pada akhir tahun 2019, disebabkan pertambahan kadar lembu yang beranak dan penurunan kadar kematian.
- Pada akhir tahun 2020, Kulim mencatatkan bilangan 52 ekor kerbau dan 216 ekor kambing berbanding 59 dan 261 ekor pada tahun 2019.
- Penjimatan kos sebanyak RM351,889 diperoleh daripada pengurangan kos penggunaan racun rumput kimia. Ia merupakan peningkatan sebanyak 6 peratus daripada RM331,871 penjimatan pada tahun 2019.
- Kulim memperoleh RM1.99 juta hasil penjualan lembu.





## BAHAGIAN BUKAN PERTANIAN

### INTRAPRENEUR VENTURE (IV)

Sebagai sebahagian daripada tindakan penyusunan semula bisnes Kulim untuk memberi tumpuan kepada perniagaan terasnya, Kulim secara berperingkat menghentikan bisnes IV dan melepaskan syarikat dalam portfolio ini dalam waktu terdekat.

Beberapa tahun kebelakangan ini, Kulim berusaha memperkemas usaha niaga intrapreneur miliknya dengan mengkaji semula model bisnes yang berpotensi, menggabungkan beberapa perusahaan untuk meningkatkan keupayaan, menamatkan operasi syarikat yang kerugian, dan melupuskan perusahaan yang tidak lagi selari dengan visi strategik Kumpulan. Bisnes dan aktiviti tertentu juga telah dipelbagaikan dan dijadikan khidmat luar oleh Kulim.

Pada 1 Mei 2020, Kulim membuat keputusan strategik untuk memberhentikan operasi Renown Value Sdn Bhd (RVSB).

### MINYAK & GAS (O&G)

Kulim terlibat dalam penyediaan khidmat sokongan untuk industri O&G, termasuk pengangkutan produk petroleum dan pembuatan saluran paip. Kulim juga telah membuat pelaburan dalam kegiatan hulu O&G di Indonesia, namun Kulim berhasrat menuai semula pelaburan yang dibuat sejajar dengan strategi Kulim untuk melupuskan kepentingannya dalam bisnes bukan teras.

Penyusunan semula bisnes juga bermakna Kulim secara berperingkat akan menghentikan bisnes O&G dengan pengecualian terhadap EA Tech. Sehubungan dengan itu, Kulim akan berusaha melepaskan syarikat dalam portfolio ini dalam tempoh masa terdekat.



## TINJAUAN

Walaupun terdapat perkembangan positif berkaitan vaksin COVID-19, namun masih banyak pembolehubah pandemik yang sukar dikendalikan. Ini bermaksud suasana ketidakpastian mungkin berterusan pada tahun 2021 dan oleh kerana itu, setiap industri dan bisnes perlu membuat jangkaan tentang kesannya dalam jangka masa panjang terhadap ekonomi. Berlatarkan senario ini, Kulim akan terus berusaha dan mengekalkan daya tahannya dalam rantaian bekalan, melindungi pendapatan dan menguruskan keuntungan, sementara mengatur semula peruntukan modal untuk terus meneroka masa depan, selepas berlalunya fasa COVID-19. Berpandukan program transformasinya, Kulim akan berusaha mencapai matlamatnya untuk memberikan pulangan dan nilai jangka panjang kepada pemegang saham serta pihak berkepentingan yang lain.

## BAHAGIAN KESEJAHTERAAN & KESIHATAN



Tahun 2020 merupakan tahun yang membawa banyak perubahan kepada KPJ Healthcare Berhad ('KPJ' atau 'Kumpulan'), sama ada daripada segi inisiatif yang dimulakan sendiri mahupun perubahan yang diakibatkan oleh faktor luaran. Apabila digabungkan, kedua-dua faktor tersebut mencetuskan suatu evolusi dan transformasi kepada bahagian Kesejahteraan & Kesihatan Johor Corporation (JCorp) ini.

Pandemik COVID-19 memberikan impak terbesar sepanjang tahun 2020. Ia bukan sahaja merubah cara KPJ memberikan perkhidmatannya kepada pesakit, malah turut memacu perubahan dan transformasi organisasi.

### PRESTASI KEWANGAN 2020

KPJ telah merekodkan pendapatan berjumlah RM2.4 bilion dan keuntungan sebelum cukai (PBT) sebanyak RM150.8 juta, iaitu masing-masing menurun sebanyak 12.4 peratus dan 45.2 peratus. Penyebab utama kemerosotan ini adalah akibat penularan pandemik COVID-19. Berlatarkan senario ini, pembayaran dividen bagi tahun 2020 telah ditetapkan sebanyak 1.2 sen sesaham, dengan jumlah pembayaran mencecah RM51.4 juta, iaitu bersamaan 46.4 peratus daripada keuntungan Kumpulan sepanjang tahun. Kadar purata penghunian katil (BOR) sepanjang tahun 2020 pula berada pada paras 48 peratus.

## MEMASTIKAN KESELAMATAN HOSPITAL KPJ SEPANJANG TEMPOH PANDEMIK

Matlamat serta tumpuan utama KPJ sepanjang tahun ini terarah kepada usaha memelihara kesejahteraan dan kesihatan pesakit, pelanggan dan pakar perubatan kami. Dianggarkan sepanjang tahun 2020, KPJ telah merawat seramai 2.9 juta pesakit di seluruh Malaysia. Kesemua kes dikendalikan oleh petugas barisan hadapan KPJ.

Hospital-hospital KPJ sentiasa berada dalam keadaan siap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Kami bukan sekadar memastikan bahawa segala langkah kawalan jangkitan, protokol dan tatacara operasi adalah memadai malah ia sentiasa dikaji semula, disemak dan dipertingkatkan demi menjamin mutu perkhidmatan.

Langkah-langkah segera telah diambil bagi melindungi pesakit, pelawat dan anggota pekerja hospital Kumpulan berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Ini bermaksud terpaksa mengurangkan bilangan laluan masuk (POE) ke dalam hospital, penyediaan alat pengimbasan suhu badan dan menyimpan catatan rekod perjalanan anggota pekerja hospital yang siap memakai kelengkapan perlindungan diri (PPE).

Pesakit yang dimasukkan ke wad dan pesakit luar telah diminta menjalani saringan COVID-19 sebelum memasuki premis dan juga sebelum menjalani sebarang rawatan atau pembedahan. Malah, hospital KPJ turut mengambil inisiatif mewujudkan sebuah wad dan kemudahan khusus bagi mengendali kemasukan sebarang kes berkaitan pernafasan agar risiko kebarangkalian jangkitan dapat dikurangkan.

Sementara itu, makmal KPJ, Lablink dimanfaatkan sepenuhnya untuk menganalisis sampel daripada hasil saringan yang dijalankan oleh hospital milik Kumpulan serta hospital lain daripada sektor swasta mahupun hospital di bawah KKM.

Beberapa perkhidmatan lain turut diperkenalkan demi memastikan hubungan kami dengan pesakit dan pelanggan sentiasa mantap dan terpelihara. Ini termasuklah perkhidmatan penghantaran ubat-ubatan ke rumah, kaunseling secara dalam talian bagi pesakit sedia ada, serta penyediaan perkhidmatan dialisis berdasarkan SOP yang ditetapkan.



## BAHAGIAN KESEJAHTERAAN &amp; KESIHATAN

## MENYUMBANG KE ARAH KESIHATAN NEGARA

Kumpulan KPJ terus menyokong usaha pihak kerajaan dalam menangani pandemik ini. Semua hospital KPJ terlibat dalam inisiatif KKM untuk memberi suntikan vaksin kepada petugas barisan hadapan semenjak bermulanya fasa satu Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Sepuluh hospital KPJ yang terpilih sebagai pusat vaksinasi semasa fasa satu oleh KKM menawarkan vaksinasi kepada petugas barisan hadapan Malaysia. Keputusan mendahulukan petugas barisan hadapan ini bermatlamat mengukuh dan meningkatkan daya tahan sektor kesihatan negara ini sendiri, kerana tindakan tersebut seterusnya akan kembali melindungi pesakit, keluarga dan komuniti mereka.

Selain itu, 20 hospital Kumpulan KPJ di seluruh negara turut menjadi Pusat Pemberian Vaksin Hospital Swasta (PPVHS) bagi fasa dua dan tiga PICK. Kumpulan KPJ juga menyalurkan bantuan kepada hospital-hospital awam melalui sumbangan PPE, ubat-ubatan, peralatan pernafasan, dan makanan untuk petugas barisan hadapan. Usaha ini dilaksanakan melalui rangkaian Kumpulan KPJ dan juga menerusi Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) sebagai penyataan iltizam KPJ untuk membantu negara berhadapan dengan musibah pandemik ini. Kumpulan turut menawarkan khidmatnya kepada pesakit KKM, termasuklah untuk kes-kes pembedahan. Malah, beberapa hospital Kumpulan telah memberi khidmat penjagaan pesakit yang bukan positif COVID-19 daripada KKM bagi meringankan beban di hospital awam.

## TRANSFORMASI KPJ SEPANJANG 2020

KPJ telah memulakan perjalanan transformasi pada 2021 bertunjangan hasrat untuk mengukuhkan kesinambungan dan daya saing perniagaan jangka panjang. Fokus utama Kumpulan KPJ terarah kepada usaha memantapkan lagi ekosistem bersepadunya yang mencerminkan keutamaan KPJ terhadap pesakit.

Sehubungan dengan itu, KPJ merubah struktur dalamannya agar dapat meningkatkan nilai komersial Kumpulan. Langkah ini dijangka dapat meningkatkan kemampuan dan keberkesanan operasi serta meneguhkan kewangan syarikat. Sebahagian besar daripada perubahan ini telahpun dilaksanakan secara berperingkat sejak Januari 2020 sehingga Mac 2021 dengan mewujudkan pasukan kepimpinan yang bukan sahaja mewakili pelbagai latar belakang, bahkan turut mewakili semua komponen perniagaan Kumpulan.

Di samping itu, KPJ juga bakal memperkenalkan dan membuka pusat perkhidmatan ambulatori (ACC) di beberapa lokasi komersial, yang akan turut menawarkan perkhidmatan lain. ACC yang pertama, bertempat di Kinrara, Selangor, sedang dalam pembinaan dan bakal memulakan operasinya pada pertengahan tahun 2021.

Seiring dengan perubahan ini, KPJ dijangka akan menggabungkan aktiviti dan menghimpunkan nilai kolektifnya berpaksikan matlamat utama, iaitu Memantapkan Semula KPJ (*Re-energising KPJ*).

Pendapatan 2020 Baharu  
**RM2.4 billion**

Keuntungan Sebelum Cukai  
**RM150.8 juta**





## PELUASAN RANGKAIAN PADA 2020

### PENEMPATAN SEMULA

Hospital Pakar KPJ Kluang dan Hospital Pakar KPJ Kuching telah ditempatkan semula dari bangunan lama ke bangunan baharu yang lebih besar, dan perpindahan tersebut, masing-masing berlaku pada Oktober dan November 2020.

### HOSPITAL SEDIA ADA

Beberapa hospital sedia ada telah melalui proses peluasan, yang sama ada menyaksikan penambahan klinik baharu dan/ atau penambahan katil bagi memenuhi permintaan pesakit di lokasi semasa masing-masing. Proses tersebut melibatkan Hospital Pakar KPJ Seremban, Hospital Pakar KPJ Klang, Hospital Pakar KPJ Sri Manjung, Hospital Pakar KPJ Perdana, Hospital Pakar KPJ Puteri dan Hospital Pakar KPJ Penang.

### HOSPITAL BAHARU

Hospital Pakar KPJ Damansara II akan dibuka kepada umum menjelang suku kedua 2022. Hospital yang baharu dibina ini memiliki kapasiti memuatkan sebanyak 300 buah katil, dengan 60 buah katil akan tersedia semasa tempoh pelancaran fasa pertama. KPJ Damansara II dijangka akan menjadi hospital premium KPJ yang pertama.

## PENDIDIKAN

Sejak ditubuhkan 30 tahun yang lalu, Kolej Universiti Penjagaan Kesihatan KPJ (KPJUC) telah berjaya melakar banyak kejayaan cemerlang yang mengagumkan dengan menawarkan pelbagai program induk baharu untuk ijazah kedoktoran, sarjana dan sarjana muda. Setakat ini, KPJUC menawarkan sejumlah 38 program akademik. Pada 2020, KPJUC merekodkan peningkatan dari segi pendaftaran baharu, yang menyaksikan bilangan pengambilan pelajar baharu meningkat sebanyak 9 peratus kepada 916 pada 2020 berbanding 837 pada 2019, walaupun berlatarkan suasana pandemik.



## ANUGERAH KECEMERLANGAN

Pada 2020, KPJ menjadi antara jenama yang terpilih untuk dinobatkan sebagai Jenama Paling Dipercayai dengan menggondol anugerah Platinum daripada Readers' Digest Malaysia. Pemilihan tersebut dibuat oleh Reader's Digest Malaysia berdasarkan tinjauan pengguna yang dijelankannya. Ini jelas merupakan pengiktirafan pengguna tempatan terhadap keupayaan KPJ untuk sentiasa menawarkan nilai perkhidmatan berkualiti tinggi secara konsisten tanpa mengira keadaan ekonomi semasa. Kemenangan pada tahun 2020 ini merupakan kemenangan kali kesembilan berturut-turut bagi KPJ, bermula dengan Anugerah Emas yang dirangkul pada 2012 hingga 2017 dan Anugerah Platinum pada 2018, 2019 dan 2020.

KPJ juga telah memenangi Anugerah Kecemerlangan Emas pada majlis Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2020. Kemenangan ini adalah dalam kategori syarikat dengan permodalan pasaran RM2 bilion hingga 10 bilion. Kejayaan ini mengiktiraf pendedahan dan pembentangan yang dikemukakan oleh KPJ melalui laporan tahunannya sehingga, menjurus kepada kemenangan buat julung kalinya.

Selain itu, KPJ Healthcare Berhad sekali lagi telah terpilih dan menjadi antara penerima anugerah 'HR Asia Best Companies to Work for in Asia' 2020 – edisi Malaysia. Tumpuan anugerah tersebut adalah untuk mengiktiraf organisasi yang mempunyai budaya kerja yang kukuh dan positif serta menggalakkan tahap penglibatan yang tinggi dalam kalangan pekerjaannya. Penerimaan anugerah ini merekodkan pemilihan KPJ buat kali ketiga, setelah terpilih sebelum ini pada 2014 dan 2018.

# BAHAGIAN MAKANAN & RESTORAN



## KFC MALAYSIA

Pandemik COVID-19 telah memberi impak yang besar terhadap aktiviti ekonomi global pada tahun 2020 apabila pelbagai sekatan dan tindakan tegas telah diambil oleh negara-negara di seluruh dunia dalam usaha untuk mencegah penyebaran virus ini. Di Malaysia, industri peruncitan merekodkan kemerosotan prestasi paling teruk sejak tercetusnya krisis kewangan dan ekonomi Asia 22 tahun lalu, dengan menyaksikan kadar pertumbuhan jualan runcit negara merudum sehingga ke paras -16.3 peratus bagi tahun 2020 berbanding tempoh yang sama pada tahun-tahun sebelumnya.

KFC Malaysia turut berhadapan dengan berbagai kemelut, namun ia tetap mempamerkan kegigihan dan daya tahannya bagi mengurangkan impak COVID-19, terutamanya sewaktu menempuh pelbagai fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Meskipun tahun 2020 menghadirkan cabaran yang amat getir, KFC terus berinovasi demi mempertahankan penguasaan pasarannya dan usaha tersebut ternyata berhasil apabila ia mengakhiri tahun 2020 dengan penambahan tujuh buah restoran baharu dan mencatatkan sejumlah 743 buah restoran KFC di Malaysia. Dalam mengharungi 'norma baharu', KFC terus memacu kepimpinan pasaran melalui beberapa inisiatif penting yang menjurus dan mengutamakan kesihatan serta keselamatan pekerja dan pelanggan, selaras dengan peraturan, undang-undang, serta prosedur operasi standard (SOP) kerajaan.

Strategi mengutamakan pelanggan turut diguna pakai dalam mengembangkan cawangan demi memastikan lebih ramai orang dapat mengunjunginya. Pada masa yang sama, KFC turut mengukuhkan lagi kehadirannya berteraskan nilai yang diinspirasi oleh rakyat Malaysia, dihasilkan oleh rakyat Malaysia untuk rakyat Malaysia, dan konsep ini diterjemahkan dengan menawarkan menu yang menambat selera pada waktu terhad dengan harga yang berpatutan. Namun, semua ini tidak meletakkan KFC daripada mempamerkan semangat setiakawan serta keprihatinan terhadap rakyat Malaysia, terutamanya mereka yang terkesan akibat pandemik ini.

## MENGUTAMAKAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN

Sejurus selepas pengumuman PKP pertama pada 16 Mac 2020, KFC telah melancarkan khidmat 'Penghantaran Tanpa Sentuh' dan 'Ambil Sendiri atau Self Collect Tanpa Sentuh' yang membolehkan para pelanggan melakukan semua transaksi tanpa memerlukan mereka bersentuhan, sekaligus mengurangkan risiko penyebaran virus. Sehubungan itu, KFC turut mempertingkatkan piawaian keselamatan terhadap makanan dan kebersihan yang sememangnya sedia ketat dengan memperkenalkan beberapa langkah tambahan. Antaranya, meningkatkan kekerapan kerja-kerja pembersihan dan sanitasi, menyahjangkit permukaan yang sering disentuh, menyediakan pensanitasi tangan, pengawasan kesihatan, pemakaian pelitup muka sepanjang masa, serta mengadakan latihan berkaitan prosedur baharu untuk semua pekerja.

Apabila khidmat makan di premis dibenarkan semula secara berfasa, KFC telah mengambil langkah untuk mengamal dan melaksanakan SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Paling utama ialah pemakaian pelitup muka, pengambilan suhu badan dan merekod nama serta nombor telefon sama ada secara manual atau melalui aplikasi MySejahtera bagi tujuan pengesanan kontak para pelanggan.

Selain itu, KFC juga mengamalkan Penjarakan Sosial iaitu memastikan jarak satu meter radius di antara meja, penandaan jarak pada lantai untuk pelanggan yang beratur serta penandaan kerusi agar duduk secara berjarak.



Premis KFC sentiasa menghadkan bilangan pelanggan yang berada di premis pada satu-satu masa.

## PERLUASAN CAWANGAN DAN KETERSEDIAAN

Selari dengan perkembangan capaian E-Dagang dan Saluran Tanpa Sentuh, KFC terus memberi fokus terhadap perkembangan ini di samping memperluas rangkaian cawangan yang mampu memberi pengkhidmatan penghantaran. Ini sejajar dengan keperluan dalam mewujudkan kebolehcapaian yang lebih cekap, pantas dan jualan luar premis semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Melalui ini, angka KFC Self Collect telah melonjak 160 peratus menjangkau 545 buah restoran, manakala KFC Delivery pula meningkat 140 peratus meliputi 512 buah restoran.

Ketersediaan penghantaran KFC turut berkembang melalui kerjasama erat dengan Foodpanda yang menyaksikan pertambahan purata 18 buah restoran baharu setiap bulan menggunakan perkhidmatan penghantaran ini pada tahun 2020.



## BAHAGIAN MAKANAN & RESTORAN

Pada Ogos 2020, KFC mengumumkan kerjasama dengan GrabFood bermula dengan 200 buah restoran dan mengakhiri tahun 2020 dengan 510 restoran di seluruh Malaysia. Perkhidmatan KFC terus dipertingkatkan dalam usahanya memberi lebih kemudahan, ketersediaan dan keselamatan melalui pengenalan 'Pandu Ambil'; khidmat tambahan kepada KFC Self Collect yang dilaksanakan di lebih 200 buah restoran.

Menerusi kaedah ini, para pelanggan hanya perlu membuat pesanan menerusi dalam talian dan menikmati hidangan KFC tanpa perlu keluar daripada kereta. Selain itu, pembayaran dalam talian juga diperluaskan dengan pengaktifan e-Dompet, iaitu sejajar dengan peningkatan penggunaan transaksi tanpa tunai kini.

### MENU WAKTU TERHAD DAN BERBALOI

Dalam membangkitkan nostalgia, KFC telah melancarkan 'Nasi Kari Atuk' - menu istimewa dengan rasa klasik tempatan pada musim Raya. Tawaran waktu terhad yang popular, 'Zinger Cheezilla' kembali untuk kali kedua atas permintaan ramai, dan rangkaian 'Zinger' juga dikembangkan merangkumi varian 'Cheezy' dan 'Spicy BBQ' dalam menu asas KFC - berita gembira buat peminat tegar Zinger! Pada masa yang sama, selain daripada menu inspirasi tempatan seperti 'Nasi Atuk KFC', 'Zinger Chop' dan 'Crunchy Tandoori'


Percambahan kepada

**743** Restoran  
KFC

pada akhir tahun 2020

KFC Self Collect  
melonjak **160 %**

KFC Delivery  
melonjak **140 %**



turut diperkenalkan. Selain menampilkan inovasi dalam produk baharu, KFC turut memperkenalkan beberapa promosi harga berbaloi dengan persekitaran ekonomi tidak menentu, seperti 'RM2.50 Cheezy Wedges', '15 for RM15 nuggets dan tenders' serta 'Chicken Every Day' - 5 ketul ayam dan 4 tenders. Pada 20 Februari 2020, KFC menarik perhatian umum menerusi promosi istimewa untuk satu hari dengan '2 Snack Plate Combos for RM20' dan telah mendapat sambutan luar biasa daripada para pelanggan.

### KEKAL KUKUH DENGAN NILAI DAN IDENTITI JENAMA TERSENDIRI

Sebagai sebuah jenama yang diinspirasikan oleh rakyat Malaysia, dihasilkan oleh rakyat Malaysia untuk rakyat Malaysia, kempen pemasaran tahun 2020 telah dirangka sejajar dengan identiti jenama KFC yang meraikan Malaysia, rakyat Malaysia serta warisan KFC di Malaysia. Sempena bulan kemerdekaan, KFC mengekspresi cintanya terhadap negara dengan pelancaran kempen 'KFC Cara Kita' yang memperlihatkan mural patriotik dilukis di tiga restoran KFC di Lembah Klang iaitu 5 Barat, Sea Park, dan Desa Sri Hartamas. Setiap mural merupakan karya tersendiri yang menzahirkan penghargaan terhadap Malaysia, selain mempamerkan keunikan dan keindahan identiti Malaysia.

Dengan berpandukan sentimen COVID-19, beberapa inisiatif penjenamaan telah dilancar. Melalui '#KepciKitchen', KFC menggalakkan rakyat Malaysia untuk kekal di rumah dan mengentengahkan daya kreatif mereka menerusi menu KFC. Malah mereka juga boleh berkongsi resipi di media





sosial menggunakan tanda pagar '#KepciKitchen'. KFC juga berkolaborasi dengan hos TV Sharifah Shahirah untuk berkongsi resipi Ramadan menggunakan ayam KFC yang disediakan segar setiap hari sebagai bahan asas dalam program masakan di TV3. Resipi yang dihasilkan telah diulang-siar di media sosial dan laman web, selain memberi panduan tambahan dalam memanaskan semula makanan.

Sementara itu, melalui kempen 'Behind the Skins', KFC telah menerbitkan suatu siri video yang memberi jaminan kepada para pelanggan tentang pelaksanaan piawaian dan kualiti tertinggi dalam menyediakan hidangan KFC. KFC juga melancarkan video muzik parodi 'KFC YOU SOON' apabila makan di premis dibuka semula, untuk menunjukkan kerinduan restoran KFC terhadap para pelanggannya. Video ini turut dipautkan dengan 86 buah lagu bertemakan 'rindu padamu' yang telah disusun khas dan boleh didapati di Spotify.

## MEMPAMERKAN SEMANGAT KESETIAKAWANAN TERHADAP RAKYAT MALAYSIA

Ketika situasi PKP berada di kemuncak, permintaan terhadap penghantaran makanan juga turut meningkat. KFC telah menggunakan peluang tersebut dalam memberi penghargaan terhadap penghantar makanan Foodpanda dan Grabfood yang juga merupakan petugas barisan hadapan. Malah, ia turut meliputi para penghantar dalam kalangan pesaingnya seperti McDonald's dan Pizza Hut. Penghargaan tersebut dizahirkan menerusi paparan yang mencuit hati di media sosial dan inisiatif ini telah mendapat respons positif daripada warganet. KFC turut menyertakan 'nota cinta' dalam hidangan pelanggan untuk mengucapkan terima kasih atas sokongan mereka, dan pada masa yang sama menggalakkan mereka untuk kekal di rumah.

KFC turut memantapkan usaha Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dalam membantu komuniti setempat yang terkesan akibat pandemik ini. KFC telah mengagihkan lebih 17,000 hidangan kepada petugas barisan hadapan dan komuniti kurang bernasib baik di lebih 100 lokasi di 13 buah negeri. Kempen CSR 'Kita Fight COVID-19' turut dilancar melalui kaedah derma ikhlas RM1 bagi setiap pembelian



'KFC Mix Bucket', manakala sumbangan yang dibuat melalui Tabung Add Hope akan diberi gandaan sepadan, atau '1 untuk 1'. Hasil dana terkumpul telah diagihkan kepada tiga organisasi; Akaun Amanah Khas Kementerian Kesihatan Malaysia, Persatuan Bulan Sabit Merah (Jawatankuasa Khidmat Masyarakat & Kesihatan Kebangsaan) serta MERCY Malaysia.

## BAHAGIAN MAKANAN &amp; RESTORAN

## PRESTASI DAN PENGIKTIRAFAN

KFC mencatatkan perolehan sebanyak RM2.6 bilion pada tahun 2020 - penurunan 6.85 peratus daripada RM2.8 bilion yang dicatatkan pada tahun 2019. Sebahagian besar penurunan ini berpunca daripada waktu operasi terhad dan penutupan sementara khidmat makan di premis yang merupakan antara langkah kerajaan untuk mengekang penularan wabak COVID-19. Kedua-dua faktor ini memberi impak ketara terhadap operasi restoran, terutamanya restoran yang sebelum ini beroperasi 24 jam dan selepas 10 malam.

Meskipun demikian, KFC terus mengekalkan keunggulannya sebagai jenama kegemaran rakyat Malaysia dengan kejayaannya merangkul Anugerah Putra Brand 2020 dalam kategori 'Restoran dan Makanan Segera' dengan membawa pulang Trofi Emas. Sementara itu, menerusi tinjauan penarafan yang dikendalikan YouGov Best Malaysia Brands 2020, KFC berada di tempat pertama bagi penambahbaikan jenama dengan peningkatan 12.3 mata berbanding tahun 2019, lantas menyenaraikan KFC sebagai salah satu daripada '10 Jenama Terbaik' di Malaysia dengan mengumpul 45.7 mata. Pemarkahan ini mengambil kira persepsi para pengguna secara keseluruhan, dan ia meliputi aspek kualiti, nilai, tanggapan, reputasi, kepuasan, dan sama ada pengguna akan mengesyorkan jenama tersebut kepada orang lain. Ini merupakan bukti bahawa KFC diyakini dan diiktiraf para pelanggan kerana kedua-dua pengiktirafan ini ditentukan sepenuhnya oleh mereka.

Memahami keperluan, gaya hidup, dan aspirasi para pelanggan adalah penting, KFC komited untuk terus mengukuhkan hubungannya dengan para pelanggan, dengan melabur terhadap kempen penjenamaan. KFC Malaysia melihat prospek positif pada tahun 2021 bersandarkan penawaran hidangan KFC yang lebih inovatif dan lazat.

Jumlah perolehan  
**RM2.6 bilion**  
pada 2020



**KFC Malaysia** rangkul Trofi Emas kategori  
**Restoran dan Makanan Segera**  
**Anugerah Putra Brand 2020**





## KFC SINGAPURA

Walaupun pelbagai dugaan diharungi pada tahun 2020, KFC Singapura berjaya meningkatkan penguasaan jenamanya daripada 20 peratus kepada 22 peratus untuk memantapkan posisinya di tangga kedua sebagai jenama makanan segera yang digemari di Singapura. Peralihan cepak dalam strategi penjenamaan yang sebelum ini tertumpu kepada produk dan promosi telah berpindah fokusnya kepada kesihatan dan kesejahteraan rakyat, sehingga berupaya membuahkan skor ekuiti positif daripada rakyat Singapura untuk menobatkan KFC sebagai 'Jenama Prihatin'

Pertumbuhan jualan pada tahun 2020 dilaporkan 2 peratus lebih tinggi daripada tahun 2019 iaitu sebanyak S\$180.4 juta - meningkat S\$3.5 juta berbanding tahun lalu. Peningkatan ini disebabkan melonjaknya jualan bawa pulang, penghantaran serta jualan yang dikendalikan oleh pengantara atau aggregator semasa fasa pertama pemutus rangkaian jangkitan (circuit breaker) COVID-19 di Singapura dari bulan April hingga bulan Jun 2020. Kaedah tersebut adalah lebih daripada mencukupi untuk menampung kerugian akibat penurunan jualan makan di premis. Secara keseluruhannya, keadaan ini telah menghasilkan pertumbuhan jualan positif sebanyak 1.3 peratus bagi restoran yang sama (SSSG) pada tahun 2020. Malah, tahun 2020 diakhiri dengan sejumlah 87 buah restoran KFC - pertambahan dua buah unit.

Sebahagian besar kejayaan KFC Singapura pada tahun 2020 adalah disebabkan tumpuannya dalam mengutamakan rakyat, memupuk kepercayaan melalui kebersihan dan keselamatan, strategi pemasaran mudah suai mengikut produk dan nilai, pemacuan jualan secara penghantaran, bawa pulang dan e-Dagang, selain menzahirkan tanggungjawab dan keprihatinannya terhadap komuniti.



## BAHAGIAN MAKANAN &amp; RESTORAN

MENGUTAMAKAN RAKYAT DAN MEMUPUK  
KEPERCAYAAN

Apabila COVID-19 melanda di Singapura pada Mac 2020, faktor kesihatan dan kebersihan menjadi isu utama. Oleh yang demikian, keutamaan diberikan terhadap keselamatan pekerja dan pelanggan berbanding jualan, dan langkah-langkah keselamatan segera dikuatkuasakan di seluruh restoran KFC, termasuklah perkhidmatan penghantaran. Komunikasi yang jelas berhubung langkah-langkah keselamatan segera dilaksana dan dipamerkan di premis restoran dan ruangan sosial untuk memberi jaminan kepada para pelanggan. KFC Singapura mempamerkan kepimpinannya dengan menjadi jenama makanan segera pertama di Singapura yang melaksanakan khidmat 'bawa pulang tanpa sentuh' dan bekerjasama rapat dengan agensi kerajaan dalam mematuhi garis panduan serta langkah-langkah keselamatan.

Ditunjungi pematuhan yang ketat terhadap keselamatan dan disemarakkan pula oleh komitmen, dedikasi, dan keberanian warga kerja KFC - terutamanya pekerja barisan hadapan, langkah-langkah tersebut telah membolehkan KFC Singapura beroperasi sepenuhnya sepanjang fasa pertama pemutus rantai jangkitan, iaitu sewaktu kesemua khidmat makan di premis ditutup. Situasi ini turut menyumbang kepada pencapaian jualan yang cemerlang dalam segmen penghantaran dan bawa pulang KFC. Sebagai penghargaan, bungkusan pek 'KFC Care' telah diagihkan secara peribadi oleh pihak pengurusan kepada seluruh warga kerja sepenuh masa restoran.

KFC turut menzahirkan penghargaan dan sokongan kepada petugas kesihatan barisan hadapan negara dengan mengagihkan lebih 3,000 hidangan KFC kepada Hospital Besar Singapura, Hospital Tan Tock Seng dan Hospital Raffles.

MEMACU SEGMENT PENGHANTARAN,  
BAWA PULANG DAN E-DAGANG

Apabila khidmat makan di premis ditutup dari bulan April hingga bulan Jun 2020 semasa fasa pertama pemutus rantai jangkitan, permintaan terhadap penghantaran makanan di Singapura melonjak dan meningkat berlipat kali ganda berbanding tahun-tahun lalu. Kebanyakan perniagaan serta jenama makanan dan minuman (F&B) yang sebelumnya tidak menawarkan penghantaran turut mengambil kesempatan menawarkan khidmat ini demi kelangsungan perniagaan mereka. Selaras dengan peningkatan permintaan, KFC Singapura menyaksikan pertumbuhan digit berganda untuk kedua-dua segmen penghantaran KFC dan pengantara jualan. Bagi memenuhi permintaan luar biasa ini, pasukan operasi KFC bertindak pantas membentuk kerjasama dengan syarikat teksi seperti SMRT dan Comfort Delgro untuk memberi peluang kepada pemandu teksi yang terjejas mata pencarian mereka akibat pandemik dengan melakukan kerja penghantaran. Pendekatan ini ibarat serampang dua mata kerana ia bukan sahaja membolehkan KFC menunaikan permintaan pelanggan, malah turut memberi peluang pekerjaan kepada pemandu teksi sewaktu menempuh tempoh pemutus rantai jangkitan yang ternyata amat sukar.

Perubahan pantas dalam corak penggunaan para pengguna yang beralih kepada penghantaran dan bawa pulang telah mendorong penggunaan kaedah membuat pesanan secara digital dan e-Bayaran. Pelancaran aplikasi 'KFC Omni Channel' pada tahun 2019 memberi kelebihan kepada KFC untuk menyampaikan mesej tentang kemudahan melakukan prapesanan dan memesan makanan merentasi semua saluran, sama ada makan di premis, bawa pulang dan penghantaran. Untuk meningkatkan pangkalan pengguna dan melonjakkan penggunaan aplikasinya, KFC menjinakkan diri dalam bidang gaming dengan memperkenalkan pertandingan 'Spin N Sure Win' pada bulan Ogos 2020. Memahami naluri masyarakat umum yang mahukan kegembiraan dan kemenangan, 'Spin N Sure Win' berjaya meningkatkan bilangan pendaftaran aplikasi sehingga mencecah 45,300 iaitu pertambahan penggunaan sebanyak 30 peratus. Bersandarkan trend dan inisiatif jenama, keseluruhan jualan digital KFC Singapura telah menyaksikan pertumbuhan luar biasa menjangkau 47 peratus pada tahun 2020 berbanding tahun 2019.



## STRATEGI NILAI DAN PRODUK

Pada tahun 2020, fokus terhadap promosi pengguna terarah kepada nilai dan membawa kembali tawaran yang digemari pada waktu terhad (LTO). Melibatkan adanya peralihan kepada hidangan makanan secara berkumpulan, KFC melancarkan penawaran menu yang menarik dengan harga yang berbaloi, yang merangkumi 'Hidangan S\$23.95 untuk 4', '10 ketul ayam untuk S\$18', 'Hidangan S\$19.90 untuk 4', dan 'Chicken Tuesday' untuk menggalakkan transaksi. Dari segi produk pula, LTO kegemaran seperti 'Chipotle Meltz', 'Mozarella Double Down', 'Hot Devil Drumlets', 'Cheesy Pockett' dan 'Grilled Chicken Leg' ditawarkan kembali untuk menggalakkan dan merangsang pembelian.

## MENEGUHKAN KEPRIHATINAN KFC

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk meneguhkan kewujudan KFC sebagai jenama yang prihatin, KFC Singapura memberi sokongan amal kepada HCA Hospice Care dalam acara 'Vertical Challenge 2020' pada bulan Disember 2020. 10 peserta termasuk pihak pengurusan telah mengambil bahagian dalam membantu meraih sumbangan berjumlah S\$9,030 sehingga membolehkan KFC menggondol 'Anugerah Kumpulan Korporat Kutipan Derma Terbaik' dan 'Anugerah Penyokong Terbaik'. Dalam menambah keceriaan komuniti dan membantu meringankan beban keluarga yang kurang bernasib baik ketika pandemik ini dan bersempena dengan Hari Natal, KFC bekerjasama dengan Rumah SunLove untuk mengagihkan lebih daripada 1,000 hidangan ayam kepada keluarga berpendapatan rendah pada bulan Julai 2020, dan pengagihan bekalan sekolah kepada lebih 80 buah keluarga yang berpendapatan rendah dan mempunyai anak-anak yang masih bersekolah.

Jumlah perolehan  
**S\$180.4 juta**  
pada 2020

**2%** lebih tinggi  
berbanding 2019



Biarpun diselubungi suasana suram, KFC Singapura tekad membawa keceriaan kepada peminat-peminat mereka. Bermula pada bulan April 2020, sejumlah 11 resipi KFC yang berbeza telah dilancarkan untuk membantu peminat-peminat KFC menjadi lebih kreatif dan mengelakkan kebosanan dalam penyediaan hidangan harian mereka. Pada 6 Julai 2020 sempena sambutan 'Hari Ayam Goreng Antarabangsa', KFC telah memperkenalkan buat julung-julung kalinya acara 'Makan Bersama Secara Maya 2020' yang menyaksikan 65,000 hidangan promosi terjual pada hari acara tersebut diadakan, dan seramai 1,000 peminat KFC berkumpul secara maya untuk makan dan melakukan aktiviti bersama-sama. Pada Disember 2020, KFC Singapura secara berseluruh telah mengemukakan petisyen untuk 'menyingkirkan ayam belanda' semasa Hari Natal yang mendapat sokongan lebih 3,000 peminat ayam sehingga mencetuskan kejayaan 'mengambil alih takhta'.

Tahun 2020 sememangnya tahun yang sukar bagi masyarakat di seluruh dunia. Akan tetapi, berteraskan iltizam dan kerjasama kukuh pasukan KFC Singapura, jenama KFC hadir lebih teguh, bukan sahaja dari segi jualan dan penguasaan jenama, bahkan juga dari sudut 'perkara penting yang bermain di minda', apabila pengaruhnya menganjak dari 14 peratus pada tahun 2019 kepada 16 peratus pada tahun 2020 – lantas mengukuhkan posisi jenama KFC Singapura di negara tersebut.



## BAHAGIAN MAKANAN &amp; RESTORAN

## KFC BRUNEI



Meskipun berhadapan cabaran pandemik, KFC Brunei mencatatkan perolehan sebanyak B\$13.83 juta pada tahun 2020, kenaikan sebanyak 1.4 peratus berbanding tahun 2019.

Penutupan restoran KFC di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei akibat penerbangan yang terhad dan penutupan makan di premis dari Mac hingga bulan Mei 2020 telah menyebabkan operasi KFC Brunei terganggu. Namun, gangguan ini telah mencipta peluang untuk segmen penghantaran makanan dan KFC Brunei menyaksikan peningkatan jualan dalam segmen ini. Beberapa inisiatif telah diambil untuk menampung kerugian akibat penutupan makan di premis termasuk penyertaan dua pengantara jualan baharu bagi meraih perolehan tambahan.

Kejayaan KFC Brunei dalam mengekalkan jualan juga boleh dikaitkan dengan arahan kerajaannya yang tidak membenarkan pergerakan ke luar negara bagi pemastautin Brunei seandainya ia tidak penting. Tindakan ini menyebabkan lebih ramai pengguna berbelanja dalam negara, justeru mengelakkan aliran keluar perbelanjaan ke negara jiran.

Usaha ini turut disokong oleh pelan perniagaan yang strategik menerusi penawaran beberapa promosi pemasaran seperti '2 snek untuk B\$9.90' serta '2 snek untuk B\$10.10' dalam tempoh waktu terhad.

Jumlah restoran kekal sebanyak 18 unit pada akhir tahun 2020 dan sebuah restoran baharu dijangka akan dibuka pada tahun 2021. Beberapa restoran juga telah dinaik taraf untuk menawarkan pengalaman makan di premis yang lebih hebat buat para pelanggan. KFC Brunei juga berhasrat mengukuhkan kehadiran dan penawaran digitalnya menggunakan aplikasi mudah alih untuk memacu peningkatan jualan pada suku pertama (S1) tahun 2021.



## KFC KEMBOJA



Ekonomi Kemboja terus mengalami tekanan akibat penularan pandemik COVID-19 dan ekonomi diunjur merosot 2 peratus pada tahun 2020. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Kemboja juga merosot buat pertama kali sepanjang dua dekad dan sebahagian besarnya adalah akibat penurunan dalam aktiviti pelancongan dan pertumbuhan yang lemah dalam industri hartanah. Malah, tahun 2020 turut menyaksikan kelembapan industri yang bergerak sekadar 6.5 peratus apabila berlakunya kemerosotan dalam pengeluaran pakaian untuk eksport di samping pertumbuhan yang lesu dalam industri pembinaan.

Namun, di sebalik dugaan ini, KFC Kemboja masih berjaya mencatatkan pertumbuhan 16.8 peratus dalam jumlah perolehan dengan hasil jualan sebanyak AS\$5.7 juta pada tahun 2020 berbanding tahun 2019.

Usaha untuk memacu perolehan dipusatkan kepada peningkatan jualan penghantaran melalui kerjasama dengan lebih banyak pengantara jualan. Pada tahun 2020, jualan penghantaran melonjak 314 peratus berbanding tahun 2019. Lonjakan dalam penghantaran ini boleh dikaitkan dengan peralihan dalam corak pembelian pengguna apabila kebanyakan aktiviti pembelian kini dilakukan dalam talian disebabkan oleh ancaman jangkitan COVID-19. Kekuatan kempen pemasaran KFC Kemboja menerusi pelancaran produk baharu turut mendorong pencapaian keuntungan. Demi meningkatkan kesedaran jenama dan menggalakkan jualan, KFC turut memanfaatkan jangkauan pemasaran pengengaruh atau influencer untuk menguatkan hubungan dengan para pelanggan.

KFC Kemboja mengakhiri tahun 2020 dengan 13 buah restoran yang menyaksikan pembukaan sebuah restoran baharu di Golden Bay (Prince Mall), Sihanoukville pada bulan Oktober 2020.



## BAHAGIAN MAKANAN & RESTORAN

### PIZZA HUT MALAYSIA



Tahun 2020 merupakan tahun Pizza Hut Malaysia beralih sebagai jenama 'penggantian makanan rumah' atau Home Meal Replacement (HMR) dengan memanfaatkan cabaran pandemik ini, justeru, mengangkat Pizza Hut Malaysia sebagai pakar perkhidmatan penghantaran makanan terkini. Tahun 2020 bermula positif dengan catatan 12 peratus pertumbuhan jualan bagi kedai yang sama (SSSG), manakala jumlah pertumbuhan kedai yang sama (SSTG) ialah 11 peratus.

Sewaktu negara dilanda pandemik COVID-19 pada bulan Mac, Pizza Hut Malaysia, pertama kalinya melalui saat paling sukar apabila kehilangan sepertiga daripada perniagaannya dalam sekelip mata, kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Susulan larangan makan di premis semasa tempoh PKP ini, lebih daripada 40 buah restoran terpaksa ditutup selama lebih dua setengah bulan dan operasi restoran terhad kepada khidmat penghantaran dan bawa pulang sahaja.

Peralihan daripada khidmat makan di premis kepada HMR serta pengadaptasian pantas kepada khidmat tanpa sentuh telah membantu mengurangkan kerugian akibat penutupan khidmat makan di premis pada peringkat awal fasa penyesuaian kepada norma baharu ini.

Berpaksikan keunggulan Pizza Hut Malaysia yang terus memandang ke hadapan, langkah untuk beralih secara agresif dilaksanakan demi menjamin kelangsungan perniagaan. Bahkan Pizza Hut Malaysia telah lama mengukuhkan transformasi digitalnya melalui e-Dagang dan khidmat penghantaran yang menjadi keutamaan, biarpun sebelum pandemik ini melanda.



Berikut adalah enam strategi yang telah dirangka, dirancang dan telah dilancarkan oleh Pizza Hut Malaysia bagi memantapkan usaha kesinambungan perniagaannya:

- **Perluasan liputan khidmat penghantaran**

Transformasi bermula dengan memperluaskan operasi khidmat penghantarannya melalui perluasan servis penghantaran dan menambah tenaga kerja. Untuk itu, Pizza Hut Malaysia telah mengambil lebih ramai pekerja penghantar makanan atau *rider* untuk sistemnya sendiri di samping bekerjasama dengan Foodpanda untuk khidmat penghantaran kepada para pelanggan. Selain itu, Pizza Hut Malaysia juga telah mengubah suai restoran tanpa khidmat penghantaran menjadi restoran yang menawarkan khidmat tersebut agar dapat meluaskan lagi liputan perkhidmatannya.

Pizza Hut Malaysia turut mengubah landskap perniagaan makanan dengan melancarkan khidmat pesanan melalui WhatsApp yang membolehkan pelanggan memesan dengan mudah dan selesa di saat pandemik masih melanda negara. Sistem pemesanan baharu ini sememangnya menyenangkan para pelanggan kerana mereka tidak perlu memuat turun sebarang aplikasi, sebaliknya hanya perlu memesan melalui WhatsApp dan pesanan akan terus dihantar sehingga ke depan pintu rumah mereka.

- **Memanfaatkan kerjasama dengan pengantara makanan untuk memperoleh pelanggan**

Pizza Hut Malaysia telah memanfaatkan perluasan perkhidmatan restoran melalui kerjasama dengan agregator atau pihak pengantara makanan lain, contohnya Foodpanda. Ia juga telah menambah pengantara makanan baharu, iaitu GrabFood supaya pangkalan pelanggannya juga diperluaskan.

Pizza Hut Malaysia turut mengukuhkan kerjasama dengan pelbagai pengantara makanan lain dan menggunakan sebaiknya kempen bulanan bagi memaksimumkan lagi kebolehlihatan jenama, di samping mendapatkan sokongan pembiayaan bersama bagi mendorong peningkatan jualan.

- **Membina kesesuaian jenama pada waktu pandemik**

Pizza Hut Malaysia turut terkesan dan merasa empati terhadap keadaan rakyat dan bersama-sama membantu mereka mengharungi situasi pandemik yang masih berterusan berpaksikan inisiatif yang mengetengahkan khidmat penghantaran tanpa sentuh dan kempen '#HappyKatRumah' serta 'Sampaikan Salam Syawal'.

Pelancaran khidmat penghantaran tanpa sentuh dan bawa pulang tanpa sentuh serta bayaran tanpa tunai membolehkan para pelanggan menikmati piza kegemaran mereka dengan mudah dan selesa, menerusi kaedah bebas sentuhan.

Pizza Hut Malaysia menggalakkan rakyat untuk terus menyambut perayaan keagamaan dengan menyambut bulan Ramadan dan Syawal secara selamat di samping merapatkan ikatan silaturrahim walaupun dalam persekitaran norma baharu. Pizza Hut mengambil pendekatan unik dengan meraikan kemeriahan Hari Raya pada waktu mencabar sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) menerusi kempen promosi 'Sampaikan Salam Syawal'. Mengambil keberkatan tradisi bermaaf-maafan dan menghulurkan salam, Pizza Hut Malaysia memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk terus menyampaikan salam melalui kiriman piza menggunakan kotak piza khas 'Sampaikan Salam Syawal'.

- **Memperkenalkan nilai berjenama HMR**

Dalam situasi yang sukar kini, dengan kadar pengangguran yang tinggi, pastinya para pelanggan mula berjimat cermat. Selari dengan peredaran ini, Pizza Hut Malaysia telah meningkatkan tahap komunikasi dan sokongan media dengan memperkenalkan nilai utama yang ditunjangi oleh HMR, iaitu promosi 'Double Box' (tawaran dua piza) dan WOW (tawaran bawa pulang) di samping tawaran nilai berjenama berdasarkan sesuatu sambutan dalam mewujudkan kekerapan.

## BAHAGIAN MAKANAN &amp; RESTORAN

- **Fokus kepada e-Dagang**

Pizza Hut Malaysia terus memperkemas pemasaran prestasi dengan perancangan media bagi menghasilkan pertumbuhan yang teguh agar memperoleh permintaan yang efisien melalui:

- o Peningkatan perbelanjaan
- o Penyasaran khalayak yang lebih tepat

Pizza Hut Malaysia juga ingin menambahkan lagi pengalaman para pelanggan kepada peralihan yang lebih tinggi melalui aplikasi dengan cara berikut:

- o Menambah baik reka bentuk antara muka pengguna (UI) serta pengalaman pengguna (UX).
- o Meneguhkan kaedah daftar keluar bersandarkan sistem pembayaran yang lebih baik dan andal.

Kesemua inisiatif ini merupakan langkah kesiapsiagaan perniagaan untuk tampil sebagai jenama HMR yang teguh.

- **Tawaran waktu terhad (LTO) piza yang ditunjangi kelaziman dan keperluan HMR**

Dalam waktu yang tidak menentu ini, bila mana rakyat Malaysia memilih untuk kekal di rumah, keinginan terhadap sesuatu yang lazim akan mengatasi kecenderungan untuk meneroka hidangan makanan baharu, dengan khidmat pesanan makanan dianggap sebagai kebiasaan untuk menikmati hidangan. Pelancaran LTO seperti piza 'Sweet & Sour Cheesy Bites' dan piza 'Cheesy Poppers' merupakan antara jenis piza yang digemari dan tidak asing serta sesuai dengan cita rasa pelanggan.

Selain itu, dalam terus mengamalkan penjarakan sosial, Pizza Hut Malaysia tetap ingin memberi kegembiraan melalui promosi akhir tahun 'Cheesy Poppers' dengan pengaktifan TikTok #pulldippop. Matlamat kami adalah untuk memudahkan rakyat Malaysia kekal gembira dan terhubung pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

## Pengadaptasian pantas kepada khidmat tanpa sentuh telah membantu mengurangkan kerugian akibat penutupan khidmat makan di premis, awal fasa PKP



## Ubah suai restoran untuk mempertingkatkan lagi liputan perkhidmatan penghantarannya



## PIZZA HUT SINGAPURA



Tahun 2020 hadir sebagai tahun yang luar biasa bagi Pizza Hut Singapura. Sistem transaksi telah mencecah S\$110 juta dengan pertumbuhan 18 peratus berbanding tahun 2019, sehingga berjaya melaporkan pencapaian melebihi S\$100 juta untuk julung kalinya. Tahun ini bermula dengan prestasi yang memberangsangkan semasa sambutan Tahun Baharu Cina apabila jualan pada bulan Januari hingga bulan Februari meningkat 8 peratus berbanding tahun sebelumnya. Pada bulan Mac, Pizza Hut Singapura telah menerapkan strategi promosi nilai baharu dengan 'Potongan 50 peratus' merentasi khidmat penghantaran dan bawa pulang yang disertai kenaikan harga. Ia berjaya meningkatkan jualan sebanyak 16 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya.

Pada bulan April hingga bulan Mei, ketika kerajaan Singapura melaksanakan langkah-langkah ketat pemutus rantaian jangkitan COVID-19 yang meliputi penutupan restoran, jumlah penjualan meningkat 46 peratus. Restoran kemudiannya telah dibenarkan beroperasi semula, tetapi dengan tempat duduk terhad. Namun, berlatarkan keadaan ekonomi yang kian merudum, urus niaga dan jualan kedai yang sama (SSSG) mula menurun dari bulan Oktober dan bulan-bulan seterusnya. Namun begitu, hasil pelaksanaan kenaikan harga yang berpatutan pada bulan Mac, SSSG mula menampakkan catatan positif berbanding tahun sebelumnya.

Pizza Hut Singapura mengagumi dan menghargai ketabahan yang ditunjukkan oleh seluruh warga kerja mereka di kesemua restoran, termasuk di Pusat Sokongan Restoran (RSC) dalam menangani dan mengharungi cabaran dan dugaan akibat pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia pada tahun 2020.

## BAHAGIAN MAKANAN &amp; RESTORAN

## Tugas warga kerja disusun semula dengan mengambil lebih ramai rider penghantaran serta menjalin kerjasama buat pertama kalinya dengan syarikat teksi dan pengantara tambahan.

Di sebalik semua ini, Bahagian Pembangunan dan Projek masih berupaya menyediakan pejabat baharu yang serba canggih di tengah-tengah tempoh sekatan keluar masuk atau *lockdown*. Namun tindakan ini sememangnya perlu kerana pajakan bagi premis lama telah tamat pada bulan Mei. Pada masa yang sama, Bahagian Sumber Manusia berhasil menguruskan 100 peratus peralihan mandatori untuk bekerja dari rumah walaupun tanpa sebarang persediaan sebelumnya; tidak seperti kebanyakan syarikat yang sekurang-kurangnya sudahpun mempunyai suatu kerangka dasar dan infrastruktur untuk bekerja dari rumah. Bahkan, mereka berjaya memindahkan warga kerja ke pejabat baharu dengan lancar tanpa sebarang masalah.

Sementara itu, Bahagian Operasi pula berjaya menangani penurunan mengejut jualan makanan bagi khidmat makan di premis yang diiringi pula dengan lonjakan permintaan khidmat penghantaran. Situasi ini dikendali dengan menyusun semula tugas warga kerjanya, mengambil lebih ramai rider penghantaran serta menjalin kerjasama buat pertama kalinya dengan syarikat teksi dan pengantara tambahan. Sehubungan dengan itu juga, Bahagian Pemasaran telah meningkatkan perbelanjaan sejajar dengan permintaan yang menyaksikan tumpuan terhadap usaha membina jenama serta menguar-uarkan platform pembelian nilai yang telah diolah. Malah mereka juga berjaya meneruskan inovasi makanan tanpa berpeluang melakukan banyak pengujian produk.

Bahagian Rantaian Bekalan pula berperanan memastikan produk dan pembungkusan sentiasa tersedia walaupun berhadapan masalah sekatan keluar masuk di beberapa buah negara tertentu yang menjadi sumber bekalan, selain wujudnya gangguan pengangkutan. Sementara itu, Bahagian Teknologi Maklumat (IT) berjaya mengendali peralihan ke pejabat baharu selain terus memastikan kesemua restoran serta RSC beroperasi dengan lancar meskipun dalam keadaan bekerja dari rumah.



Di Bahagian Kewangan dan Perancangan, tumpuan yang teliti terhadap kesejahteraan kewangan dan perniagaan diteruskan dengan memastikan hakisan untung dapat dikurangkan berdasarkan peningkatan sumbangan daripada perniagaan penghantaran yang kurang menguntungkan. Kerana tidak mengenal erti kalah, Pizza Hut Singapura berjaya menzahirkan keuntungan sebelum cukai (PBT) 4 kali ganda berbanding tahun sebelumnya, tanpa mempertimbangkan pemberian geran; namun jika diambil kira pemberian geran ia akan menjangkau lebih 20 kali ganda. Justeru, semua jabatan berganding bahu untuk memaksimumkan penggunaan geran daripada kerajaan Singapura dengan memanfaatkannya dalam bentuk rebat harga sewa, komisen kepada penunggang pihak ketiga, pembayaran pekerja dan sebagainya. Kesemua ini telah dilaksanakan dalam tempoh satu tahun, seiring dengan usul untuk melaksanakan pembekuan upah bagi memastikan tidak ada pekerja yang akan atau terpaksa diberhentikan akibat pandemik ini.

Pizza Hut Singapura juga terus menyumbang kepada masyarakat untuk membantu mereka menempuh waktu yang sukar ini. Dalam tempoh setahun, Pizza Hut Singapura telah menyumbang sebanyak 18,000 piza menerusi beberapa siri inisiatif CSR yang dituju khas kepada golongan isi rumah berpendapatan rendah, petugas kesihatan dan pekerja asing.



Menyaksikan segala yang telah berlaku, Pizza Hut Singapura percaya bahawa walaupun dalam situasi pandemik yang masih berlanjutan, ia berupaya mengharungi pelbagai cabaran dan muncul lebih kuat sebagai sebuah jenama hebat dan sebagai sebuah organisasi yang mampu bersaing dengan jayanya dalam salah satu pasaran makanan dan minuman (F&B) yang paling kompetitif di dunia.

## BAHAGIAN OPERASI HULUAN & BAHAGIAN OPERASI PERTENGAHAN QSR BRANDS

Bahagian Operasi Hulu (juga dikenali sebagai Upstream Business) dan Bahagian Operasi Pertengahan QSR Brands (juga dikenali sebagai Midstream Business) membentuk dua segmen pertama daripada keseluruhan rantai nilai 'dari ladang ke meja makan'. Pada akhir tahun kewangan 2020, Bahagian Operasi Hulu dan Bahagian Operasi Aliran Pertengahan QSR Brands melaporkan perolehan berjumlah RM1.51 bilion yang merupakan 1 peratus lebih rendah daripada tahun 2019, manakala perolehan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) turut merudum sebanyak RM24.9 juta, dengan penurunan sebanyak 42.9 peratus berbanding tahun 2019.

Bahagian Operasi Hulu QSR Brands terbahagi kepada dua operasi pelengkap, merangkumi:

- Operasi Penternakan Ayam Bersepadu – kilang makanan ternakan, ladang penternakan dan kilang pemrosesan
- Operasi Sampingan – pembuatan sos, bakeri dan dapur terpusat atau commissary dengan hampir 66 peratus daripada operasinya berfungsi sebagai pembekal kepada operasi restoran Bahagian Operasi Hiliran (juga dikenali sebagai Downstream Business)

Bahagian Operasi Pertengahan QSR Brands diterajui oleh operasi penjualan bagi produk yang dihasilkan secara dalaman, di samping menjalankan aktiviti dagangan yang meluas, meliputi pelbagai jenis produk berasaskan makanan bagi kedua-dua pasaran domestik dan antarabangsa.

## BAHAGIAN OPERASI HULUAN QSR BRANDS

### OPERASI PENTERNAKAN AYAM BERSEPADU

Sebanyak RM947 juta telah dijana oleh Operasi Penternakan Ayam Bersepadu pada tahun 2020, yang menyaksikan penurunan perolehan sebanyak 2.2 peratus lebih rendah berbanding tahun 2019, selain menyumbang kepada kadar EBITDA yang rendah melebihi 100 peratus berbanding tahun sebelumnya dengan jumlah RM18.4 juta.

**RM947 juta**  
telah dijana oleh Operasi  
Penternakan Ayam  
Bersepadu pada tahun 2020

**129,184**  
tan metrik

makanan ternakan dihasilkan  
pada 2020 dengan menggunakan  
**86%** kapasiti  
pengeluarannya



## BAHAGIAN MAKANAN & RESTORAN

### SYARIKAT: AYAMAS INTEGRATED POULTRY INDUSTRY SDN. BHD. (AIPI)

Berbekalkan kepakaran dan pengalaman sedia ada, AIPI telah mewujudkan suatu sistem penternakan ayam bersepadu secara menegak bagi menyokong rantai nilai 'dari ladang ke meja makan' yang diusahakan oleh Kumpulan melalui kilang makanan ternakan dan ladangnya yang terdiri daripada ladang penternakan, pusat penetasan, dan ladang ayam pedaging. AIPI memperlihatkan kemantapannya dalam menghasilkan bekalan ayam berkualiti tinggi untuk restoran-restoran operasi hiliran, dengan pilihan tambahan untuk membekalkan ayam kepada pasaran terbuka tempatan.

#### KILANG MAKANAN TERNAKAN

Terletak di Pelabuhan Klang, kilang makanan ternakan AIPI memperoleh bahan mentah yang sesuai untuk dijadikan makanan ayam di setiap peringkat ternakan – ladang ternakan, pusat penetasan, dan ladang ayam pedaging milik Kumpulan serta yang dikontrakkan. Operasi pemprosesan makanan ini mendapatkan bekalan minyak sawit tempatan dan ubat-ubatan haiwan serta bahan import seperti bijian berasaskan sayuran dan lain-lain bahan mentah berkualiti tinggi untuk memenuhi keperluan ladang milik Kumpulan dan ladang kontrak. Kilang makanan ternakan ini menggunakan 86 peratus daripada jumlah kapasiti pengeluarannya pada tahun 2020, dengan menghasilkan 129,184 tan metrik makanan ternakan.

Kedua-dua pendapatan dan EBITDA kilang makanan ternakan menyaksikan peningkatan yang ketara pada tahun 2020 dengan melaporkan pendapatan berjumlah RM216 juta (RM180 juta pada tahun 2019) serta kenaikan kepada RM28 juta (RM18 juta pada tahun 2019) dalam EBITDA, yang sebahagian besarnya disebabkan oleh kestabilan harga komoditi seperti makanan kacang soya dan minyak sawit mentah (MSM) pada tahun 2020.



#### LADANG TERNAKAN, PUSAT PENETASAN DAN LADANG AYAM PEDAGING

Sejumlah 50.6 juta telur tetas (HE) dihasilkan pada tahun 2020 oleh 64 rumah pembiakan yang beroperasi di bawah empat ladang ternakan dan terletak di Alor Gajah (Melaka), Bangi (Selangor), serta Linggi and Tampin (Negeri Sembilan). Peratus nisbah yang diguna pakai bagi mencapai piawaian saiz ayam yang ditetapkan oleh Bahagian Operasi Hiliran Kumpulan mencakupi 53 peratus baka ayam jenis Ross, 21 peratus Cobb dan 26 peratus AA+.

Sebanyak 39.6 juta anak ayam sehari (DOC) ditetaskan pada tahun ini dan ia mengguna pakai 88 peratus daripada jumlah kapasiti inkubator. DOC yang ditetas ini kemudiannya diedarkan ke ladang ayam pedaging milik Kumpulan yang terletak di Mantin dan juga ke 31 ladang kontrak di Kedah, Pahang, Selangor, dan Johor. Pada tahun 2020, 100 peratus jumlah kapasiti pengeluaran digunakan oleh ladang ayam pedaging (Mantin). Ayam pedaging yang mencapai sasaran berat badan yang ditetapkan akan dihantar ke pusat pemprosesan.

## SYARIKAT: AYAMAS FOOD CORPORATION SDN. BHD. (AFCSB)

AFCSB terdiri daripada tiga kilang pemprosesan iaitu Ayamans Port Klang (Selangor), AIPI Bukit Mertajam (Pulau Pinang) dan Ayamans Bandar Tenggara (Johor), yang menyediakan khidmat penyembelihan, pemprosesan utama dan pengeluaran produk ayam berdasarkan prosedur halal. Buat masa ini, jumlah kapasiti pengeluaran tahunan apabila digabungkan tiga pusat pemprosesan tersebut telah mencecah 48 juta ayam bagi setiap pusat pemprosesan (BTP). AFCSB memproses ayam yang diterima daripada AIPI dan memastikan kualitinya menepati kehendak restoran operasi hiliran dan juga mematuhi sepenuhnya syarat Yum! Brands, prosedur halal serta keselamatan makanan, berpaksikan harga yang kompetitif.

### PUSAT PEMROSESAN AYAM

Ketiga-tiga kilang dilengkapi fasiliti penyembelihan dan pengeluaran produk ayam halal berdasarkan tertib pemprosesan utama (PP) untuk menghasilkan potongan sembilan ketul ayam yang kemudiannya dibekalkan kepada semua restoran operasi hiliran KFC.

Pada tahun 2020, 21.3 juta BTP dihasilkan oleh Ayamans Port Klang menggunakan 92 peratus kapasiti pengeluaran, IPISB Bukit Mertajam pula mencatatkan 5.7 juta BTP bersandarkan 63 peratus kapasiti pengeluaran, manakala 11.4 juta BTP dihasilkan oleh Ayamans Bandar Tenggara menggunakan 71 peratus kapasiti pengeluaran.

Sebagai tambahan kepada fasiliti PP, Ayamans Port Klang turut dilengkapi tertib produk proses lanjutan (FPP) ayam seperti nuget, sosej, dan topping. Bagi tahun 2020, Ayamans Port Klang melaporkan jumlah pengeluaran produk nuget telah mencecah 9,883 tan metrik, produk sosej pula mencatatkan penghasilan 7,658 tan metrik manakala pengeluaran produk topping adalah sebanyak 3,593 tan metrik.

Pendapatan AFCSB pada tahun 2020 adalah sebanyak RM606 juta berbanding dengan RM673 juta pada tahun 2019, iaitu turun RM67 juta. Sehubungan itu, AFCSB turut mencatatkan aliran menurun dalam EBITDA dengan jumlah RM35 juta yang dilaporkan pada tahun 2020; penurunan berterusan sebanyak RM25 juta berbanding tahun 2019.





## BAHAGIAN MAKANAN &amp; RESTORAN

## BAHAGIAN OPERASI SAMPINGAN

Pada tahun 2020, Operasi Sampingan menampilkan penurunan dalam perolehan dan EBITDA apabila perolehan hanya mampu menjana RM202 juta, 9 peratus lebih rendah daripada tahun 2019 sementara EBITDA memberikan bacaan RM7.5 juta yang bermakna merosot 55.2 peratus berbanding tahun 2019.

## SYARIKAT: REGION FOOD INDUSTRIES SDN. BHD. (RFI)

RFI adalah antara peneraju utama dalam sektor pembuatan sos tulen yang berkualiti, selain menghasilkan cold dressing, campuran sup serta pes masakan. Rangkaian produk ini dieksport menembusi pasaran global termasuk United Kingdom, Perancis, Australia, New Zealand, Jepun, Mauritius, Maldives, Myanmar, Mongolia, Qatar, Emiriah Arab Bersatu, Brunei, Vietnam, Bangladesh dan Singapura. Sos jenama Life juga dibekalkan kepada restoran-restoran KFC dan Pizza Hut di Malaysia, Brunei dan Singapura.

## PEMBUATAN SOS

Pada tahun 2020, pusat pemrosesan RFI telah menghasilkan 25,632 tan metrik sos dan cold dressing menggunakan 63 peratus daripada jumlah kapasiti pengeluaran. Dari segi prestasi kewangan, RFI telah menjana perolehan berjumlah RM130 juta, dengan EBITDA sebanyak RM7 juta. Ini bermakna berlaku penurunan sebanyak 12 peratus dalam perolehan dan 46 peratus bagi EBITDA berbanding tahun 2019, yang sebahagian besarnya disebabkan pengurangan jualan antara syarikat, contohnya operasi restoran KFC dan Pizza Hut menyaksikan kejatuhan dalam permintaan pengguna, yang merupakan impak langsung daripada pandemik COVID-19.

## SYARIKAT: QSR MANUFACTURING SDN. BHD. (QSRM)

Terletak di Glenmarie, Shah Alam, QSRM merupakan pengeluar dan pembekal produk bakeri dan dapur terpusat atau commissary yang menghasilkan roti ban, doh piza mentah, coleslaw, sayur-sayuran segar serta produk tenusu untuk restoran-restoran KFC dan Pizza Hut.

## OPERASI BAKERI DAN DAPUR TERPUSAT

Pada tahun 2020, sebanyak 63 tan metrik produk bakeri dikeluarkan dengan jumlah kapasiti pengeluaran mencapai 41 peratus. Ini termasuk 55.7 juta roti ban yang menggunakan 40.6 peratus kapasiti pengeluaran, 4.4 juta unit doh piza mentah dengan 31.8 peratus jumlah kapasiti pengeluaran dan 1.7 juta unit produk lain termasuk pastri seperti karipap, muffin dan pai yang menyaksikan kapasiti pengeluaran mencecah 120 peratus.

Sementara itu, operasi dapur terpusat atau commissary QSRM berupaya menghasilkan 3.0 juta paket coleslaw bersandarkan 54.3 peratus kapasiti pengeluaran, 920 tan metrik sayur-sayuran segar menggunakan 72.0 peratus kapasiti pengeluaran dan 16.5 tan metrik produk tenusu pada 10.0 peratus kapasiti pengeluaran.

Pada tahun 2020, QSRM melaporkan hasil pendapatan yang sedikit rendah sebanyak RM72 juta berbanding RM75 juta pada tahun 2019 dan ia turut terbias dalam EBITDA QSRM dengan menjana RM0.1 juta pada tahun 2020, penurunan ketara dari RM3.0 juta pada tahun 2019.







## BAHAGIAN OPERASI PERTENGAHAN QSR BRANDS

PENJUALAN, PEMASARAN DAN PERDAGANGAN

SYARIKAT: QSR TRADING SDN. BHD. (QSRT)

QSRT merupakan sayap penjualan, pemasaran dan perdagangan QSR Brands. Selain memperdagangkan pelbagai produk halal QSR Brands, QSRT turut menjalankan aktiviti dagangan bagi jenama milik pihak luar yang diedarkan dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Antara jenama makanan di bawah QSR Brands merangkumi Ayamas, Ayamas Kitchen, Jodi, Life, Bakers' Street, Fatboi Noodles dan Lactima.

Terkini, sejumlah 70 peratus jualan tahunan adalah daripada produk sejuk beku jenama Ayamas, manakala baki 30 peratus jualan adalah hasil sumbangan produk yang tahan disimpan atau shelf-stable. Berikutan kejayaan Ayamas sebagai jenama tempatan yang popular, QSRT kini bercadang untuk mengembangkan jenama Ayamas Kitchen bagi mewujudkan saluran jualan baharu dengan menawarkan beraneka produk makanan 'sedia untuk dihidang' dan sumber bahan-bahannya diperolehi daripada luar Kumpulan.

Walaupun tahun 2020 merupakan tahun yang amat mencabar, QSRT berjaya mengekalkan kedudukannya dalam pelbagai saluran jualan dan pengembangan saluran baharu melalui rakan e-dagang seperti Potboy & Grabmart pada tahun 2020. Malah, QSRT turut meraih manfaat daripada PKP yang telah meningkatkan permintaan untuk FPP.

Pada tahun 2020, QSRT melaporkan perolehan yang tinggi mencecah RM360 juta berbanding RM334 juta yang terhasil pada tahun 2019. Begitu juga bagi EBITDA yang mencatatkan kenaikan sebanyak RM22 juta pada tahun 2020 berbanding RM20 juta yang diperolehi pada tahun 2019.

**RM202 juta**

telah dijana oleh Operasi  
Sampingan pada tahun 2020

**25,632  
tan metrik**

sos dan cold dressing  
telah dihasilkan oleh  
RFI menggunakan

**63%** daripada jumlah  
kapasiti pengeluaran



# BAHAGIAN HARTANAH & INFRASTRUKTUR



Bahagian Hartanah dan Infrastruktur (REID) telah ditubuhkan oleh Johor Corporation (JCorp) pada tahun 2020 berikutan pembentukan strategi untuk menumpukan aktiviti perniagaannya kepada empat perniagaan teras.

REID menyatukan lima anak syarikat JCorp yang mempunyai aktiviti berkaitan industri hartanah dan infrastruktur. Lima anak syarikat tersebut merangkumi Johor Land Berhad (JLand), TPM Technopark Sdn Bhd (TPM Technopark), Damansara Asset Sdn Bhd (DASB), Damansara REIT Managers Sdn Bhd (DRMSB) dan TLP Terminal Sdn Bhd (TLPT).

Penstrukturan semula ini bertujuan mengoptimumkan usaha pengaturan sumber, memperkemas aspek penawaran produk dan perkhidmatan, menyediakan penyelesaian yang lengkap bagi sektor hartanah, dan akhirnya, tampil sebagai sebuah kumpulan hartanah bersepadu yang berupaya menerajui industri hartanah negara dari segi pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang mampan serta lestari.

REID mengendali portfolio perniagaan hartanah yang pelbagai dan ia boleh dibahagikan kepada empat segmen, iaitu pembangunan hartanah (JLand & TPM Technopark), pengurusan hartanah (DASB), pengurusan dana pelaburan (DRMSB) dan infrastruktur (TLPT).

Sehingga kini, REID telah membangunkan sebanyak 34 kawasan perindustrian dengan keluasan menjangkau 6,587 hektar, membina lebih daripada 34,000 unit kediaman dan lot komersial, menyewakan ruang perniagaan dan pejabat seluas 445,000 meter persegi, mengurus dana pelaburan bagi 77 buah hospital dan hartanah berkaitan penjagaan kesihatan, termasuk bangunan perniagaan.

## CABARAN EKONOMI

2020 merupakan tahun yang mencabar dengan menyaksikan kedua-dua ekonomi global dan Malaysia masing-masing mengalami penguncupan sehingga 3.5 dan 5.6 peratus, berikutan ketidaktentuan yang tercetus daripada langkah pengekangan penyebaran COVID-19 yang diambil oleh negara-negara di serata dunia.

Walau bagaimanapun, prospek kelihatan lebih cerah menjelang akhir tahun 2020 apabila timbul tanda-tanda pemulihan ekonomi memasuki tahun 2021. Pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) global diunjur mencecah 5.6 peratus, manakala ekonomi Malaysia dijangka kembali mencapai pertumbuhan positif bersandarkan unjuran yang dibuat oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia bahawa ekonomi Malaysia akan berkembang pada kadar 7 peratus pada 2021.

Namun demikian, fasa pemulihan ini banyak bergantung kepada kelancaran pelaksanaan vaksinasi COVID-19 di Malaysia dan di seluruh dunia, sama ada ia berjalan seperti yang dirancang.

## PRESTASI SEGMENT

Syarikat di bawah REID turut terkesan daripada pengecutan ekonomi berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berserta tindakan sekatan perjalanan dan rentas sempadan yang dijalankan. Oleh kerana itu, pada tahun 2020, keuntungan gabungan REID ini, tidak termasuk Dana Pelaburan Harta Tanah (REIT), telah merudum 62 peratus kepada RM47.1 juta daripada RM125.1 juta pada tahun sebelumnya.

Daripada angka tersebut, sebahagian besar daripada keuntungan adalah daripada segmen pembangunan hartanah, khususnya segmen kediaman dan infrastruktur.

Segmen pembangunan hartanah juga terjejas, lantaran para pelabur dan pembeli mengambil pendekatan tunggu dan lihat terhadap pelaburan hartanah. Namun, subsegmen kediaman bahagian ini, terutamanya di negeri Johor, lebih bernasib baik kerana masih menghasilkan keuntungan walaupun prestasi keseluruhan industri hartanah adalah lemah dan situasi hartanah tidak terjual atau overhang berterusan di Malaysia. Sementara itu, subsegmen perindustrian pula mengekor rapat dengan mencatatkan tahap penjualan yang sederhana, akan tetapi langkah menutupi kejejasan telah meneutralkan keuntungannya.

Selain itu, segmen infrastruktur turut menyumbang kepada keuntungan REID. Pada separuh pertama tahun 2020, Terminal TLP menyaksikan pengurangan dalam pengendalian kargo dan hasil syarikat. Walau bagaimanapun, pada penghujung tempoh PKP, berlatarkan suasana pemulihan ekonomi, sebahagian besar sektor perniagaan kembali beroperasi dan ini telah merencanakan semula aktiviti di Terminal TLP.

Segmen pengurusan hartanah menerima tamparan terhebat akibat kekangan pandemik. Keadaan ekonomi yang hambar dan pengurangan permintaan dalam sektor peruncitan telah menyebabkan sebahagian besar penyewa ruang niaga mengalami kemerosotan dalam operasi perniagaan mereka. Kadar penyewaan ruang niaga secara keseluruhannya telah menurun daripada 78 peratus kepada 73 peratus disebabkan penamatan penyewaan pada tahun 2020.

Kemerosotan aktiviti perniagaan runcit serta kuasa beli pengguna turut mempengaruhi segmen pengurusan dana pelaburan. Kumpulan KPJ, sebagai pelabur utama dana Al-'Aqar Healthcare REIT, telah melaporkan penyusutan dalam aktiviti perniagaan kesihatan mereka. Ini disebabkan penurunan jumlah pesakit dan kadar penggunaan katil (BOR) harian yang lebih rendah. Pada masa yang sama, Al-Salām REIT turut melaporkan penurunan hasil dan pendapatan hartanah bersih daripada hartanah peruncitan.



## BAHAGIAN HARTANAH &amp; INFRASTRUKTUR

## DIGITAL

Kekangan pergerakan, penutupan sempadan dan larangan mengadakan perhimpunan besar-besaran telah mendorong syarikat di bawah REID untuk mengamalkan norma baharu dalam bekerja berpaksikan digitalisasi. Mesyuarat diadakan dalam talian kerana premis pejabat ditutup. Budaya kerja digital diterapkan di seluruh divisyen, dengan menyaksikan tempat kerja tidak lagi terbatas di pejabat dan para pekerja diberi akses kepada maklumat yang membolehkan mereka bekerja dari mana-mana sahaja.

Divisyen ini juga telah menukar rentak dan memantapkan inisiatif digitalisasi demi merencanakan aktiviti pemasarannya. REID telah menerima dan mengguna pakai realiti terimbuh (*augmented reality* - AR) dan realiti maya (*virtual reality* - VR) sebagai alat pemasaran alternatif untuk pelabur dan pembeli berpotensi sebagai kemudahan untuk meninjau hartanah menerusi galeri maya. Laman web korporat juga telah dikemas kini dengan modul yang lebih interaktif serta ditambah dengan kemudahan memilih penggunaan bahasa asing untuk menarik lebih ramai pelabur daripada luar negara. Divisyen ini juga telah mula menerokai penggunaan analisis data (*data analytics*) dan kecerdasan buatan (*artificial intelligence*) bagi memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang situasi pasaran, di samping membangunkan aplikasi teknologi hartanah yang berkaitan dengan aplikasi bandar pintar, kilang pintar serta pelabuhan pintar.

## PROSPEK

Pada bulan Oktober 2020, REID telah merumuskan strategi transformasi bagi tujuan menyusun semula REID untuk menjadi sebuah Kumpulan Pembangunan Hartanah yang bersepadu, demi memperkuat dan meningkatkan kecekapannya mencipta nilai dalam masa terdekat, serta mengekalkan pertumbuhan yang mapan.

Pengukuhan perniagaan teras REID akan didorong oleh teknologi dan pemanjangan rantaian nilai REID yang seterusnya akan meningkatkan asas pendapatan berulang melalui peluang-peluang perniagaan baharu.

Transformasi ini akan menjalin kerjasama yang lebih erat diantara syarikat REID, iaitu sesuatu yang diperlukan bagi memanfaatkan potensi dan kepelbagaian divisyen dan suatu elemen yang penting untuk mendorong penciptaan nilai, seperti melalui penawaran produk inovatif baharu, contohnya perkhidmatan Pengurusan Kitaran Hidup Aset, perkhidmatan Pengurusan Perbandaran & Taman Perindustriaan, dan juga melalui penerokaan sumber baharu pendapatan berulang melalui penyediaan jaringan fiber-optik (*fiberisation*) bandar-bandar, penjaan tenaga boleh diperbaharui, serta teknologi digital hartanah.

Di samping itu, syarikat-syarikat REID akan bersedia untuk melangkaui Johor, memperluas dan memasuki pasaran baharu di luar negeri Johor dan di persada antarabangsa, untuk menjadi syarikat-syarikat industri hartanah terkemuka.





## ALAM SEKITAR, SOSIAL & TADBIR URUS (ESG)

Syarikat-syarikat REID juga terkenal dengan dedikasi penuhnya dalam pembangunan lestari, yang hanya akan dicapai melalui penerapan program Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang strategik.

REID memberikan keutamaan kepada ESG dalam hasratnya mengetuai pembangunan lestari. Tanggungjawab sesuatu perniagaan tidaklah hanya terletak pada prestasi kewangannya. Khidmat kepada masyarakat, penghargaan terhadap alam sekitar, serta tadbir urus korporat yang mantap adalah asas kepada perniagaan lestari.

### ALAM SEKITAR

REID akan terus berusaha membangunkan taman perindustrian yang lestari dengan mengutamakan penggunaan teknologi hijau dan tenaga boleh diperbaharu. Penggunaan tenaga suria, pembinaan kemudahan utiliti berpusat, pengumpulan air hujan, dan ciri-ciri hijau yang lain akan diterapkan dalam pembangunan taman perindustrian dan pembinaan bangunan baharu. Di antara contoh inisiatif yang telah dijalankan adalah penjana tenaga solar di Pasaraya @mart Kempas. Inisiatif ini adalah suatu penyelesaian inovatif dalam pengurusan kemudahan secara cekap dan menjimatkan.

Contoh lain penerapan ciri mesra alam dalam pembinaan bangunan boleh dilihat di Menara JLand. Menara ini merupakan bangunan pejabat hijau Gred 'A' yang pertama dibina di Johor. Ciri-ciri hijau dan teknologi yang diguna pakai di Menara JLand meningkatkan kecekapan penggunaan sumber, sekali gus mengurangkan kesan negatif terhadap kesihatan dan alam sekitar.

Inisiatif hijau lain yang dirancang dalam pembangunan hartanah REID adalah pengurusan sisa, pertanian dalam bandar, serta penjana dan pengurusan tenaga boleh diperbaharu.

### SOSIAL

Sebagai pembina komuniti yang dibanggakan, syarikat-syarikat REID terus meningkatkan usaha tanggungjawab sosial dengan berkhidmat kepada masyarakat. Sebagai contoh, JLand menzahirkan iltizamnya terhadap tanggungjawab sosial melalui pembangunan 7,064 unit rumah kos rendah dan mampu milik untuk golongan dalam kategori pendapatan B40 di bandar mahupun di luar bandar. Pada tahun 2020, JLand telah menyiapkan dan menyerahkan 2,106 unit rumah mampu milik di Taman Seroja, Bandar Tiram 1, Bandar Dato' Onn dan Kg Dato' Ajib, Mersing.

JLand juga sedang meneroka usaha untuk membangunkan sebuah 'perkampungan keafiatan' (*wellness village*) di Neighbourhood 7, Bandar Dato' Onn, yang menjurus kepada pembentukan sebuah perbandaran yang menyihatkan dengan dilingkungi kesejahteraan dan keafiatan.

Pada masa yang sama, REID akan terus memberikan bantuan langsung dan segera kepada pihak yang memerlukan dan mereka yang terkesan akibat PKP, seperti rumah kebajikan, golongan asnaf dan warga emas. Melalui DASB, divisyen ini telah mengedarkan makanan kepada agensi kerajaan termasuk anggota bomba dan kakitangan hospital kerajaan sebagai tanda penghargaan kepada para petugas barisan hadapan.

### TADBIR URUS

Berpaut pada iltizam untuk melindungi syarikat serta kakitangan REID, dan demi menjamin kelangsungan perniagaan, REID ini akan terus memperkuat sistem tadbir urusnya melalui sistem Pengurusan Risiko Usaha Niaga (ERM), Pengurusan Kesenambungan Perniagaan dan rangka kerja dasar perolehan.



# LAPORAN DIVISYEN PELABURAN



## PENDAHULUAN

Berikutan pertukaran pucuk pimpinan Johor Corporation (JCorp) pada bulan Januari 2020, hala tuju strategik JCorp turut dirombak bersandarkan objektif utama transformasi JCorp untuk tampil sebagai sebuah entiti pemegang pelaburan yang memberi tumpuan kepada peningkatan nilai portfolio bisnes terasnya dalam empat sektor utama yang merangkumi Agribisnes, Kesejahteraan dan Kesihatan, Makanan dan Restoran serta Hartanah dan Infrastruktur.

Lanjutan daripada itu, Divisyen Pelaburan telah diwujudkan selari dengan matlamat JCorp 3.0 yang menghalakan fokusnya terhadap usaha meningkatkan nilai pelaburan portfolio JCorp melalui pelaksanaan strategi pelaburan yang optimum. Antara lain, Divisyen Pelaburan memainkan peranan utama seperti:

1. Memacu JCorp agar menjadi sebuah organisasi yang fokus kepada pertumbuhan prestasi.
2. Menguruskan portfolio yang dapat menjana pulangan pelaburan yang menguntungkan buat pemegang saham.
3. Menghasilkan portfolio yang ditunjangi oleh pelbagai syarikat pelaburan yang merupakan peneraju dalam industri masing-masing.

Antara instrumen utama yang diguna pakai oleh Divisyen Pelaburan dalam melaksanakan peranan di atas adalah dengan mengamalkan konsep Polisi dan Prosedur Pelaburan, Pemantauan dan Pengurusan Portfolio serta Rangka Kerja Pengawasan.

Menerusi Pelan Kemampanan Bisnes yang telah diluluskan oleh Ahli-Ahli Johor Corporation dalam mesyuaratnya yang ke-187 pada 22 Jun 2020, pelan transformasi JCorp yang mengandungi pelbagai langkah penstrukturan korporat yang drastik dan komprehensif telah diperkenalkan. Pelaksanaan pelan transformasi ini adalah penting bagi memastikan JCorp kembali ke landasan yang tepat dengan mengekalkan kedudukannya sebagai sebuah entiti yang relevan, terus berdaya saing dan berinovasi sehingga berupaya melunaskan peranannya sebagai instrumen pembangunan negeri berpaksikan fungsi bisnes dan pelaksanaan tanggungjawab korporat.


## PENETAPAN POLISI DAN PROSEDUR PELABURAN

Polisi Pelaburan dirangka untuk menutup jurang pelaburan dalam proses pengendalian pelaburan di JCorp serta menghasilkan kos dan struktur modal yang optimum .

Objektif Polisi Pelaburan adalah seperti berikut:

- 1) Menggariskan prinsip dan komitmen JCorp terhadap pelaburan yang bertanggungjawab.
- 2) Sebagai panduan untuk menjana pulangan kewangan yang mampan dalam jangka masa sederhana dan jangka masa panjang, tertakluk kepada lingkungan serta had toleransi risiko yang ditetapkan dan berlandaskan sistem tadbir urus korporat yang baik.

Sebagaimana yang telah diperincikan dalam polisi pelaburan, JCorp akan memainkan peranan sebagai pembina usaha niaga atau *venture builder* dalam pelaburan jangka masa terdekat sehingga tahun 2024 dan lanjutan daripada itu, berfungsi sebagai pembina usaha niaga dan pengurus dana untuk jangka masa panjang.




Polisi Pelaburan dirangka untuk menjamin wujudnya pengawasan pelaburan yang aktif dan berkesan demi peningkatan kualiti dan pulangan pelaburan,berpaksikan empat pendekatan berikut:

- Menggariskan panduan pelaburan dan piawaian yang ditetapkan.
- Memantau dan menganalisis prestasi pelaburan.
- Memastikan pelaburan JCorp kekal relevan dan signifikan.
- Memantapkan pengurusan portfolio JCorp.

Terdapat dua kategori pelaburan di JCorp iaitu komersial dan pemangkin. Sebarang keputusan pelaburan berkenaan kedua-dua kategori ini akan dibuat dengan mengambil kira faktor alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).


Selain itu, strategi pelaburan JCorp juga bukan sekadar mensasarkan pulangan dalam bentuk kewangan tetapi ia juga harus turut memberi impak terhadap persekitaran dan dilakukan secara beretika dengan mencerminkan kebertanggungjawaban sosial.

## LAPORAN DIVISIYEN PELABURAN



Polisi Pelaburan akan dijadikan buku panduan dalam penetapan kadar rintangan, jangka masa pelaburan dan kadar sasaran yang diperlukan pelabur mengikut kategori pelaburan dan industri serta polisi dividen.

## PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN PORTFOLIO



Selaras dengan Polisi Pelaburan JCorp, suatu matriks portfolio telah dirangka bagi mengenal pasti kedudukan syarikat pelaburan JCorp berdasarkan dua paksi, iaitu sama ada keuntungan pelaburan dinilai sejajar dengan kadar perkembangan ekonomi semasa atau keadaan pasaran.

Kaedah pengurusan dan pemantauan prestasi syarikat-syarikat pelaburan dibuat berdasarkan kedudukan mereka dalam matriks portfolio JCorp.

Mekanisme pemantauan secara berkala akan dipraktikkan oleh JCorp bagi memastikan pihak pengurusannya berupaya menerima maklum balas secara efektif dan mengambil tindakan penguatkuasaan dan penambahbaikan yang sewajarnya sekiranya perlu.



## RANGKA KERJA PENGAWASAN

Rangka Kerja Pengawasan JCorp diperkenalkan bagi mencapai nilai jangka panjang dalam semua bentuk pelaburan yang diceburi oleh JCorp, berpaksikan penekanan terhadap kebertanggungjawaban korporat yang diperlihatkan melalui penetapan sasaran pelaburan dan pembentukan rangka pengawasan yang mampan buat setiap syarikat pelaburan.

Buku Panduan Rangka Kerja Pengawasan JCorp akan dijadikan dokumen rujukan oleh pengarah nomini bagi memahami aspirasi pelaburan JCorp serta sokongan dari segi struktur pengurusan yang diberi kepada pengarah nomini demi mencapai matlamat JCorp untuk menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi sejajar dengan misi JCorp iaitu *Membina & Membela*.

Rangka Kerja Pengawasan JCorp dibahagikan kepada empat komponen utama untuk mendorong pencapaian nilai jangka panjang pemegang saham tanpa mengeneipkan kepentingan pihak berkepentingan yang lain.

### 1. Tadbir Urus

Mempraktikkan pelbagai amalan terbaik demi menjamin keberkesanan fungsi dan meningkatkan kecemerlangan tadbir urus Lembaga.

### 2. Peruntukan Modal

Peruntukan modal yang mampan berserta pengoptimuman pulangan, namun pada kadar risiko yang semimum mungkin.

### 3. Kemampanan Organisasi

Pemacuan ke arah sebuah organisasi berprestasi tinggi melalui pemantauan dan pengurusan prestasi.

### 4. Perhubungan Strategik yang Meningkatkan Nilai Tambah Organisasi

Memanfaatkan hubungan strategik untuk kepentingan organisasi.



RANGKA KERJA  
PENGAWASAN



**Memacu Penciptaan  
Nilai Lestari**

## LAPORAN DIVISIYEN PELABURAN

## PENSTRUKTURAN SEMULA KORPORAT

Berlatarkan persekitaran makro serta bisnes yang sangat mencabar dan ditambah pula dengan keadaan pandemik COVID-19 yang sedang melanda seluruh dunia, perubahan drastik serta langkah penstrukturan semula yang komprehensif perlu dilaksanakan bagi memastikan kesinambungan JCorp dalam menghadapi realiti dan gangguan bisnes. Justeru, JCorp telah menyusun beberapa langkah yang menjurus kepada cara kerja pada masa hadapan, selain menerapkan norma baharu untuk terus kekal relevan sebagai sebuah institusi strategik negeri Johor, di samping terus berkemampuan memainkan peranannya secara berkesan.

Penstrukturan semula korporat yang dirangka merangkumi penyusunan semula struktur pegangan pelaburan dalam syarikat dan pemilikan aset. Ia terbahagi kepada beberapa kategori sebagaimana berikut:

### 1. Penyusunan semula struktur syarikat

Antara penyusunan semula yang utama adalah di peringkat Divisyen Hartanah dan Infrastruktur kerana terdapat beberapa pecahan sepanjang rantai nilai dalam struktur sedia ada yang melibatkan pelbagai anak syarikat. Ini secara tidak langsung telah menyebabkan berlakunya pertindihan fungsi dan ketidakcekapan. Oleh demikian, terdapat keperluan untuk menyusun semula dan memperkemas entiti-entiti tersebut mengikut fungsi mereka masing-masing agar berupaya menyumbang kepada konsep pengurusan kitaran hayat aset yang bersepadu, dan seterusnya mencapai kecekapan operasi berteraskan ekonomi skala.

### 2. Penyusunan semula pemilikan aset di peringkat entiti JCorp kepada syarikat pelaburan yang berkaitan

Seiring dengan transformasi JCorp untuk menjadi sebuah entiti pemegang pelaburan, JCorp telah mengenal pasti aset-aset yang perlu diletakkan di bawah syarikat pelaburan yang berkaitan. Ini bagi membolehkan syarikat pelaburan yang berkaitan mengawal sepenuhnya aset dan operasi bisnes tersebut.

JCorp telah memulakan sewaan aset perladangannya kepada Kulim (Malaysia) Berhad (Kulim) bermula dari Julai 2020, sekali gus mempertingkatkan profil aset perladangan Kulim dalam usahanya untuk menjadi peneraju dalam industri kelapa sawit di Johor. Seterusnya, JCorp juga sedang dalam proses menyusun aset pelabuhannya di bawah TLP Terminal Sdn Bhd (TLP Terminal) sebagai pemegang lesen operasi pelabuhan di Pelabuhan Tanjung Langsat. Usaha ini disasar akan disempurnakan menjelang pertengahan tahun 2021.

### 3. Penutupan dan/atau pelupusan syarikat yang kurang berprestasi atau bukan teras

Beberapa syarikat dan bisnes yang telah dikenal pasti sebagai kurang berprestasi atau bukan teras seperti bisnes digital (Classruum Technologies Sdn Bhd, N2W Corporation Sdn Bhd dan Virtualflex Sdn Bhd), bisnes perhotelan (Puteri Hotels Sdn Bhd dan Hotel Selesa Pasir Gudang), bisnes intrapreneur (Kumpulan Rajaudang, Timeless Commitment Sdn Bhd dan Syarikat Pengangkutan Maju Berhad) telah dan sedang dalam proses pelupusan dan/atau penutupan bagi mengekang risiko kerugian yang lebih besar dalam jangka masa panjang. Di peringkat syarikat pelaburan, Kulim turut mengenal pasti aset dan bisnes bukan teras dan bukan strategik yang perlu dilupuskan seperti aset dan bisnes berkaitan minyak dan gas serta perladangan di Indonesia bagi memberi penumpuan terhadap bidang kecekapan terasnya iaitu agribisnes.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa faktor di luar jangkaan dan kawalan yang mempengaruhi perkembangan proses pelupusan dan/atau penutupan syarikat-syarikat tersebut seperti pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang belum pulih sepenuhnya sehingga kini, dan juga proses tawaran dengan para pembeli berpotensi yang mengambil masa yang lebih lama daripada yang dijadualkan.

#### 4. Pengewangan pelaburan strategik

Selain itu, JCorp dan Kumpulan juga telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan pengewangan pelaburan strategik yang bertujuan membantu kedudukan aliran tunai JCorp dan Kumpulan dalam jangka masa panjang, dengan sasaran matlamat tersebut dapat disempurnakan dalam tempoh masa sederhana iaitu sekitar tahun 2023-2024. Pengewangan pelaburan strategik ini melibatkan syarikat atau bisnes hartanah dan pengurusan kemudahan bersepadu (IFM), bisnes restoran dan makanan serta agribisnes.

### SESI WACANA HARMONI (RETREAT) BERSAMA AHLI-AHLI JOHOR CORPORATION

JCorp buat pertama kalinya telah mengadakan sesi wacana harmoni pada 27 - 28 September 2020 di Westin Hotel, Desaru, Johor. Berdasarkan tema '*Reinventing JCorp for Sustainable Success*', wacana harmoni ini merupakan wadah yang ideal bagi Ahli-ahli Johor Corporation, anggota pengurusan tertinggi JCorp berserta para wakil pengurusan tertinggi daripada empat bisnes teras dalam Kumpulan untuk bersama-sama membincang dan melontarkan idea dalam menentukan hala tuju strategik Kumpulan JCorp.

Objektif sesi wacana harmoni ini diadakan adalah untuk mengesahkan tujuan dan visi JCorp. Malah peluang ini turut dimanfaatkan sebaiknya bagi membincangkan cara bagaimana membina daya tahan JCorp agar kekal relevan dan dapat berkembang secara mampan dengan membina masa depan yang teguh, selain menentukan peranan dan transformasi JCorp pada masa akan datang.

Selain itu, antara perkara utama yang turut dibincangkan semasa berlangsungnya sesi wacana harmoni ini yang memerlukan tindakan menyeluruh adalah isu yang berkait dengan strategi dan inisiatif bagi membina daya tahan dan ketangkasan JCorp dari segi menerima pakai dan menerapkan transformasi digital serta pengurusan yang tangkas, pengurusan pelaburan dan tadbir urus, reka bentuk semula organisasi serta kestabilan kewangan. Semua ini menjadi tunjang kepada penyediaan Pelan Strategik Lima Tahun Kumpulan JCorp bagi tempoh 2021-2025.

### PROSPEK

Divisyen Pelaburan akan terus menjadi tulang belakang JCorp dalam melaksanakan fungsi bisnesnya sebagai sebuah entiti pemegang pelaburan dengan sasaran untuk menambah baik nilai portfolio pelaburannya dari tahun ke tahun dan meraih pulangan jangka panjang yang mampan melalui pelaksanaan strategi pelaburan yang komprehensif dan optimum. Ini bagi memastikan JCorp terus memainkan peranan utama dalam mendukung pembangunan ekonomi negeri Johor, memberi pulangan yang berpatutan kepada kerajaan negeri dan seterusnya menyampaikan manfaatnya yang terkandung dalam agenda keterangkuman sosial secara lebih berstruktur dan efektif.

Bersandarkan konsep jumlah pulangan pemegang saham (TSR), JCorp mengunjurkan kepada kerajaan negeri TSR pada kadar 135 peratus dalam bentuk dividen dan peningkatan aset bersih JCorp pada tahun 2025 berbanding kedudukannya pada tahun 2020.

# LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KUMPULAN

## SESI *TOWNHALL* BERSAMA PRESIDEN DAN KETUA EKSEKUTIF JOHOR CORPORATION

Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan bertanggungjawab mengadakan sesi *Townhall* anggota pekerja bersama Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation pada 2 Februari 2020. Sesi *Townhall* ini turut menjadi sejarah apabila anggota pekerja diperkenalkan dengan barisan Pengurusan Atasan yang baharu. Sesi *Townhall* ini juga menjadi platform untuk menyampaikan segala hala tuju syarikat.

## TAKLIMAT BERKENAAN SUMBER MANUSIA

Bagi mengukuhkan aspek modal insan yang dilihat penting kepada Johor Corporation dan anggota pekerja, Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan melalui Jabatan Pengurusan Sumber Manusia – Operasi menjalankan pelbagai taklimat kepada anggota pekerja secara dalam talian menerusi “webinar”. Antara taklimat yang telah dijalankan adalah berkaitan :

- Human Capital Management System (HCMS) V2
- Taklimat Inisiatif Penjimatan Kos Pengurangan Sumber Manusia
- Sembang Santai - Program di antara Pengurus Besar, Pengurusan Sumber Manusia Kumpulan bersama anggota pekerja Johor Corporation.
  - Program diadakan sebanyak 4 sesi melibatkan 64 orang anggota pekerja. Topik yang dibincangkan meliputi Hala Tuju JCorp 3.0, Komunikasi, *Rightsizing*, Peralihan Kerjaya, serta Pensijilan Profesional dan Pengurusan Prestasi anggota pekerja.

## PENGURUSAN PRESTASI & BENGKEL ULANGKAJI KPI BAGI TAHUN 2020

Johor Corporation telah melaksanakan proses penilaian prestasi secara dalam talian melalui *Human Capital Management System* (HCMS). HCMS dilihat sebagai satu medium strategik untuk menyelaraskan penyampaian petunjuk prestasi utama (KPI) dengan lebih jelas di semua peringkat pengurusan dan pelaksanaan sekali gus dapat menterjemahkan pelan strategi tentang tindakan yang boleh dikendalikan dengan sewajarnya.

Johor Corporation secara amnya turut terkesan dengan pandemik COVID-19 yang mula melanda dunia pada penghujung tahun 2019. Berikutan itu, Johor Corporation di bawah pengaturan baharu telah menetapkan bahawa semua anggota pekerja hanya melengkapkan KPI individu bagi tahun 2020. Penetapan KPI ini perlu menyasarkan secara khusus mengenai proses kerja dalaman yang terlibat, sama ada di peringkat jabatan ataupun unit masing-masing.



Gambar fail / Januari 2020





Dalam menghadapi masa-masa yang mencabar ini, terutama dalam situasi sumber daya yang terhad, Unit Strategik HRM dengan kerjasama Unit Akademi telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan Bengkel Ulang Kaji KPI secara dalam talian bagi semua anggota pekerja Johor Corporation melalui beberapa sesi yang telah dijadualkan bermula pada 23 April 2020 sehingga 1 Mei 2020. Objektif utama penganjuran bengkel adalah seperti berikut:

1. Untuk memastikan keselarasan objektif strategik di semua peringkat
2. Untuk memahami konsep KPI
3. Untuk membina KPI yang lebih bermakna dan berciri *'outcome-driven'*

Bengkel ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada semua anggota pekerja Johor Corporation. Sebanyak 32 sesi bengkel telah dikendalikan bersama oleh anggota pekerja di Unit Strategik HRM di mana mereka juga merupakan individu yang diperakui sebagai *'Key Performance Indicator (KPI) & Balanced Scorecard (BSC) certified'*.

Sesi yang mengambil masa selama satu jam ini merangkumi penyampaian konsep dan garis panduan untuk membina KPI. Anggota pekerja juga diberikan simulasi dan contoh sebenar KPI untuk dibincangkan bersama. Sesi interaktif ini telah memberi pendedahan yang lebih jelas serta pemahaman yang lebih mendalam dalam kalangan anggota pekerja. Hasil daripada ujian sebelum dan selepas yang dijalankan kepada semua anggota pekerja yang menyertai bengkel ini, mereka secara keseluruhannya amat berpuas hati dengan perjalanan dan isi kandungan yang diperolehi daripada bengkel ini.

## LAPORAN BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA KUMPULAN

## PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pembangunan modal insan adalah asas penting bagi kelangsungan sesebuah organisasi. Justeru itu, sebagai organisasi yang bermatlamat untuk melahirkan modal insan yang berjaya dalam aspek kepimpinan dan sahsiah diri, Johor Corporation (JCorp) melalui Jabatan Pembangunan Sumber Manusia – Akademi dan Jabatan Pembangunan Sumber Manusia – Pendidikan telah melancarkan beberapa program yang berkaitan sehingga tahun 2020.

No.	Inisiatif	Butiran Program	Status sehingga Disember 2020
1	LMDF (Group Leadership & Management Framework)	Rangka LMDF yang dibangunkan bermula Disember 2016 merupakan konsep pembentukan seorang ketua sepanjang proses pembangunan pekerja di setiap peringkat dan jawatan.	Program di bawah konsep LMDF dilaksanakan di bawah program JESP, JCAP, BMP, STP, JLP, AJLP dan ESLDP.
2	JCorp Chartered Accountancy Programme (JCAP)	Program JCAP merupakan program bagi menjana tenaga kerja profesional dalam bidang perakaunan bagi mereka yang telah melaksanakan latihan di firma audit. Antara persijilan perakaunan adalah seperti berikut: ICAEW, Australia MICPA.	24 pelatih telah menamatkan latihan sejak 2018 sehingga 2020. Pelatih telah ditempatkan di Jabatan Kewangan, Perakaunan dan Percukaian di bawah Kumpulan JCorp.
3	JCorp Education Sponsorship Programme (JESP)	JESP merupakan inisiatif strategik pembangunan modal insan bagi menghasilkan tenaga kerja yang mampu mewujudkan pelan kesinambungan perniagaan di JCorp sebagai konglomerat yang aktif dan berdaya saing.	Seramai 68 graduan dilahirkan melalui program ini semenjak dilancarkan pada 2015 sehingga 2020 dalam pelbagai bidang kritikal yang diperlukan oleh JCorp. Seramai 16 graduan telah menamatkan pengajian dan berkhidmat di bawah Kumpulan JCorp pada tahun 2020.
4	Group Management Associate Programme (GMAP)	GMAP merupakan salah satu inisiatif bagi membina kelompok bakat bagi peringkat pengurusan dengan pengambilan pelajar lepasan ijazah yang berkelulusan cemerlang dalam bidang-bidang berkaitan untuk digilap dan diberikan pendedahan yang menyeluruh selama 24 bulan penempatan di JCorp dan syarikat Kumpulan bagi membina barisan pengurusan muda yang bakal menerajui syarikat.	Seramai 5 pelatih telah menyertai semenjak tahun 2019. Program ini memerlukan pelatih menjalani 4 'job rotation' di jabatan yang berlainan. Pada Ogos 2020 pelatih sudah memulakan 'job rotation' terakhir mereka di JCorp dan syarikat Kumpulan.

No.	Inisiatif	Butiran Program	Status sehingga Disember 2020
5	Johor Corporation Leadership Programme (JLP)	JLP merupakan program pembangunan modal insan yang memberi fokus kepada pemikiran kritikal di peringkat pengurusan pertengahan dan berlangsung selama 18 bulan.	Kohort 4 : Seramai 26 peserta yang terdiri daripada Timbalan Pengurus hingga Pengurus Kanan di JCorp dan syarikat Kumpulan telah menyertai program ini.
6	Advanced Johor Corporation Leadership Programme (AdvJLP)	AdvJLP merupakan program pembangunan modal insan yang memberi fokus kepada pemikiran kepimpinan di peringkat pengurusan atasan dan berlangsung selama 15 bulan.	Kohort 2 : Sejumlah 20 peserta yang terdiri daripada Timbalan Pengurus Besar & Pengurus Besar di JCorp dan syarikat Kumpulan telah menyertainya.
7	JCorp E-Learning	Program yang diolah dan dijalankan secara dalam talian. (Skype, ZOOM, MS Teams). Antara program-program yang dijalankan termasuklah 7 Habits of Highly Effective People, Digital Organisation: Are You Ready?, SpeakEasy, The VodCast, Growth Mindset serta lain-lain.	Sebanyak 10 siri JCorp E-Learning telah dijalankan sepanjang tahun 2020 dengan pelaksanaan 54 program dan melibatkan 3,387 penyertaan yang terdiri daripada anggota pekerja JCorp dan syarikat Kumpulan.

## DNA JCORP 3.0

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia seawal penghujung 2019 telah menjadikan tahun 2020 sebagai tahun yang sangat mencabar buat semua, termasuk JCorp. Sebilangan besar sektor bisnes dalam Kumpulan telah terjejas, sekali gus mendorong organisasi untuk menjalankan program transformasi secara menyeluruh untuk kekal relevan.

Era norma baharu JCorp 3.0 memerlukan setiap anggota pekerja untuk berubah dalam pelbagai aspek demi mencorak JCorp baharu yang tangkas (*Agile*), cekap membuat penyesuaian (*Adaptable*) dan berdaya tahan (*Resilient*) seiring dengan pemulihan ekonomi bagi JCorp. Perubahan ini termasuk anjakan budaya, sikap, serta nilai-nilai organisasi yang bersesuaian dengan keperluan semasa.

Sehubungan itu, JCorp telah menggariskan empat (4) nilai teras yang harus dihayati dan diamalkan oleh setiap anggota pekerja iaitu Kecemerlangan (*Excellence*), Hormat (*Respect*), Kerjasama Berpasukan (*Teamwork*) dan Integriti (*Integrity*).

# LAPORAN WAQAF AN-NUR CORPORATION BERHAD



Waqaf An-Nur merupakan sebuah syarikat berhad dengan jaminan tanpa syer yang diinisiatifkan penubuhannya oleh Johor Corporation (JCorp).

Penubuhannya bertujuan menguruskan aset dan saham syarikat dalam kumpulan JCorp yang diwakafkan oleh JCorp. Oleh itu, Waqaf An-Nur berperanan sebagai Mauquf 'Alaihi bagi saham dan lain-lain bentuk sekuriti syarikat perniagaan tersebut.

Tahun 2020 merupakan tahun bermakna bagi Waqaf An-Nur apabila institusi wakaf ini menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-20 pada 25 Oktober 2020. 'Dua Dekad Bermakna, Dua Dekad Membela' dipilih sebagai tema sambutan memandangkan ia begitu sinonim dengan pencapaian dan segala usaha yang telah dilaksanakannya demi membantu golongan yang memerlukan.



## WAQAF AN-NUR 2.0

Seiring usia penubuhannya selama 20 tahun, Waqaf An-Nur terus bergerak ke hadapan sebagai sebuah institusi yang semakin kukuh. Pertukaran logo baharu adalah simbolik kepada kematangan Waqaf An-Nur dalam bidang pengurusan wakaf.

Inovasi baharu dalam pewakafan terus menjadi aspirasi Waqaf An-Nur untuk menarik lebih ramai masyarakat melazimi ibadah wakaf dan seterusnya menambah nilai aset wakaf sedia ada.

Pengenalan inisiatif baharu melalui program Hibab Lil-Waqaf, Infaq Warisan, Pusara An-Nur dan yang terkini, PMB An-Nur Income Fund memperlihatkan kemampuan Waqaf An-Nur dalam mempelbagaikan konsep wakaf dan infak, seiring dengan perkembangan semasa.



## ANUGERAH INSTITUSI MIKROKEWANGAN ISLAM TERBAIK

Waqaf An-Nur terus melakar sejarah tatkala dinobatkan sebagai penerima Best Islamic Microfinance Institution Award (Anugerah Institusi Mikrokeuangan Islam Terbaik) bersempena majlis Anugerah Kewangan Islam Global (GIFA) 2020 yang berlangsung di Islamabad, Pakistan pada 14 September 2020.

Kemenangan ini merupakan pengiktirafan tertinggi terhadap usaha Waqaf An-Nur dalam menyediakan perkhidmatan mikro kredit bagi membantu usahawan kecil serta golongan sasaran yang memerlukan.

Anugerah ini diterima hasil daripada pencalonan aktiviti pembangunan ekonomi yang diperkenalkan, antaranya pembiayaan mikro kredit Dana Niaga, Dana Mutawwif dan mikro kredit AL-Rahnu di bawah syarikat Maruah Emas Sdn Bhd.



LAPORAN WAQAF AN-NUR CORPORATION BERHAD



**PMB AN-NUR-WAQF INCOME FUND PUSARA AN-NUR**

PMB An-Nur Waqf Income Fund yang merupakan dana ke-17 PMB Investment Berhad (PMB Investment) membuka peluang kepada para pelabur melakukan amal jariah sambil memperoleh keuntungan daripada pelaburan yang dibuat. Projek kerjasama Waqaf An-Nur dan PMB Investment telah dilancarkan pada 18 Mac 2021.

Menerusi inisiatif ini, orang ramai secara tidak langsung akan berwakaf dengan Waqaf An-Nur apabila dividen yang diterima daripada hasil pelaburan bukan sahaja memberi pulangan kepada pelanggan, malah dividen tersebut turut diwakafkan kepada Waqaf An-Nur.

Sebagai pengurus, Waqaf An-Nur akan menggunakan dividen yang diwakafkan itu untuk membeli beraneka saham patuh syariah demi menyuburkan lagi ibadah wakaf.

Hasil daripada pembelian saham-saham tersebut akan disalurkan secara berterusan untuk manfaat masyarakat.

Satu lagi aktiviti baharu di bawah Waqaf An-Nur yang sedang dalam proses pembinaan ialah Pusara An-Nur yang terletak di Bandar Dato' Onn, Johor Bahru. Pusara An-Nur ini akan menjadi penanda aras kepada konsep pengurusan kubur yang sistematik dan efisien menerusi pengenalan sistem e-pusara.

Inisiatif ini diperkenalkan berlandaskan hasrat untuk menjadikan pusara atau tanah perkuburan sebagai sebuah tempat yang tidak harus ditakuti dan terbiar, sebaliknya lebih dekat dengan orang ramai dan menjadi sebahagian daripada dakwah kepada masyarakat untuk sentiasa mengingati kematian.





## KEBAJIKAN AM

Tidak melupakan peranannya dalam mengagihkan manfaat hasil daripada perwakafan kepada golongan sasaran, Waqaf An-Nur terus aktif menghulur sumbangan kepada golongan yang memerlukan, terutamanya ketika negara dilanda pandemik COVID-19. Sehubungan dengan itu, Waqaf An-Nur telah melancarkan 'Sumbangan Dana COVID-19' bagi memberi peluang kepada orang ramai untuk turut sama berinfak bagi membantu mereka yang memerlukan.

Bagi tahun 2020 sahaja, sejumlah RM11 juta telah diagihkan kepada golongan sasaran. Hampir separuh daripada sumbangan tersebut disalurkan kepada mereka yang terkesan akibat pandemik COVID-19.



## JALINAN UKHUWAH-SAHABAT JALANAN

Program turun padang bersama pemimpin dan masyarakat setempat tidak dapat dijalankan seperti kebiasaan akibat pandemik yang melanda. Rentetan itu, bermula pada Disember 2020, program Jalinan Ukhuwah-Sahabat Jalanan telah diwujudkan dan dilaksanakan. Program ini menyaksikan usaha menyantuni hampir 150 gelandangan di sekitar daerah Johor Bahru diadakan setiap minggu.

Terdapat sedikit kelainan yang ditampilkan menerusi program ini apabila para gelandangan tidak hanya dibekalkan dengan pek makanan, malah mereka juga diberi pelitup muka. Pada masa yang sama, peluang tersebut turut dimanfaatkan sebaiknya dengan menampilkan *street* dakwah atau melakukan dakwah di jalanan.

Secara ringkasnya, *street* dakwah menjadi wadah untuk berkongsi ilmu dengan golongan gelandangan menerusi nasihat yang disampaikan secara lebih santai dan ringkas agar golongan ini merasa lebih dekat dan tidak berasa terasing ataupun dipinggirkan oleh masyarakat. Sesi ini dikendalikan oleh Eksekutif Agama Waqaf An-Nur yang terdiri daripada imam dan bilal daripada rangkaian Masjid An-Nur.



# LAPORAN YAYASAN JOHOR CORPORATION



Yayasan Johor Corporation (Yayasan JCorp) adalah sebuah entiti yang ditubuhkan oleh Johor Corporation (JCorp) sebagai ejen pelaksana tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan penerapan elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) bagi merealisasikan misi *Membina & Membela* JCorp yang melibatkan pelajar sekolah dan universiti, guru-guru, ibu bapa serta komuniti setempat.

Visi utama Yayasan JCorp ialah menjadi sebuah institusi dan Yayasan yang terkemuka dalam menyediakan platform bagi inisiatif-inisiatif meningkatkan kualiti dan taraf sosioekonomi masyarakat, selari dengan slogan kami iaitu 'Memperkasa Kualiti Hidup'.

Yayasan JCorp memilih untuk memberikan fokus kepada empat bidang utama bagi menjayakan misi dan agenda ESG, iaitu:

- i. Pendidikan.
- ii. Seni, Budaya & Warisan.
- iii. Kesejahteraan Komuniti.
- iv. Alam Sekitar.



Menerusi empat bidang ini, Yayasan JCorp komited untuk menyumbang ke arah memperkasakan modal insan secara menyeluruh, membina jati diri serta menaikkan taraf sosioekonomi komuniti menerusi penguasaan kemahiran pekerjaan, kemahiran digital dan kemahiran keusahawanan.

Yayasan JCorp juga telah diamanahkan menjadi sebuah platform yang menguruskan semua inisiatif bantuan JCorp dan syarikat Kumpulan untuk disalurkan kepada individu-individu dan komuniti yang terkesan akibat pandemik COVID-19, di samping memberi bantuan dan sokongan kepada pertubuhan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) serta agensi kerajaan yang memerlukan sokongan.

Selaras dengan peralihan perubahan teknologi serta usaha untuk menyokong kempen 'Duduk Di Rumah' bagi mengawal penularan COVID-19, Yayasan JCorp terus komited menganjurkan aktiviti-aktiviti secara maya yang berfaedah untuk pelajar, guru, ibu bapa dan komuniti.

## BIDANG FOKUS PENDIDIKAN

### PROJEK TUISYEN YAYASAN JOHOR CORPORATION

Dilaksanakan sejak 2012 dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor, program ini khusus untuk murid-murid di Sekolah Rendah terpilih seluruh Negeri Johor. Sehingga kini, seramai 8,516 orang murid dari 64 sekolah telah memperoleh manfaat daripada program ini. Program ini juga telah ditambah baik melalui pembangunan modul Bahasa Inggeris iaitu 'Strive for Success' dengan kerjasama Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pendidikan Negeri Johor.

### PROGRAM PENGURUSAN KEWANGAN PRO DU-IT

Program ini dibangunkan atas keprihatinan dan kesedaran berkaitan isu kelemahan pengurusan kewangan dalam kalangan golongan remaja dan belia. Program ini menekankan aspek kemahiran dalam pengurusan kewangan secara sistematik serta melatih mereka untuk menabung dan mengurus kewangan dengan baik.

Modul pengurusan kewangan ini telah dibangunkan dengan kerjasama Universiti Malaya. Terdapat enam modul keseluruhannya yang menjurus kepada ilmu celik kewangan, keusahawanan, teknologi dan tanggungjawab sosial khusus untuk kanak-kanak berusia tujuh hingga 12 tahun.

## PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN KELAS RANCANGAN USAHAWAN

Bermula 2020, Program Kelestarian Sekolah atau 'Sustainability of School' diperkenalkan sebagai penambahbaikan kepada program Kelas Rancangan Usahawan (KRU) daripada aspek kualiti, jenama dan jualan produk. Faktor pemilihan utama program ini adalah penghasilan produk yang berpotensi untuk dikembangkan ke peringkat yang lebih tinggi. Sebagai permulaan, tiga sekolah dari 41 sekolah KRU telah dipilih sebagai sekolah rintis program 'Sustainability of School'.

Program ini juga melibatkan kerjasama daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Jabatan Pertanian, Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia, MARA, Kolej Komuniti dan GiatMara sebagai penasihat dan pemudahcara.



## LAPORAN YAYASAN JOHOR CORPORATION

## PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN INDUSTRI

Program Latihan Kemahiran Industri merupakan program yang membekalkan ilmu pembelajaran di dunia pekerjaan sebenar di samping memperoleh pengalaman praktikal dalam mempertingkatkan kebolehpasaran mereka.

Melalui program ini, Yayasan JCorp bertindak selaku 'System Integrator' menghubungkan antara pelajar-pelajar daripada Institusi Kemahiran, Program Vokasional Menengah Atas (PVMA) dan Kolej Vokasional dengan majikan yang terdiri daripada syarikat kumpulan JCorp serta agensi dan syarikat luar.

Sepanjang mengikuti program selama tiga hingga enam bulan ini, peserta akan memperoleh manfaat seperti elaun, kursus pembangunan diri dan sijil khas tamat program.

Antara rakan strategik jawatankuasa ini adalah Jabatan Pembangunan Kemahiran, Unit Strategik Modal Insan Johor, Human Resource Development Fund, Malaysian Employers Federation dan MARA.



## BIDANG FOKUS SENI, BUDAYA &amp; WARISAN

## PROGRAM GALAKAN MEMBACA

Bermula 2019, Yayasan JCorp telah dilantik sebagai 'local partner' oleh The Asia Foundation (TAF) dalam menjayakan Program Galakan Membaca & Memperkasa Bahasa Inggeris di Semenanjung.

Yayasan JCorp telah menerima 10,380 naskhah buku ilmiah berbahasa Inggeris. Buku-buku tersebut telah diedarkan kepada 345 buah sekolah rendah dan institusi pendidikan seluruh Malaysia melalui program yang dikenali sebagai "Books for Asia".

Yayasan JCorp turut menganjurkan JCorp English Challenge iaitu pertandingan berbentuk kuiz yang boleh diakses menerusi laman Facebook Johor Corporation bagi menyemarakkan lagi program "Books for Asia" ini. Selain itu, peserta juga boleh memuat turun aplikasi Let's Read! The Asia Foundation yang boleh didapati di Google Store bagi mendapatkan buku bacaan secara digital.

## PENDIDIKAN SEMARAK JAWI 2.0

Semarak Jawi 2.0 merupakan program penambahbaikan dan inovasi daripada program asal dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, persatuan khat dan beberapa NGO penggiat seni jawi.

Program ini mula aktif pada 2020 dalam kalangan pelajar sekolah rendah dan menengah seluruh negeri Johor. Sehingga kini, sebanyak 11 sekolah menengah telah dalam dengan program Keusahawanan Jawi yang memasarkan produk-produk kreatif berasaskan tulisan jawi.

Bagi menyemarakkan penggunaan tulisan warisan tanah air ini, pertandingan secara dalam talian untuk orang ramai telah dianjurkan di Facebook Yayasan JCorp. Antaranya adalah Kuiz Tulisan Cantik, Kuiz Jawi, Kuiz LIVE Jawi dan Pertandingan Menulis Komik Jawi.

## BIDANG FOKUS KESEJAHTERAAN KOMUNITI

### KESEJAHTERAAN KOMUNITI

Kesejahteraan Komuniti adalah bidang fokus baharu Yayasan JCorp yang berbentuk bantuan sumbangan kepada komuniti dan masyarakat yang memerlukan, selaras dengan agenda ESG yang menekankan aspek pembangunan sosioekonomi masyarakat dan komuniti.

Terdapat empat kategori bantuan yang disalurkan kepada orang ramai iaitu bantuan kebajikan, bencana, kesihatan dan pendidikan.

Antara inisiatif melalui bantuan Kesejahteraan Komuniti adalah :-

- i. Bantuan RM500,000 kepada Persatuan Cerebral Palsy Johor.
- ii. Menyalurkan sumbangan sebanyak RM150,000 kepada Tabung Prihatin UTM Skudai, Johor
- iii. Sumbangan komputer riba bernilai sebanyak RM90,000 kepada Yayasan Tunku Laksamana Johor
- iv. Peruntukan RM50,000 bagi menjayakan misi bantuan banjir
- v. Peruntukan RM150,000 bagi membantu pelajar kategori Asnaf dan B40, menerusi Dana Pendidikan bagi mengurangkan beban kos perbelanjaan serta yuran pendidikan dan pengajian mereka
- vi. Peruntukan RM170,000 kepada Jabatan Kesihatan Negeri Johor dengan kerjasama Yayasan Raja Zarith Sofiah Negeri Johor; serta
- vii. Peruntukan RM600,000 bagi projek Bank Makanan dan Kotak Makanan Yayasan JCorp bagi golongan yang terkesan akibat COVID-19.

### BANTUAN PENDIDIKAN

Yayasan JCorp telah memperkenalkan inisiatif Bantuan Pendidikan bertujuan untuk meringankan bebanan kewangan ibu bapa atau penjaga melalui bantuan yuran persediaan kemasukan ke pusat pengajian tinggi sementara menunggu pinjaman dan biasiswa yang ditawarkan.



Bantuan ini adalah berbentuk wang tunai dan diberikan secara *one-off* khusus untuk membantu golongan B40 dan keluarga yang mempunyai bilangan tanggungan anak yang ramai serta perlu memenuhi tanggungan mereka untuk melanjutkan pelajaran di peringkat institut pengajian tinggi.

Sejak dilaksanakan pada tahun 2017 dan sehingga kini, seramai 864 orang pelajar telah menerima manfaat dengan jumlah dana berjumlah RM331,689.

## BIDANG FOKUS ALAM SEKITAR


Program Alam Sekitar merupakan program baharu yang diperkenalkan untuk menyokong agenda ESG JCorp yang melibatkan kerjasama dan penglibatan secara menyeluruh daripada JCorp dan syarikat Kumpulan.

Terdapat empat elemen teras penting dalam pelaksanaan program ini, iaitu pemeliharaan dan pemuliharaan alam dan sungai, tanaman pokok, program kitar semula dan penjimatan tenaga.

## SEKSYEN 5

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT



- 
- A person wearing a light blue long-sleeved shirt and a dark tie is sitting at a desk. Their hands are resting on a stack of notebooks. A laptop is visible on the left side of the desk. The background is slightly blurred, showing a window with light coming through.
- 108. Penyata Tadbir Urus Korporat
  - 113. Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
  - 118. Laporan Jawatankuasa Lembaga Audit dan Risiko

# PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Tahun 2020 menyaksikan seluruh dunia berhadapan dengan suasana mencabar akibat penularan pandemik COVID-19 yang memberi kesan terhadap ekonomi global. Namun demikian, Johor Corporation (JCorp) terus mengorak langkah ke hadapan dalam memastikan pelaksanaan strategi tadbir urus korporatnya kekal mampan, lantaran menyedari betapa pentingnya bagi JCorp untuk terus menjalankan tanggungjawabnya demi membantu meningkatkan ekonomi negeri ini.

Sebagai sebuah Perbadanan Kerajaan Negeri Johor, JCorp tertakluk kepada undang-undang tubuhnya iaitu Enakmen Perbadanan Johor No.4/1968 dan Pindaan; Enakmen No.5/1995, Akta Perbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 (Akta 380) dan Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 (Akta 96).

JCorp sentiasa menekankan bahawa amalan tadbir urus korporat yang baik dapat memastikan integriti, kawalan dalaman yang kukuh dan amalan pengurusan risiko yang mantap akan terhasil. Seterusnya, ia dapat menyumbang kepada prestasi bisnes yang memberangsangkan serta mengukuhkan budaya korporat berdasarkan akauntabiliti dan ketelusan.

## AHLI-AHLI JOHOR CORPORATION

### KOMPOSISI

Seperti yang termaktub dalam Enakmen Bilangan 4 tahun 1968, Ahli-Ahli JCorp terdiri daripada:

- i. Seorang Pengerusi yang memegang jawatan Menteri Besar Johor.
- ii. Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh Raja.
- iii. Tiga orang wakil daripada Perkhidmatan Awam Negeri Johor (memegang jawatan Setiausaha Kerajaan, Penasihat Undang-Undang dan Pegawai Kewangan Negeri Johor).
- iv. Pengarah Perbadanan yang dilantik di bawah Seksyen 12 (dikenali sebagai Presiden dan Ketua Eksekutif).
- v. Tiga orang wakil daripada Kerajaan Persekutuan.
- vi. Tiga orang Pengarah Bebas yang dilantik oleh Raja dengan memiliki kelayakan, pengalaman dan kepakaran dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan perbankan, perkilangan, perumahan, perniagaan, kewangan serta bidang profesional atau pentadbiran.

Kesemua Ahli JCorp merupakan Pengarah Bukan Eksekutif kecuali Pengarah Perbadanan yang juga dikenali sebagai Presiden dan Ketua Eksekutif.

### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

Ahli-Ahli JCorp bertanggungjawab terhadap keseluruhan prestasi JCorp dengan menetapkan objektif, menentukan pelan strategi jangka panjang Kumpulan, di samping memastikan JCorp memenuhi peranan utamanya, iaitu sebagai peneraju pembangunan ekonomi Negeri Johor melalui entiti bisnes yang diusahakan dengan efisien serta efektif. Bisnes tersebut juga harus dipacu agar mampu menguasai pasaran dan berdaya saing serta menyumbang kepada kesejahteraan hidup masyarakat melalui pelaksanaan tanggungjawab korporatnya.

## MESYUARAT DAN KEHADIRAN

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, Ahli-Ahli JCorp telah bersidang sebanyak tiga kali. Berikut merupakan perincian kehadiran Ahli JCorp:


No	Nama	Jawatan	Ahli (Bebas/ Bukan Bebas)	Tarikh Dilantik	Kehadiran
1	YAB Dato' Haji Hasni Bin Mohammad	Menteri Besar Johor / Pengerusi Johor Corporation	Ahli Bukan Bebas	01/03/2020	3/3
2	YBhg Tan Sri Dr Ali Bin Hamsa	Timbalan Pengerusi, Johor Corporation	Ahli Bebas	15/06/2020	3/3
3	YBhg Datuk Syed Mohamed Bin Syed Ibrahim	Presiden & Ketua Eksekutif Johor Corporation	Ahli Bukan Bebas	09/01/2020	3/3
4	YB Dato' Haji Azmi Bin Rohani	Setiausaha Kerajaan Negeri Johor	Ahli Bukan Bebas	01/01/2017	3/3
5	YB Tuan Amir Bin Nasruddin	Penasihat Undang-Undang Negeri Johor	Ahli Bukan Bebas	01/01/2020	3/3
6	YB Dato' Haji A. Rahim Bin Haji Nin	Pegawai Kewangan Negeri Johor	Ahli Bukan Bebas	Meletakkan jawatan selaras dengan persaraan wajib pada 25 Januari 2021	3/3
	YB Dato' Salehuddin Bin Hassan			25/01/2021	-/-
7	YBhg Dato' Asri Bin Hamidon	Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan Malaysia	Ahli Bukan Bebas	15/06/2020	2/3
8	YBhg Datuk Saiful Anuar Bin Lebai Hussien	Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri	Ahli Bukan Bebas	01/10/2019	3/3
9	YBhg Datuk Nor Azri Bin Zulfakar	Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri	Ahli Bebas	08/03/2020	1/3
10	YBhg Dato' Sr. Hisham Bin Jafrey	Pengarah Urusan ARH Jurukur Bahan Sdn Bhd	Ahli Bebas	01/05/2020	3/3

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

## JAWATANKUASA LEMBAGA

Dalam melaksanakan tugas mereka, Ahli-Ahli JCorp dibantu dan disokong oleh empat Jawatankuasa utama iaitu Jawatankuasa Lembaga Tawaran, Jawatankuasa Lembaga Audit dan Risiko, Jawatankuasa Lembaga Eksekutif serta Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuhan.

## AHLI-AHLI JCORP



## JAWATANKUASA TADBIR URUS

JCorp sentiasa mendukung konsep tadbir urus dan sistem membuat keputusan berasaskan prinsip dan amalan syura. Pada peringkat pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan (MC), Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan (GMC), Jawatankuasa Pengurusan Tawaran (MTC), Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan (GRMC) dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko (ERMC) dibentuk untuk mengurus dan mengawasi perkara berkaitan operasi dan pelaburan.

## TADBIR URUS KORPORAT BAGI ENTITI TERSENARAI DALAM KUMPULAN JCORP

JCorp menyokong tadbir urus korporat yang terbaik di setiap syarikat dalam Kumpulan, terutamanya bagi empat entitinya yang tersenarai di papan utama Bursa Malaysia iaitu KPJ Healthcare Berhad, E.A Technique (M) Berhad, Al-`Aqar Healthcare REIT dan Al-Salām REIT. Empat syarikat tersenarai ini juga turut mematuhi keperluan berkanun, amalan terbaik dan garis panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti, Keperluan Penyeneraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Sekuriti Berhad, Panduan Tadbir Urus Korporat Bursa Malaysia dan Kod Malaysia mengenai Tadbir Urus Korporat. Entiti tersebut turut mempunyai Ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Audit masing-masing.



## PENGUKUHAN TADBIR URUS DAN PENGURUSAN RISIKO JCorp

Dalam usaha JCorp untuk terus memperkukuh kerangka tadbir urus korporat dan kebertanggungjawaban, JCorp turut menyokong dan menyumbang kepada inisiatif serta amalan terbaik yang mendorong kemantapan dalam tadbir urus dan pengurusan risiko serta kemampuan jangka panjang di peringkat institusi dan Kumpulan. Antara inisiatif tersebut termasuk:

### STRATEGI KE ARAH KEMAMPANAN JCorp

Sepanjang tahun 2020, Ahli-Ahli JCorp menyokong pertumbuhan inklusif dan pembangunan mampan sebagai strategi JCorp dalam bertindak balas terhadap pelbagai cabaran ekonomi dan impak pandemik COVID-19. Struktur organisasi telah dikaji secara menyeluruh dan diluluskan bagi memacu pelaksanaan strategi dan pelan kemampuan JCorp serta keperluan operasi demi memastikan JCorp terus berdaya tahan. Struktur dan polisi perolehan dan pelaburan berserta tanggungjawab dan peranan yang jelas telah diwujudkan selaras dengan usaha meningkatkan nilai pelaburan JCorp, melaksanakan inisiatif pengoptimuman kos dan strategi perancangan kerja.

### HAD KUASA MELULUS

JCorp beroperasi berlandaskan 'Had Kuasa Melulus' (Limits of Authority) yang telah dikemas kini bagi memperkukuhkan lagi budaya ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam organisasi. Dokumen ini telah diluluskan oleh Ahli JCorp pada 22 Jun 2020 dan ia meliputi lapan skop utama, iaitu Korporat, Audit, Undang-Undang dan Kesetiausahaan Syarikat, Kewangan dan Perakaunan, Sumber Manusia, Perolehan dan Pengurusan Kontrak, Pelaburan serta Aset. Dokumen ini akan dikaji semula secara berterusan bagi menjamin keberkesanan dan kekal relevan.

### PENGUKUHAN SENTINEL

Bagi mengimbangi kewajiban yang antara lain mencakupi tugas sebagai agen pembangunan negeri, pelaksana aktiviti bisnes dan keterangkuman sosial, JCorp perlu bertindak pantas. Oleh itu, fungsi pengurusan kesinambungan bisnes telah diwujudkan dan dipandu oleh Jawatankuasa Pengurusan Krisis, yang bertindak dan bertanggungjawab sebagai sentinel JCorp. Selain itu, JCorp juga kini mempunyai Rangka Kerja Pengurusan Risiko, Pengurusan Kesinambungan Bisnes dan juga Pengurusan Pematuhan yang komprehensif bagi memberi panduan dalam mengintegrasikan elemen pengurusan risiko dan kawalan dalaman dalam proses penilaian dan pembangunan pelan bisnes.

JCorp turut menzahirkan dukungan terhadap pengukuhan tadbir urus dengan memantapkan aspek keselamatan siber serta melaksanakan Program Transformasi Digital yang mencakupi transformasi dan pendigitalan Rangka Kerja Tadbir Urus, keberkesanan kawalan dan tadbir urus pengurusan data, pengurusan kebolehcapaian, mitigasi dan pencegahan terhadap ancaman siber.

## PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

### PEMBUDAYAAN INTEGRITI DAN AMALAN TADBIR URUS

JCorp sentiasa menekankan amalan budaya kerja yang unggul berlandaskan nilai moral dan etika yang kukuh. Ia sekali gus akan dapat membendung salah laku seperti jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. Sejar dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6, tahun 2013, Unit Integriti Kumpulan kini mengambil pendekatan yang lebih teliti dengan melaksanakan tiga fungsi teras utama, iaitu pengesanan dan pengesahan, tadbir urus serta pengukuhan integriti.

JCorp dan Kumpulan juga telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi mengekalkan budaya korporat yang sihat melalui pembudayaan integriti. Pengurusan JCorp bersama-sama Unit Integriti Kumpulan menjalankan program kesedaran berhubung kepentingan integriti di peringkat Kumpulan dan juga di peringkat konsultan dan pembekal JCorp serta Kumpulan, yakni selaras dengan penguatkuasaan Seksyen 17A SPRM 2009. Program kesedaran dan keterbukaan berhubung amalan berintegriti turut dirancarkan dengan penggunaan media elektronik sebagai platform komunikasi dalam pembudayaan integriti secara berterusan.

JCorp terus komited dalam menggalakkan pengamalan tadbir urus yang baik dan lebih bermakna. Justeru, polisi dan prosedur turut dikaji agar ia kekal relevan dan sejajar dengan amalan tadbir urus terbaik. Pendekatan baharu dengan mengutamakan konsep penjelasan, pemahaman dan penghayatan semangat dan hasrat di sebalik penghasilan polisi dan prosedur digunakan bagi menerapkan budaya kebertanggungjawaban, ketelusan dan penglibatan harmoni anggota pekerja JCorp serta Kumpulan secara menyeluruh dan seterusnya berupaya merangsang kecemerlangan dalam prestasi bisnes.

### PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Demi menyahut seruan Kerajaan berhubung pengukuhan tadbir urus, JCorp telah banyak melaksanakan inisiatif yang menjurus kepada pembentukan budaya ketelusan serta pemahaman dan pelaksanaan kawalan dalaman sepertimana yang diperincikan dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman Johor Corporation bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 di muka surat 113.

### PERHUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT

Ahli-Ahli JCorp dibantu oleh Jawatankuasa Lembaga Audit dan Risiko dalam usahanya untuk sentiasa memelihara hubungan yang telus dengan juruaudit dalaman dan luar. Maklumat lanjut mengenai Jawatankuasa Lembaga Audit dan Risiko boleh dirujuk dalam Laporan Jawatankuasa Lembaga Audit dan Risiko di muka surat 118.

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Tahun 2020 merupakan satu lagi tahun yang mencabar bagi Johor Corporation (JCorp) dengan menyaksikan pelbagai perubahan dalam landskap politik negara serta penularan wabak pandemik koronavirus (COVID-19). Kesemua cabaran ini telah menyebabkan JCorp terdedah kepada ketidakpastian dalam menguruskan risikonya sebagai sebuah entiti pelaburan. Bertunjangkan langkah-langkah kesiapsiagaannya, JCorp terus berusaha mengukuhkan proses pengurusan risiko sedia ada agar ia kekal mampan dalam menangani sebarang ketidakpastian, dan sekali gus memastikan keberkesanan pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang merangkumi aspek berikut:

## STRUKTUR PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Struktur pelaporan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman JCorp adalah seperti berikut :



## PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN


Setiap jawatankuasa di atas mempunyai tanggungjawab tersendiri. Berikut merupakan tanggungjawab jawatankuasa masing-masing:

Jawatankuasa	Tugas & Tanggungjawab
Ahli-Ahli JCorp	Bertanggungjawab sepenuhnya untuk mewujudkan dan mengekalkan sistem kawalan dalaman yang baik di JCorp. Struktur kawalan merangkumi proses mengenal pasti, menilai, mengawasi, mengurus dan bertindak terhadap risiko penting yang dihadapi oleh JCorp.
Jawatankuasa Lembaga Audit dan Risiko	Mewakili Ahli-Ahli JCorp, ia bertanggungjawab mengawasi keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dalaman, tadbir urus serta mengkaji status pelaksanaan tindakan mitigasi oleh pihak pengurusan.
Jawatankuasa Pengurusan Risiko & Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan	Menilai, mengkaji dan membuat keputusan berhubung dengan pengurusan risiko yang menyentuh aspek strategi dan operasi utama di peringkat JCorp dan Kumpulan.
Divisyen Tadbir Urus dan Risiko	Melaksana inisiatif pengukuhan tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman serta membantu JCorp melaksanakan fungsi sentinel.
Jawatankuasa Tadbir Urus Kumpulan	Membantu Divisyen Tadbir Urus dan Risiko Kumpulan melaksana dan menyelaras inisiatif pengukuhan tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan dalaman di peringkat JCorp dan Kumpulan.
Pemilik Risiko (RO) – Ketua Divisyen/Anak Syarikat/Projek	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan inisiatif pengurusan risiko dilaksanakan dengan baik dalam menilai dan membuat keputusan berkaitan strategi dan operasi utama.</li> <li>• Memastikan penilaian risiko dilakukan secara berhemat dan dipertimbangkan dengan teliti.</li> <li>• Memastikan pelan tindakan dilaksanakan dan ditangani di peringkat divisyen/anak syarikat/projek.</li> <li>• Mengkaji dan meluluskan 'Daftar Risiko' divisyen/anak syarikat/projek.</li> <li>• Bekerjasama dengan Divisyen Tadbir Urus dan Risiko Kumpulan (GGRD) dalam inisiatif pengurusan risiko (ERM).</li> <li>• Bertanggungjawab memuktamadkan semua maklumat risiko divisyen/anak syarikat/projek.</li> </ul>
Pengurus Risiko (RC)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengatur pertemuan dengan pemilik pelan tindakan masing-masing untuk membincangkan kemajuan, status profil risiko dan tindakan yang akan dilaporkan kepada GGRD.</li> <li>• Melengkapkan, mengemas kini dan menyelenggara 'Daftar Risiko' divisyen/anak syarikat/projek secara konsisten.</li> <li>• Membantu GGRD dan RO menyelaras aktiviti kesedaran dan latihan risiko di peringkat divisyen dan anak syarikat.</li> </ul>



## RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Rangka Kerja Pengurusan Risiko JCorp mengetengahkan garis panduan untuk semua pekerja tentang bagaimana mengurus dan mengawal pendedahan terhadap risiko besar yang boleh mengganggu pencapaian visi dan misi organisasi. Ahli JCorp telah meluluskan Polisi dan Rangka Kerja Pengurusan Risiko JCorp pada Mesyuarat Ahli-Ahli JCorp ke-188, pada 28 September 2020 yang menyaksikan Rangka Kerja Pengurusan Risiko ini pada dasarnya diselaraskan dengan Piawaian ISO 31000:2018 Pengurusan Risiko. Matlamat utama rangka kerja pengurusan risiko ini adalah untuk menyokong keseluruhan visi dan misi transformasi JCorp dengan:



## PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

# RANGKA KERJA KAWALAN DALAMAN

Strategi organisasi dirumus secara teratur oleh pihak pengurusan dan diluluskan oleh Ahli-Ahli JCorp. Pihak pengurusan bertanggungjawab sepenuhnya melaksanakan perancangan, mengenal pasti risiko dan memastikan wujudnya langkah kawalan yang bersesuaian. Matlamat ini dapat dicapai melalui struktur organisasi yang jelas memperincikan tanggungjawab, bidang kuasa dan prosedur pelaporan.

## POLISI DAN PROSEDUR

Polisi dan prosedur didokumentasikan secara komprehensif dan dikaji secara berkala untuk memastikan kesesuaian serta pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan semasa. Polisi dan prosedur juga membantu memastikan organisasi mengguna pakai 'had kuasa melulus' yang sesuai, aktiviti bisnes dijalankan mengikut piawaian yang ditetapkan dan tindakan mitigasi serta kawalan dalaman yang bersesuaian diambil dalam mengatasi serta meminimumkan risiko dan seterusnya memastikan kelancaran dan kelangsungan bisnes.

JCorp beroperasi berdasarkan garis panduan yang disediakan untuk mencapai tahap optimum dari segi kecekapan operasi, keberkesanan perkhidmatan serta keputusan kewangan yang diunjurkan. Kawalan yang khusus juga tersedia bagi memastikan pengurusan kewangan dikendali secara berhemat serta berupaya melindungi aset daripada kerugian fizikal, dan menginsuranskannya mengikut kadar yang sewajarnya.

## PELAPORAN KEWANGAN

Belanjawan terperinci disediakan oleh setiap syarikat dan dibentangkan kepada JCorp. Sesi pembentangan dipengerusikan oleh Presiden dan Ketua Eksekutif JCorp dan dianggotai oleh semua Ketua Divisyen JCorp.

Bagi tahun 2020, Pelan Kemampunan dan Belanjawan JCorp telah dibentangkan dan diluluskan oleh Ahli-Ahli JCorp, manakala belanjawan terperinci bagi setiap syarikat diluluskan di peringkat Lembaga Pengarah syarikat masing-masing.

## PENILAIAN PELABURAN

JCorp telah menyediakan polisi yang jelas berhubung dengan kelulusan pelaburan dan lain-lain bentuk perbelanjaan modal. Perbelanjaan yang dirancang dinyatakan dalam belanjawan tahunan. Kelulusan bagi perbelanjaan modal dibuat mengikut 'had kuasa melulus' yang telah ditetapkan oleh Ahli-Ahli JCorp. Semua cadangan pelaburan yang utama adalah tertakluk kepada penelitian Jawatankuasa Lembaga Eksekutif (EXCO) sebelum dibentangkan dalam mesyuarat Ahli-Ahli JCorp untuk kelulusan.

## PEMANTAUAN KAWALAN DALAMAN

Keberkesanan sistem kawalan dalaman kewangan dan prosedur operasinya dipantau oleh pihak pengurusan dan diaudit oleh juruaudit dalaman. Juruaudit dalaman mengguna pakai perancangan audit berasaskan risiko, yakni suatu pendekatan yang memerlukan juruaudit memberi tumpuan terhadap faktor yang mempengaruhi pencapaian objektif organisasi dan operasinya. Juruaudit dalaman kemudian melaporkan status keberkesanan kawalan dalaman kepada Jawatankuasa Lembaga Audit dan Risiko dan memantau pelaksanaan cadangan penambahbaikan.

Jawatankuasa Pengurusan Audit dan Pematuhan di peringkat JCorp juga telah ditubuhkan pada 23 Oktober 2020 bagi membantu pihak pengurusan dan Jawatankuasa Lembaga Audit dan Risiko memenuhi tanggungjawab pengawasan terhadap tindakan penambahbaikan kawalan dalaman serta pematuhan pelaporan kewangan. Penyelarasan oleh Jawatankuasa Pemantauan turut dilaksana di peringkat Kumpulan JCorp.

## AKTIVITI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Sepanjang tahun 2020, Ahli-Ahli JCorp bersama-sama pihak pengurusan telah bergerak aktif dan menjalankan pelbagai aktiviti serta inisiatif pengukuhan pengurusan risiko dan kawalan dalaman, antaranya:

1.  Mengkaji dan mewujudkan polisi dan rangka kerja utama yang mencakupi Polisi Pelaburan, Polisi Kewangan, Polisi Perolehan Kumpulan, Polisi Pengurusan Risiko, Polisi Pengurusan Kesenambungan Bisnes dan Polisi Pengurusan Pematuhan.
2.  Mengkaji dan mewujudkan jawatankuasa lembaga yang berfungsi membantu Ahli JCorp mengawasi keberkesanan strategi dan operasi. Jawatankuasa lembaga yang telah diluluskan pembentukannya ialah Jawatankuasa Lembaga Tawaran, Jawatankuasa Lembaga Eksekutif, Jawatankuasa Lembaga Audit dan Risiko, serta Jawatankuasa Lembaga Pencalonan dan Imbuhan.
3.  Mengkaji dan menyediakan manual 'Had Kuasa Melulus' yang bersesuaian dengan struktur pelaporan dan pengawasan terkini.
4.  Mengkaji dan mewujudkan jawatankuasa di peringkat pengurusan bagi membantu jawatankuasa lembaga melaksana dan mengurus keberkesanan pengurusan risiko dan kawalan dalaman. Jawatankuasa pengurusan yang telah diwujudkan ialah Jawatankuasa Pengurusan Tawaran, Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko.
5.  Mengkaji dan mewujudkan Jawatankuasa Tadbir Urus Kumpulan dan Jawatankuasa Pengurusan Audit dan Pematuhan bagi membantu GGRD menyelia keseragaman tadbir urus di peringkat Kumpulan serta memantau tindakan penyelesaian berkaitan isu-isu kawalan dalaman.
6.  Mengkaji dan merangka bidang kuasa bagi semua jawatankuasa, dengan tujuan untuk memastikan pemantauan kawalan dalaman dilaksanakan secara saksama.
7.  Menjalankan kajian persepsi dan penilaian budaya risiko di JCorp.
8.  Menjalankan kajian tadbir urus bersama konsultan Ernst & Young (EY), serta inisiatif kematangan risiko bersama-sama syarikat dalam Kumpulan.
9.  Mewujudkan fungsi kesinambungan bisnes di peringkat JCorp dan Kumpulan serta melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengannya termasuk Analisis Impak Perniagaan, Pelan Kesenambungan Bisnes dan penyediaan dokumen Pelan Pengurusan Krisis.
10.  Meneruskan Audit Verifikasi Pematuhan serta Penilaian Pematuhan Kendiri di JCorp dan Kumpulan.

# LAPORAN JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT DAN RISIKO

Penjenamaan semula melibatkan Jawatankuasa Lembaga Audit dan Risiko telah diluluskan oleh Ahli-Ahli JCorp pada 22 Jun 2020 bagi menyelaraskan nama jawatankuasa dengan portfolio yang dipertanggungjawabkan. Penambahbaikan ini melibatkan pemfokusan fungsi dan peranan bagi membantu Ahli-Ahli JCorp memastikan sistem tadbir urus korporat di Johor Corporation lebih efektif dan terancang di samping memantau kecukupan kawalan dalaman, keberkesanan proses pelaporan kewangan dan bukan kewangan, pengurusan risiko, pematuhan dasar serta pelaksanaan amalan berintegriti JCorp dan syarikat dalam Kumpulan.

## KOMPOSISI

Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, Jawatankuasa Lembaga Audit dan Risiko dianggotai oleh tiga ahli dan dipengerusikan oleh YBhg Dato Sr. Hisham Jafrey, Ahli JCorp yang juga merupakan Pengarah Bebas. YB Dato' Haji A. Rahim Haji Nin adalah mantan Ahli JCorp dan juga Pegawai Kewangan Negeri Johor (bersara wajib pada 25 Januari 2021). Puan Zainah Mustafa pula adalah Ahli Bebas Jawatankuasa dan merupakan Fellow Associate of Chartered Certified Accountant (FCCA) United Kingdom.

## KEHADIRAN MESYUARAT

Berdasarkan bidang tugas yang telah diluluskan oleh Ahli-Ahli JCorp, jawatankuasa ini hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya empat kali setahun. Pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, Jawatankuasa telah bersidang sebanyak lima kali (termasuk dua mesyuarat khas), sebagaimana keterangan berikut:

	Tarikh Mesyuarat				
	14 Januari	25 Februari (Mesy. Khas)	17 Ogos	23 Oktober	27 November (Mesy. Khas)
YBhg Dato' Sr. Hisham Jafrey (Pelantikan pada 1 Mei 2020)	-	-	✓	✓	✓
Puan Zainah Mustafa	✓	✓	✓	✓	✓
YB Dato' Haji A. Rahim Haji Nin	✓	✓	✓	✓	✓
YBhg Datuk Ibrahim Ahmad (Tamat perkhidmatannya pada 8 Mac 2020)	✓	✓	-	-	-

Perbincangan dan keputusan mesyuarat merangkumi isu audit, pengurusan risiko, perihal pematuhan, prestasi kewangan JCorp, hal ehwal operasi dan pentadbiran jawatankuasa serta perkara lain yang memerlukan kelulusan jawatankuasa dan Ahli JCorp. Presiden dan Ketua Eksekutif, pihak pengurusan kanan yang bertanggungjawab terhadap bidang berkaitan serta wakil juruaudit luar menghadiri mesyuarat atas jemputan.



## PENYATA KEWANGAN

- Mengkaji, mempertimbangkan serta memberi nasihat kepada Ahli JCorp berhubung prestasi kewangan JCorp secara berkala dengan memberi tumpuan terhadap:
  - Sebarang perubahan dalam polisi dan amalan kewangan.
  - Pelarasan utama lanjutan daripada kerja audit.
  - Andaian ketekalan.
  - Pematuhan kepada piawaian perakaunan dan keperluan undang-undang yang lain.

## AUDIT LUARAN

- Mengkaji bersama-sama juruaudit luar dan setelah itu dibawa untuk perhatian Ahli-Ahli JCorp berkenaan:
  - Pelantikan dan penamatan perkhidmatan juruaudit luar, bayaran perkhidmatan serta cadangan yang bersesuaian.
  - Skop dan perancangan kerja audit serta penyelarasan yang melibatkan para juruaudit luar JCorp dan Kumpulan.
  - Sebarang penemuan oleh juruaudit luar dan maklum balas daripada pihak pengurusan.
  - Masalah atau pemerhatian yang timbul daripada kerja-kerja audit.
- Memantau prestasi dan memastikan tahap pelaksanaan audit yang telus dan bebas oleh juruaudit luar.
- Mencadangkan untuk pertimbangan dan kelulusan Ahli-Ahli JCorp berkenaan Penyata Kewangan JCorp.

## AUDIT DALAMAN

- Mengkaji keberkesanan dan kemampuan sistem kawalan dalaman JCorp.
- Mengkaji dan memperaku perancangan aktiviti tahunan audit dalaman yang meliputi skop kerja, keanggotaan serta struktur organisasi fungsi audit dalaman.
- Mengawasi keberkesanan rangka kerja yang komprehensif untuk audit yang dinamik serta pelaksanaan audit dalaman termasuk prestasi dan pematuhan terhadap Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa (IPPF) Institut Juruaudit Dalaman (IIA) di samping memberikan cadangan yang bersesuaian.
- Mengkaji laporan dan pemerhatian audit serta memantau tindakan susulan dan penambahbaikan yang perlu diambil.

## PENGURUSAN RISIKO

- Mengkaji dan memperaku bahawa proses dan rangka kerja pengurusan risiko adalah menyeluruh dan komprehensif di peringkat JCorp dan Kumpulan.
- Mengkaji dan memastikan strategi pengurusan risiko sentiasa relevan serta mematuhi rangka kerja pengurusan risiko.
- Mengkaji dan membincangkan risiko utama yang dikenal pasti berdasarkan kategori risiko dan impaknya serta memberi cadangan yang bersesuaian untuk menangannya.
- Mengawasi dan menilai kecukupan dan keberkesanan tindakan mitigasi yang diambil oleh pengurusan.

## LAPORAN JAWATANKUASA LEMBAGA AUDIT DAN RISIKO

### PEMATUHAN

- Mengawasi pengurusan, operasi dan aktiviti perniagaan JCorp demi memastikan ia memenuhi keperluan perundangan, akta, garis panduan, polisi dan prosedur institusi yang berkaitan.

### ETIKA DAN INTEGRITI

- Mendukung dan mempromosi piawaian etika dan amalan berintegriti yang tinggi dalam kalangan Ahli JCorp dan para pekerja.
- Mengawasi, mengkaji dan memberi nasihat mengenai perkara berkaitan etika dan integriti pengurusan, operasi dan urusan niaga JCorp.

### TANGGUNGJAWAB LAIN

- Memangkin komitmen institusi terhadap kawalan dalaman yang utuh dan berkesan.
- Mengawasi secara berterusan polisi berkaitan audit, pengurusan risiko, etika dan integriti, serta pematuhan terhadap keperluan kawal selia, konflik kepentingan, dan pencegahan penipuan (fraud).
- Mengawasi status terkini berhubung tindakan undang-undang yang melibatkan JCorp dan Kumpulan.
- Mengawasi kesaksamaan pengiktirafan transaksi bagi syarikat berkaitan.

## RINGKASAN AKTIVITI

Pada tahun kewangan 31 Disember 2020, Jawatankuasa Lembaga Audit dan Risiko telah membincangkan dan memperaku perkara-perkara berikut:-

- Polisi Pengurusan Risiko, Polisi Pengurusan Pematuhan, Polisi Pengurusan Kesenambungan Bisnes dan seterusnya dibentangkan pada Mesyuarat Ahli-Ahli JCorp bagi tujuan kelulusan.
- Penubuhan jawatankuasa serta menetapkan bidang tugas Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kumpulan, Jawatankuasa Tadbir Urus Kumpulan, serta Jawatankuasa Pengurusan Audit dan Pematuhan.
- Laporan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang diadakan pada 21 Oktober 2020.
- Laporan mesyuarat Jawatankuasa Tadbir Urus Kumpulan yang diadakan pada 28 Julai 2020, 22 September 2020 dan 22 Disember 2020.
- Laporan dan penemuan audit yang dilaksanakan oleh juruaudit dalaman serta status tindakan penambahbaikan yang diambil oleh pihak Pengurusan.
- Risiko utama yang telah dikemas kini sepanjang tahun 2020, kecukupan kawalan dalaman serta keberkesanan langkah mitigasi.
- Akta dan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh JCorp, status pematuhan serta tindakan rektifikasi dan mitigasi.
- Penyempurnaan aspek integriti yang telah dilaksanakan Unit Integriti Kumpulan sepanjang 2020.
- Status terkini berhubung tindakan undang-undang yang melibatkan JCorp dan Kumpulan.
- Keputusan audit penyata kewangan tahunan bagi 2019 oleh juruaudit luar serta penemuan dan perkara lain yang menjadi perhatian mereka.
- Kecukupan skop audit dalaman, perancangan serta keperluan sumber bagi memacu pengukuhan tadbir urus dan kawalan dalaman yang relevan dan dinamik.

## **Johor Corporation**

Level 13, Menara KOMTAR, Johor Bahru City Centre  
80000 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tel : (607) 219 2692 Faks : (607) 223 3175

[www.jcorp.com.my](http://www.jcorp.com.my)

 [johorcorporationofficial](https://www.facebook.com/johorcorporationofficial)